

Bil. 30

**Khamis
4 Mei 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p): <i>Merujuk Akhbar New Straits Times Kepada</i> <i>Jawatankuasa Hak dan Kebebasan</i>	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.47 Maksud B.41 Maksud B.42 Maksud B.48 Maksud B.60 Maksud B.62	(Halaman 14) (Halaman 34) (Halaman 65) (Halaman 77) (Halaman 98) (Halaman 106)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.2) 2005 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.47 Maksud P.41 Maksud P.49 Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 14) (Halaman 34) (Halaman 88) (Halaman 55)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' YB Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

9. Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO

46. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO

84. Yang Berhormat Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A.,, K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO

-
121. Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
 122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 4 Mei 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p)****MERUJUK AKHBAR *NEW STRAITS TIMES* KEPADA
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Seperti di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) yang membenarkan satu usul tanpa notis diberi serta-merta mengenai hak dan kebebasan. Saya merujuk kepada laporan *The New Straits Times* hari ini muka surat 4 yang bertajuk "*Customs ignored MP's request*" yang berbunyi:

"Putrajaya: A Member of Parliament allegedly asked the Customs and Excise Department to "close one eye" in a case involving the import of sawn timber.

It is learnt that the department has submitted a detailed report on the MP's alleged interference into the seizure of sawn timber brought in from Indonesia at Sungai Linggi recently.

The MP is said to have gone to the Malacca Customs Office on April 14 to "settle" the matter. He had allegedly requested that the department "close one eye" in handling the case.

However, the Customs officials did not heed his request and went ahead to compound the agent who brought in the timber. The consignment of timber was also seized.

The action was taken because the agent had brought in sawn timber with a cross-section more than 60 inches. The Malaysian Timber Industrial Board only allows the import of sawn timber with a cross-section of less than 60 inches.

The agent of the Malacca-based company is said to have committed at least 14 offences this year alone. He is said to be trading in timber and sugar.

The offences were committed at Sungai Linggi and Sungai Rambai, the State's only barter trade points. A source said the MP met the State Customs Director and the state preventive unit head sometime in the middle of last month, and asked them to show "leniency" and "close one eye".

However, both replied that to do so would tarnish the integrity of the department and that they had to up-hold the law.

The source said a report detailing the sequence of events and what transpired during the meeting between the MP and the Customs officers was sent last month to the Ministry of Finance.

Meanwhile, Malacca Customs Director, Datuk Hashim Pardi, when contacted, confirmed the seizure of the sawn timber.

However, he refused to comment when asked if any MP had seen him to settle the case."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu siapa Ahli Parlimen yang disebut. Saya rasa ini bukan mustahak sekarang. Saya pun bukan berhasrat untuk menghalang untuk mengambil tindakan terhadap akhbar, itu bukan tujuan. Apa tujuan ialah patut kita bersama-sama untuk mempertahankan kemuliaan dan keistimewaan Parlimen ini. Oleh kerana laporan ini, dengan izin, *has cast an explosion* kepada semua Ahli Parlimen, pun kepada institusi Parlimen dan saya rasa inilah mustahak bahawa kita khasnya dalam masa kita mahu mempertingkatkan integriti, Parlimen boleh memberi satu contoh untuk menjaga integriti kita dan sebab itu saya bercadang membawa suatu usul bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) laporan *The New Straits Times* hari ini muka surat 4, bertajuk "*Customs ignored MP's request*" dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk siasatan dan laporannya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendengar kata-kata yang telah disediakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengenai laporan dalam akhbar *The New Straits Times* pada muka surat 4, mengenai kenyataan akhbar ataupun tuduhan yang dibuat dalam akhbar dan menjadi sebagai suatu kenyataan – suatu kenyataan akhbar bermakna sebagai suatu tuduhan dalam akhbar yang menyatakan lebih kurang, bahawa yang melibatkan Ahli Parlimen, yang melibatkan juga institusi Parlimen kerana ianya Ahli Parlimen bermakna ia juga melibatkan kewibawaan institusi Parlimen itu sendiri kerana tuduhan itu berupa, bahawa kononnya yang Ahli Parlimen ini menyuruh pegawai kerajaan yang berkenaan yang disebutkan tadi untuk ... dalam bahasa Inggerisnya "*close one eye*" untuk pandang sepi mengenai perkara ini mengenai *import sawn timber* mengenai importan kayu ini.

Jadi, saya nampak sini tuduhan ini mengenai perkara-perkara yang tertentu mengenai pengimportan *timber* dan juga walaupun tidak disebut nama dan mengenai terlibat dengan pegawai kerajaan yang tertentu, pangkat yang tertentu dan juga terlibat dengan Ahli Parlimen. Ini sebagai tuduhan sahaja. Oleh kerana ini melibatkan Ahli Parlimen dan juga kewibawaan institusi Parlimen di mata rakyat dan pada orang ramai, sudah tentulah ini akan - nama baik wakil rakyat di institusi Parlimen akan hendak tak hendak terlibat, jikalau betullah, jikalau betul. Jadi untuk menerangkan perkara ini

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen kita pun memahami untuk menjaga nama baik Ahli Parlimen. Itu cuma satu laporan. Kalau pegawai yang berkenaan bertanggungjawab ia tidak perlu didedahkan di dalam akhbar. Mungkin ada saluran-saluran yang kita amalkan pada hari ini untuk diperjelaskan daripada didedahkan kerana kita belum tahu akan kebenarannya. Ini sebagai laporan, seolah-olah ia satu pihak sahaja sedangkan satu pihak lagi mungkin. Kalau ada kes-kes seperti ini saya melihat sebagai apa yang telah Tuan Yang di-Pertua sebut tadi boleh dilaporkan kepada Speaker, kepada Menteri yang berkenaan atau kepada pihak yang lebih atas daripada ia didedahkan di dalam akhbar dan ini boleh diambil kesempatan oleh pihak-pihak lain. Terutamanya kita tahulah pembangkang memanglah selalu akan menanggung di air keruh lebih-lebih lagi dengan pilihan raya di Sarawak ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang penting ialah kita hendak juga tahu adakah ini benar atau tidak. Kita bukan kata ini benar tetapi ini terlibat dengan semua Ahli Parlimen. Saya rasa kalau kita Ahli Parlimen yang tidak terlibat kita hendak satu nama yang baik. Jadi, adalah penting kita apabila kita

mengambil sumpah di dalam Dewan ini kita kata kita akan menjaga nama baik Dewan ini. Jadi saya rasa adalah perlu mengadakan satu rujukan kepada Jawatankuasa ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong kenyataan Yang Berhormat Larut. Benar atau tidak masih belum jelas. Kalau perkara-perkara ini penting buat *report* polislah, baru buat siasatan. Lepas itu barulah apa-apa tindakan yang sepatutnya. Cerita ini benar atau tidak masih tidak dapat kita buktikan, supaya jangan ada orang yang terfitnah ataupun kita menuduh orang yang tidak bersalah. Kebenaran harus ditegakkan dengan satu penyiasatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham semua ini. Kalau mana-mana Ahli Parlimen terlibat ataupun dituduh sudah tentu nama institusi Parlimen sendiri terlibat. Jadi itulah sebabnya saya rasa kita boleh putuskan perkara ini dengan sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak pada usul untuk membawa perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya rasa nampak ada sikit perkara ini boleh dibawa untuk kita jelaskan perkara ini kalau boleh. Tetapi setuju atau tidak terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bawa perkara ini kepada Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri penjelasan sedikit. Kita di sini bukan kata siapa benar atau tak benar, patut atau tidak patut pendedahan, itu perkara lain. Tetapi oleh kerana kita ada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bertugas ialah untuk menjaga keistimewaan kita bila perkara semacam ini berlaku kita perlulah tidak boleh bergantung kepada agensi-agensi yang lain sama ada polis atau siapa. Kita ada agensi sendiri. Kita *autonomous*, bebas dan kalau tidak benar kita mahu membersihkan nama baik kita semua Ahli-ahli Parlimen, membersihkan institusi Parlimen dan kalau benar kita mahu tahu cerita yang sebenar. Itulah tanggungjawab kita.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap bagi pihak diri saya sebagai seorang Ahli Parlimen yang pernah juga dalam Dewan ini menegur kepada pihak masalah yang berlaku dalam perkhidmatan awam di mana saya menyatakan bahawa masalahnya ialah kerana kita ini tidak dalam perkhidmatan awam, mungkin ia sudah menjadi sebuah badan yang terlalu tua dan ia enggan untuk bertindak terhadap diri mereka.

Semalam juga saya menyatakan bahawa kita harus sebagai Ahli Parlimen mengurus hal kita sendiri. Jadi saya melihat bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini merupakan satu alat bagi kita mengurus hal kita dan saya bersetuju bahawa kalau perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini supaya Jawatankuasa kita sendiri yang akan memanggil saksi daripada surat khabar untuk melaporkan cerita yang sebenar, kita memanggil saksi-saksi yang terlibat dalam perkara ini dan barulah kita sendiri membuat keputusan mengenai perkara ini.

Ini saya rasa cara yang sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana berlaku kes tentang tuntutan palsu atau dakwaan terhadap tuntutan perjalanan yang palsu di mana pihak badan yang luar daripada Parlimen telah datang masuk ke Parlimen menyiasat dan mengambil dokumen untuk menyiasat bagi tujuan bagi mengambil tindakan kepada seorang Ahli Parlimen. Pada saya itu satu tindakan yang salah. Sepatutnya Parlimenlah yang bermula untuk melihat kepada tingkah laku Ahli-ahli Parlimen kerana kita sendiri bertanggungjawab terhadap kelakuan kita, tindakan kita dan tata tertib kita. Saya bersetuju dengan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa lagi hendak bercakap? Saya beri satu lagi kalau boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini rujukan sahaja ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan dipersetujukan.

Usul tidak persetujukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu *division*, berbelah bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Division*. Ya, satu *division*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Keputusan sudah dibuat apa lagi? Hormatlah Speaker.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mengikut kelazimanlah. Ini sebenarnya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan. Undian telah jelas menolak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita berdolak-dalik buat apa, sudah buat keputusan sudahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh dalam peraturan yang mengatakan boleh

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Point of order, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad, itu dalam Peraturan Mesyuarat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham bahawa pihak Ipoh Timor dan pihak pembangkang telah dapat menyuarakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dan saya pun telah memberi penerangan lebih lanjut mengenai perkara ini dan saya pun telah mengemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada setuju atau tidak untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dan keputusan saya daripada pungutan suara tadi adalah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju untuk merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No.1 – Y.B. Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) tidak hadir]

2. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang kejayaan yang dicapai dalam East Asia Summit yang telah diadakan pada bulan Disember yang lalu. Adakah penyertaan Australia, New Zealand dan India akan menjejaskan konsep sebenar EAEC seperti mana yang dicita-cita iaitu pembentukan persefahaman negara-negara Asia Timur sebenar dapat diwujudkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sidang kemuncak Asia Timur atau EAS telah diadakan di Kuala Lumpur pada 14 Disember 2005. Penganjuran EAS ini merupakan satu detik bersejarah kerana Malaysia menjadi tuan rumah sidang kemuncak yang pertama ini. Ia disertai oleh kesemua pemimpin negara-negara ASEAN, Australia, China, India, Jepun, Republik Korea dan New Zealand. Ini membuktikan bahawa negara-negara tersebut meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap sidang kemuncak ini. Manakala presiden Rusia, Vladimir Putin telah dijemput menghadiri sidang ini sebagai tetamu kerajaan Malaysia dan telah memberi ucapan kepada pemimpin-pemimpin EAS sebelum sesi bermula.

Di sidang kemuncak tersebut Ketua-ketua negara EAS telah berpeluang bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu strategik dan berkepentingan bersama. Sebanyak 17 inisiatif telah diutarakan termasuk kerjasama dalam bidang tenaga pembasmian penyakit berjangkit, kewangan, kerjasama cukai dan kastam, pencegahan keganasan dan kegiatan lanun, pembangunan infrastruktur, pembanterasannya jenayah rentas sempadan, pengurangan jurang digital dan pengawalan alam sekitar.

EAS ini juga melakarkan sejarah tersendiri apabila pemimpin EAS menandatangani deklarasi Kuala Lumpur mengenai sidang kemuncak Asia Timur dan memperakui deklarasi EAS mengenai pengawalan selesema burung. Secara keseluruhannya EAS tersebut adalah berjaya. Ini merupakan satu kejayaan politik bagi Malaysia sebagai negara pertama menghoskan sidang kemuncak bersejarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang masih menganggap EAS ini adalah kesinambungan daripada gagasan EAEC. Hakikatnya EAEC dan EAS adalah berbeza dari segi peranannya. Matlamat penubuhan EAEC adalah untuk mengujudkan sebuah kumpulan yang menumpukan ke arah kerjasama ekonomi dan hanya dianggotai oleh negara-negara ASEAN serta China, Jepun dan Korea. Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan konsep EAEC walaupun ia menerima banyak tentangan.

Atas usaha-usaha gigih Malaysia gagasan ini akhirnya menjadi realiti dengan penubuhan proses ASEAN + 3 melalui penganjuran sidang kemuncak ASEAN + 3 pertama pada tahun 1997 di Kuala Lumpur. Sejak itu Malaysia telah giat mengukuhkan proses ASEAN + 3 dengan menggalakkan kerjasama lebih luas dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, EAS pula melihat ke arah penyertaan yang lebih luas. EAS bukan sahaja dianggotai oleh negara-negara Asia Timur malah negara-negara lain yang boleh memainkan peranan sebagai rakan di rantau ini. Dan konsisten dengan pendirian EAS bahawa ia harus bersifat terbuka dan memandang keluar daripada bersifat tertutup dan eksklusif.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Apabila kita melihat East Asia Summit kita dapat membayangkan bahawa sebenarnya ini adalah merupakan kesinambungan daripada ilham kita untuk menubuhkan EAEC dan EAEC ini adalah merupakan satu pertubuhan atau satu *caucus* iaitu bertujuan untuk menggabungkan negara-negara Asia Timur khususnya selepas krisis ekonomi pada tahun 1997 dan kita mempunyai keinginan untuk mengadakan satu forum untuk membolehkan negara-negara Asia Timur ini menyelesaikan masalahnya sendiri seperti mana banyak pertubuhan-pertubuhan lain seperti EU dan juga NAFTA yang telah menubuhkan pertubuhannya sendiri.

Apa yang membimbangkan kita apabila East Asia Summit ini telah diwujudkan nampaknya banyak negara-negara yang tidak terletak dalam negara Asia Timur telah terlibat di dalam East Asia Summit ini dan ini telah menyebabkan, pada pendapat saya adalah merupakan satu duplikasi kepada pertubuhan-pertubuhan yang lain seperti APEC. Jadi persoalannya di sini adakah kita negara-negara Asia Timur tidak mempunyai hak untuk mengadakan satu pertubuhan sendiri untuk membolehkan negara-negara Asia Timur membincangkan masalah dalam negara-negara Asia Timur sendiri di kalangan negara-negara Asia.

Yang kedua, saya juga ingin mempersoalkan, kenapakah kalau kita lihatnya misalnya Australia yang menjadi sebahagian daripada ahli di dalam East Asia Summit ini, Australia telah pun mempunyai satu doktrin iaitu doktrin *preemptive strike* dan doktrin *deputy sheriff* kerana sekiranya doktrin ini masih dipegang ia akan menjadi satu ancaman kepada keselamatan Asia Timur.

Adakah East Asia telah meminta supaya Australia menggugurkan doktrin ini sebelum mereka diterima masuk? Kerana sekiranya doktrin ini masih dipegang ia akan menjadi satu ancaman kepada keselamatan Asia Timur. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kudat di atas soalan yang dikemukakan. Apabila EAEC dicadangkan oleh Malaysia sekitar awal dalam tahun 90-an iaitu dalam tahun 1990an ia tertumpu pada usaha untuk menggabungkan negara-negara sebagai blok ekonomi Asia Timur yang menolak negara-negara yang bukan bersifat Asia termasuk Amerika, termasuk Australia, New Zealand, Canada dan sebagainya hinggan orang menganggapkan bahawa *caucus*, atau East ASEAN *caucus* yang dicadangkan itu adalah *caucus* tanpa *caucasion* tanpa orang-orang yang negara-negara kulit putih dan sebagainya. Ia mendapat tentangan pada waktu

itu tetapi akhirnya di atas usaha kita juga, usaha-usaha yang dikaitkan dengan penubuhan EAEC boleh dikatakan hampir terjadi apabila akhirnya bersetuju menubuhkan apa yang disebutkan ASEAN +3, 10 negara ASEAN +3 lagi negara iaitu China, Jepun dan Korea Selatan. ebenarnya ASEAN + 3 itu adalah merupakan satu jelmaan yang hampir dengan apa yang disebutkan oleh EAEC.

Yang pentingnya di sini bahawa dalam mana-mana blok ekonomi orang selalu bertanya siapakah yang menjadi enjin ataupun jentera yang menjana pertumbuhan yang begitu besar. Dalam konteks ini ialah ASEAN dan begitulah juga apabila ASEAN +3, campur lagi 3 yang dimaksudkan campur lagi tiga ialah negara seperti Australia, New Zealand dan campur lagi satu India. Ianya penting dan memberi gambaran bahawa dalam rantau ini adalah terdapatnya soal keseimbangan, kebimbangan orang, apakah satu masa nanti China akan menjadi kuasa yang akan menjadi pemacu utama pada ASEAN +3 ataupun Jepun dan sebagainya.

Keseimbangan inilah yang penting dan yang diperlihatkan daripada penubuhan ataupun teretusnya idea East ASEAN Summit di mana akhirnya walau apa pun dimasukkan negara-negara seperti Australia, India dan juga New Zealand tadi, pemacu utamanya ialah ASEAN dan East ASEAN Summit ataupun Sidang Kemuncak Asia Timur hanya akan dijalankan di mana ASEAN dijalankan. Kalau tahun ini di Kuala Lumpur, tahun hadapan ianya akan diadakan di Filipina walaupun ada negara-negara yang lain yang besar mahu menjadi *host* kepada East Asean Summit tetapi akhirnya mereka bersetuju pemacu utamanya ialah Asia.

Dalam soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan apa yang disebutkan ialah kebimbangan Yang Berhormat bagi Kudat terhadap apa yang dikatakan ancaman negara seperti Australia, seperti *preemptive strike* dan sebagainya. Perlu saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa negara yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada East ASEAN Summit ini pertamanya mereka mestilah menjadi penandatanganan kepada apa yang disebutkan sebagai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu 'Treaty Amity and Cooperation' iaitu *Treaty* persahabatan dan kerjasama. Ia melakarkan secara terperinci mengenai soal-soal yang berkaitan dengan kedaulatan negara-negara. Soal kestabilan, soal integriti Wilayah atau territorial integriti, soal keselamatan dan sebagainya, dengan sendiri menafikan apa yang disebutkan soal-soal ancaman negara-negara lain yang menganggap kalau mereka merasakan negara tersebut melindungi penganas dan sebagainya, mereka boleh menyerang secara unilateral dan sebagainya. Dengan mereka menjadi penandatanganan kepada *Treaty* ini, kita merasakan bahawa ancaman yang disebutkan sebentar tadi itu tidak akan berlaku, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan berhubung dengan prestasi masa hadapan, EAS ini, dalam konteks geopolitik dalam konteks bayangan-bayangan dan dibayangi dengan kecemburuan terutamanya daripada kuasa global *hegemony* dengan izin, to Amerika sendiri yang saya kira perkembangan semasa menunjukkan tidak menyenangkan dengan kewujudan EAS ini. Lebih-lebih lagi ia akan membawa saingan kepada APEC misalnya dalam usaha mereka untuk menguasai perdagangan dan juga isu-isu politik di rantau ini. Apakah tindakan sekiranya EAC ataupun Malaysia sendiri dalam kita meletakkan dan menyesuaikan keadaan ataupun *reposition ourselves* dalam konteks ancaman ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya kira semua orang menyedari bahawa terdapatnya rasa kurang senang negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat ataupun keprihatinan mereka tentang penubuhan EAS ataupun sidang kemuncak Asia Timur yang berlaku di Kuala Lumpur baru-baru ini. Mungkin diinterpretasikan sebagai satu perkembangan baru yang boleh menidakkan dari segi peranan kuasa besar itu. Kita sendiri menganggap bahawa kuasa besar seperti Amerika seharusnya tidak merasa bimbang kerana dalam semua negara-negara yang menjadi anggota EAS yang saya maksudkan ASEAN +3, +3 tadi, bahawa mereka adalah merupakan *trading partner* atau sahabat perdagangan yang paling besar dengan Amerika. Amerika adalah merupakan saing rakan dagang yang terbesar pada Malaysia, pada Singapura, pada China, pada India dan sebagainya.

Dari segi itu dan dari segi hubungan dengan dua hala, dengan negara-negara yang menjadi anggota EAS, Amerika tetap menjadi rakan dagang yang utama. Cumanya sekarang ini sudah masanya apabila EAS telah ditubuhkan ialah kejayaan yang penting EAS ialah menimbulkan rasa keyakinan yang mendalam dan kuat di kalangan-kalangan negara yang bukannya blok besar tadi bahawa mereka mampu bersatu dan mereka bantu dan mampu untuk menubuhkan satu hubungan rakan yang bukan menjadi ancaman kepada orang lain dan inilah yang perlu difahami.

Kemudiannya sebagaimana yang disebutkan lanjutan daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tadi, satu daripada perkara yang menjadi asas penting kepada negara-negara yang ingin menjadi anggota kepada EAS ialah kesediaan mereka menandatangani *Treaty*, yang saya sebutkan, 'Treaty of Amity and Cooperation' tadi yang berkaitan dengan kestabilan dan keselamatan serantau. Ini mungkin menjadi halangan yang utama kerana buat masa ini negara seperti Amerika belum bersedia untuk menandatangani *Treaty* tersebut dan kita percaya sekiranya negara seperti Amerika bersedia untuk menandatangani maka hubungan dalam konteks ini akan lebih diperbaiki di masa akan datang, terima kasih.

3. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan usaha memperluaskan Festival Seni dan Budaya ke seluruh negara bagi meningkatkan nilai-nilai murni, perpaduan dan budi bahasa di kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Festival Seni dan Budaya adalah salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bawah Program Merayakan Seni dan Budaya. Matlamat Festival ialah untuk mendekatkan kembali rakyat dengan kegiatan seni budaya, serta mengukuhkan amalan, nilai-nilai murni, perpaduan dan budi bahasa di kalangan masyarakat.

Bagi memperluaskan program Festival Seni dan Budaya ke seluruh negara, KeKKWa telah menyusun pelbagai strategi, di antaranya ialah;

- (i) meluluskan taburan program Festival Seni dan Budaya peringkat kebangsaan ke negeri-negeri dan tidak sahaja tertumpu di Kuala Lumpur sebagai contoh, manifestasi bangsawan, Festival Gendang, kejuaraan gasing dan supaya keliling pada tahun 2005, manakala Festival Silat Seni dan Festival Kesenian Kanak-Kanak peringkat kebangsaan pada tahun 2006 akan diadakan di negeri-negeri;
- (ii) mengadakan program Festival Seni dan Budaya peringkat negeri di daerah-daerah seperti manifestasi teater, Festival Kesenian Kanak-Kanak, Festival Tari, Festival Permainan Tradisional dan Festival Kesenian Rakyat;
- (iii) Mengadakan Program Festival Seni dan Budaya dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan dan swasta. Pada tahun 2005 kementerian telah mengadakan program Festival Tari Malaysia dan Festival Teater Kanak-Kanak di peringkat kebangsaan dan negeri dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan swasta;
- (iv) kerajaan telah meluluskan dasar bahawa program Rakyat Seni dan Budaya akan diperluaskan di semua kawasan Parlimen melalui mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 hari bulan Januari 2006. Pada tahun 2005 sebanyak 595 aktiviti, program Rakyat Seni dan Budaya telah berjaya dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah dan bagi tahun 2006 pula sebanyak 655 aktiviti akan dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi-agensi peringkat daerah. Di antara perisian program Merayakan Seni dan Budaya ialah gotong-royong dan Kempen Budi Bahasa.

Sekian.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih di atas penerangan itu dan saya bangga kerana usaha yang dibuat oleh pihak kementerian ini telah bukan sahaja ditumpukan bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kampung-kampung di bandar-bandar kecil dan ini adalah satu usaha yang baik.

Walau bagaimanapun, saya ingat Timbalan Menteri terlupa tadi bahawa filem juga merupakan sebahagian daripada seni dan hubung kait dengan ini, saya tertarik dengan beberapa peristiwa, ruang-ruang di mana pihak kementerian mahu menekankan kepada soal hendak meningkatkan nilai-nilai murni dan perpaduan di kalangan rakyat, kita terima hakikat itu tetapi tidakkah pihak kementerian sedar bahawa ada usaha juga yang mahu mempamerkan keadaan-keadaan yang bercanggah dengan soal perpaduan ini. Contohnya ialah soal pembikinan sebuah filem dokumentari yang bertajuk '*Lelaki Komunis Terakhir*', di mana filem dokumentari ini adalah menceritakan tentang perjuangan Parti Komunis Malaya yang diharamkan serta mengenali pemimpin utama kumpulan Chin Peng ini.

Saya difahamkan filem ini akan ditayangkan di Kuala Lumpur pada 18 Mei, Penang dan begitu juga di Ipoh pada 19 Mei. Saya timbulkan perkara ini oleh kerana ia bercanggah dengan usaha gigih pihak kementerian hendakkan perpaduan tetapi ada segelintir pula hendak menceritakan perkara-perkara yang bercanggah dengan soal perpaduan ini.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua ialah tidakkah pihak kementerian sedar akan perkara ini dan kalau boleh mencari jalan dan langkah cara macam mana filem ini supaya tidak ditayangkan kepada masyarakat ramai kerana ia dibuat pula selari dengan tarikh penubuhan UMNO pada 11 Mei. UMNO kita menceritakan soal kegemilangan pemimpin-pemimpin yang lalu tetapi juga ini juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: ...ini juga ada salah satu puak lain untuk hendak menceritakan soal lelaki komunis terbaik.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak soalan itu Yang Berhormat!

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dia hilang sudah?

Dato' Wong Kam Hoong: Baik, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat yang mana Yang Berhormat utarakan ialah berkenaan dengan filem iaitu *Lelaki Komunis Terakhir* dan saya akan rujukkan perkara ini kepada kementerian saya sebab penapisan filem bukan di bawah kementerian saya tetapi di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kalau tidak silap saya, tetapi saya juga akan merujukkan hal itu kepada kementerian saya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasar Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan yang telah mencari dan melaksanakan perkara-perkara yang boleh mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa di negara kita ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri, saya rasa ada perkara-perkara yang mesti diambil perhatian oleh kementerian.

Soalan saya ialah apakah kementerian mengambil kira pandangan syarak tentang beberapa kebudayaan yang ditunjukkan kepada masyarakat kita? Dan, apakah kementerian merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tentang boleh atau pun tidak boleh dari segi syaraknya ataupun dari segi bahasanya iaitu dari segi hukumnya kerana kita bimbang - saya kira sama sahaja, orang PAS ada sesuatu yang baik dan orang UMNO pun hendak yang baik dan kita mencari sesuatu yang baik...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: UMNO lebih baik lagi. [Ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, dalam mencari suatu yang terbaik ini dan PAS mencari yang terbaik daripada UMNO yang terbaik lagi. Jadi, kita mahu apakah pandangan..

Seorang Ahli: Okeylah, sama-sama baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, okeylah-okeylah [*Ketawa*]. Jadi, apakah kementerian cuba sedaya upaya untuk merujuk benda ini kepada pandangan syarak, khususnya kepada fatwa kebangsaan terlebih dahulu. Sebelum daripada ianya dipamerkan kerana satu kes Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, saya dimaklumkan ada satu permainan yang permainan ini ijmak ulama kalau di Kelantan, Ketereh boleh *confirm* benda ini, kerana Ketereh ayahnya ulama.

Confirm, permainan ini budaya ini diharamkan oleh ijmak ulama iaitu permainan Mak Yong dan Menora, tetapi bagaimana, barangkali tersilap apa ke, kementerian pergi untuk menghidupkan permainan ini yang sudah pun lupus dan rakyat Kelantan dan rakyat-rakyat yang lain tidak sangatlah, tidak ada pun tidak apa benda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Apakah pandangan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa fasihlah berkenaan dengan iaitu yang soalan ini yang ada unsur-unsur keagamaan Islam sebagai satu...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Wong Kam Hoong: Saya akan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Penghormatan kepada pihak-pihak iaitu umat Muslim maka saya akan jawablah secara bertulislah, okey? Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah penjualan MV Agusta sebanyak 1 Euro satu keputusan yang bijak dan siapakah pembelinya? Adakah pembida-pembida yang lain? dan
- (b) bagaimanakah caranya pihak kerajaan menentukan Khazanah Malaysia terjamin dan tidak mudah jatuh ke tangan orang asing dan siapakah yang memberi kuasa putus untuk menjual Khazanah Malaysia jika ada cadangan menjualnya?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan bagi menjual keseluruhan kepentingan dalam MV Agusta Motors kepada GEVI adalah bertujuan untuk membolehkan PROTON menumpukan perhatian kepada *core business* dan meminimumkan pendedahannya kepada kerugian pelaburan dalam Agusta. Mengambil kira masalah yang dihadapi, kemungkinan besar Agusta akan menjadi mufis dan seterusnya mengakibatkan risiko komersial kewangan dan reputasi kepada PROTON. Urusan untuk menjual pegangan dalam Agusta dibuat berdasarkan hasil kajian sebuah Global Investment Bank yang menguruskan bahawa satu, modal perniagaan sedia adalah tidak, dengan izin, *operationally* dan *financially sustainable* dan keduanya bagi menjadikan perniagaan Agusta berdaya maju, Proton perlu menyediakan pembiayaan yang besar, tempoh bayaran balik yang panjang dan melibatkan risiko kewangan yang besar.

Mengambil kira dana pegangan pemegang saham yang negatif bertahun-tahun kerugian dan kegagalan mewujudkan pelan perniagaan yang konkrit, bank-bank pelaburan yang dilantik bagi menguruskan penjualan pegangannya dalam MV Agusta menghadapi

kesulitan memperolehi pembeli yang sedia menawarkan penilaian yang lebih tinggi kecuali pada nilai nominal.

Bagi soalan kedua, Khazanah Nasional Berhad atau Khazanah tidak mungkin jatuh ke tangan asing kerana Khazanah adalah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan menerusi Menteri Kewangan diperbadankan. Semua keputusan berkaitan pemilikan Khazanah akan ditentukan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan. Di samping itu Khazanah bukan merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur dan risiko kepentingan Khazanah jatuh ke tangan asing tidak akan timbul sama sekali Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah di atas ucapan yang telah diberi Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan tetapi pada saya kadang kita terlupa. Kita dulu ini 'duda', sebagai sebuah agensi kerajaan. Dimaksimumkan *by offnya* dengan lain perkataan, orang lain akan dapat keuntungan ataupun dapatkan...

Tuan Yang di-Pertua: *By out ke?*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *By outlah.* Jadi, pada saya perkara ini beginilah yang kita cemas dan risau kerana terdapatnya mengadakan jualan yang kita mungkin tersilap, akhir-akhirnya orang lain dapat. Barulah kita tahu dan baru-baru kita walaupun Khazanah tidak di disenaraikan dalam bursa tapi masih kita ada mengadakan orang kata, ada tempat-tempatnya yang berlaku dan itulah pada saya, saya khuatir kalau tidak dijaga betul-betul, satu-satunya khazanah atau harta Khazanah Malaysia akan jatuh pada orang lain. Jadi, yang saya soalkan minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal semasa Proton membeli Agusta, misal kata mungkin pada masa tu, pengurusan pada peringkat itu adalah baik dengan kos pembeliannya pada RM367 juta pada masa itu. Tetapi, sekarang ini boleh didapati Agusta itu adalah keadaan syarikat itu yang memberi beban kepada Proton maka keputusan sekarang, keputusan Lembaga Pengarah sekarang bila mereka sudah menjual, jadi mereka telah pun mengambil keputusan melantik *Credit Suisse as Financial Consultant* dan mereka telah mencari-cari sebenarnya, mencari-cari pembeli tidak ada yang beli cuma ada dua sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, iaitu GEVI dan satu lagi HMD Capital. GEVI menawarkan untuk mengambil alih keseluruhan *log stock and barrel* dengan izin, semua syarikat Agusta itu bermakna dia menanggung utang kesemua sekali. Tetapi, HMD Capital dia hanya hendak *manage*, hendak menguruskan.

Tetapi Proton terpaksa mengeluarkan tambahan kewangan untuk melabur lagi dalam Agusta, telah dianggarkan pada tahun 2006 sahaja lebih kurang 40 Euro, 40 bilion Euro, satu angka yang tinggi dan ini sebenarnya merugikan dan belum tentu syarikat ini akan berjaya. Oleh sebab itu, pihak pengurusan mengambil keputusan untuk menjual keseluruhannya kepada GEVI yang mengambil alih ke semua sekali termasuk hutang. Jadi, tak timbul lagi masalah kerugian akan datang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya kalau ikut hukum akal Tuan Yang di-Pertua, biasanya syarikat-syarikat asing ini jarang dia hendak menjual ekuitinya kalau tanpa sebab. Mungkin kita tidak pernah nampak mereka akan mengalami kerugian dan saya faham bahawa Kementerian Kewangan hendak menyelamatkan Proton. Oleh itu, apakah pihak kementerian tidak bersepadu dalam membuat tindakan, mungkin melibatkan MITI yang sentiasa membuat pelaburan, meninjau ke atas pemasaran di antarabangsa.

Mungkin ini boleh jadikan satu iktibar kepada Kementerian Kewangan, Khazanah terutamanya. Apakah kerugian yang kita alami ini yang melibatkan Khazanah dan wang rakyat akan menjadi satu pegangan panduan kewangan untuk masa depan apabila melibatkan pelaburan dengan mana-mana syarikat asing walau pun kita nampak pada zahirnya untung tetapi kita tak tahu akhirnya rugi. Kerana ikut hukum akal pada saya, biasanya jarang syarikat-syarikat asing ini bermurah hati hendak jual kalau tanpa sebab dia hendak rugi. Jadi, kita mintalah kalau ada tanda-tanda syarikat tu nak bankrap janganlah,

biar kita labur dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua, biar kita rugi depan mata rakyat kita sendiri, di tanah air kita sendiri, apa salahnya? Global tetap global.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan bermakna kalau kita melabur dalam negara kita ini kita tidak global. Berapa banyak sudah syarikat yang kita rugi? Bank Islam, banyak. Jadi, apa salahnya kita labur dalam negara kita. Biar kita nampak di depan mata kita syarikat yang telah menggunakan segala wang rakyat ini yang akhirnya akan mengembalikan balik segala keuntungan kepada rakyat. Kita tidak mahu indah khabar dari rupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itulah soalan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang saya katakan tadi bahawa pada peringkat itu PROTON berpendapat boleh menguntungkan. Sebab itu dia mengambil- alih Agusta, tapi akhirnya didapati tidak menguntungkan bahkan boleh menambah kerugian.

Sebab itu, pengurusan sekarang mengambil keputusan untuk menghapuskan dengan izin, *to cut loss* maksudnya ini mengurus perniagaan, kalau dah didapati rugi buat apa nak simpan lagi, jual. Ini satu pengajaran yang mahal saya kira, oleh kerana PROTON telah pun membelanjakan RM360 juta pada peringkat awal kemudian tambah lagi modal RM136 juta, jadi bermakna lebih kurang RM500 juta kerugian. Jadi, kita kena *cut loss*. Walau bagaimanapun peringkat sekarang ini PROTON masih lagi pada *last quarter of* tahun kewangan 2006 masih dapat menunjukkan keuntungan tetapi bila dikira-kira memang ditolak segala dividen dan juga cukai, dijangkakan mungkin didapati keuntungan tersimpan PROTON agak kurang sedikit pada tahun lepas Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Pelancongan menyatakan adakah pihak kementerian akan memastikan Syarikat Penerbangan Swasta Air Asia agar lebih prihatin dalam mempromosikan pelancongan di Malaysia kerana didapati tiada risalah pada pesawat yang menggambarkan imej mempromosikan Malaysia atau lokasi-lokasi pelancongan yang terdapat di negeri ini.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia sentiasa bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan termasuk syarikat penerbangan swasta Air Asia, mempromosikan destinasi pelancongan di Malaysia. Tourism Malaysia juga sedang dalam perbincangan lanjut dengan pihak Air Asia mengenai bentuk bekerjasama dalam usaha meningkatkan imej lokasi-lokasi pelancongan di Malaysia. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu saya ucap tahniah kepada Ketereh dan Jerailah kerana menggalakkan skim pelancongan dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah risalah-risalah ataupun makalah-makalah yang terdapat di dalam kapal terbang ini dapat menambah angka pelancong, saya kira tidak ada ukurannya.

Tetapi sekurang-kurangnya ia dapat menambah maklumat kepada penumpang-penumpang kapal terbang terhadap destinasi pelancongan yang bakal mereka tuju. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah memandangkan usaha-usaha ini, usaha rasionalisasi dua-dua kapal terbang MAS dan Air Asia ini telah menyebabkan tanggungjawab sosial kepada Air Asia ini bertambah daripada dahulu. Jadi, adakah pihak kementerian akan menggunakan kesempatan ini untuk memberikan risalah-risalah percuma pelancongan negara kepada Air Asia memandangkan mereka ini adalah *low-cost carrier*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Sing Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang selalu prihatin dengan isu-isu Kementerian Pelancongan. Memang seperti saya katakan tadi, kita dalam perbincangan dengan Air Asia melalui Tourism Malaysia supaya kita boleh ambil langkah-langkah untuk mempromosikan pelancongan di negara kita.

Antara langkah-langkah adalah seperti, satu membekalkan risalah-risalah destinasi dan juga kebudayaan, kembara dan alam semula jadi dan lain di kaunter-kaunter informasi

Air Asia untuk diedarkan kepada pelanggan Air Asia serta orang awam dan kita akan panggil mereka pun membawa dalam kapal terbanglah supaya lebih ramai pelancong atau rakyat Malaysia boleh dapat risalah-risalah. Kita juga melibatkan Air Asia secara langsung dalam promosi kempen domestik iaitu Cuti-cuti Malaysia Travel Fair untuk memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat tempahan penerbangan dan pakej domestik.

Ini menggalakkan percutian domestik dan kita juga bekerjasama dalam penyediaan iklan di akhbar utama tempatan bagi promosi Cuti-cuti Malaysia *with* Air Asia dan penyediaan iklan di akhbar utama tempatan dan Brunei serta radio bagi promosi *Go Asia*. Akhir sekali kita merancang dan bekerjasama dalam mempromosikan Visit Malaysia Year 2007, Tahun Melawat Malaysia 2007 melalui video VMY 2007 yang akan dibekalkan oleh Tourism Malaysia untuk ditayangkan di dalam pesawat Air Asia serta mengecat badan kapal terbang Air Asia dengan logo VMY 2007. Sekian.

6. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk memberi bantuan dalam bentuk subsidi atau rebat cukai pendapatan untuk bayaran penjagaan anak kepada ibu-ibu yang bekerja yang mempunyai anak kecil sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan ibu bekerja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, menyedari pentingnya khidmat asuhan kanak-kanak bagi membantu dan menggalakkan ibu-ibu yang mempunyai anak kecil terus bekerja terutama ibu-ibu yang berpendapatan rendah, kerajaan telah memperkenalkan beberapa skim galakan. Di antaranya ialah seperti berikut:

- (i) mulai tahun 1996, kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10% setahun bagi tempoh 10 tahun ke atas kos bangunan yang dibina khas untuk taska kepada majikan sektor swasta. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pihak swasta menubuhkan taska di tempat kerja;
- (ii) di sektor awam, kerajaan memberi insentif geran pelancaran kepada agensi kerajaan yang menubuhkan taska di tempat kerja. Majikan sektor kerajaan yang menduduki bangunan sendiri, tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang daripada PBT. Kadar insentif pada masa ini ialah sebanyak RM50,000 bagi sesebuah agensi manakala jumlah bayaran yuran pendaftaran dan pendaftaran semula taska masing-masing ialah sebanyak RM50;
- (iii) pada tahun 2005 pula, kerajaan meluluskan cadangan penubuhan taman asuhan kanak-kanak berasaskan komuniti atau taska komuniti. Melalui kaedah ini, kerajaan menyediakan geran pelancaran sebanyak RM55,000 serta subsidi yuran asuhan bagi isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 bagi kawasan bandar dan RM1,200 bagi kawasan luar bandar. Jumlah subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM180 sebulan bagi setiap kanak-kanak yang diterima masuk ke taska komuniti.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengenal pasti 10 kawasan sebagai lokasi taska komuniti. Selangor telah dipilih sebagai lokasi pertama untuk projek ini dimulakan. Taska Komuniti Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh, Selangor sudah mula beroperasi pada bulan April tahun ini. Dalam masa yang sama kementerian juga sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan lagi penubuhan taska di tempat kerja dalam sektor awam. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Beliau memberi jawapan yang panjang lebar tapi tidak menjawab soalan saya. Di dalam ada tulis iaitu sama ada akan memberi rebat atau tidak. Kalau tidak mengapa? Tapi saya harap dia akan jawab tapi sekarang adalah soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini siapakah yang akan melaksanakan yang dikatakan pusat asuhan komuniti? Bagaimana ia akan dijalankan? Dan siapakah yang akan mengendalikannya? Dan juga dikatakan bahawa terdapat banyak pusat penjagaan kanak-kanak atau taska di dalam negara ini sekarang tidak mendapat kelulusan dalam kerajaan tempatan. Mengikut operasi operatornya, adalah sangat susah mendapat kelulusan, syarat-syaratnya susah dipenuhi.

Saya rasa yang pentingnya ialah kita menolong operatornya memenuhi syarat-syarat yang munasabah. Dan bukan untuk menghukum, selalu dia kata akan meningkatkan hukuman. Saya rasa itu tidak akan mendatangkan faedah kepada sesiapa. Jadi saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab soalan sama ada kita akan memberi rebat kepada ibu-ibu yang bekerja dan juga soalan-soalan tambahan saya.

Dan akhir, sekali lagi ialah kita ada satu minggu lagi untuk mesyuarat Parlimen. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjanji bahawa akan mengadakan satu sesi dialog ataupun taklimat untuk memberitahu perkembangan *general budgeting* dan juga *focus point*. Dan saya bimbang kalau ia tidak dilaksanakan, kita tidak akan dapat taklimat itu. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Untuk jawab Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat telah mengemukakan banyak soalan, saya cuba satu demi satu saya jawab. Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan melantik organisasi atau agensi melalui pengiktirafan oleh Jawatankuasa Pengiktirafan yang ditubuhkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Organisasi atau agensi tersebut mestilah mempunyai pengalaman dalam mengendalikan taman asuhan kanak-kanak. Pengasuh adalah mereka yang telah pun menjalani dan lulus kursus asas asuhan kanak-kanak. Organisasi atau agensi yang telah diberi pengiktirafan akan menyediakan pengasuh dan taska komuniti ini adalah di bawah kendalian organisasi, agensi yang diiktiraf. Sebuah jawatankuasa taska komuniti terdiri daripada wakil penduduk setempat akan ditubuhkan supaya masalah yang berbangkit akan mudah ditangani.

Wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan kesihatan, jabatan bomba dan penyelamat dan KEMAS akan dilantik menganggotai jawatankuasa ini. Mengenai masalah kelulusan dari PBT, bomba dan juga jabatan kesihatan, memandangkan ini adalah di bawah kuasa di kementerian yang lain. Walau bagaimanapun kita selalu mengadakan perbincangan dan juga kita sekarang telah mencari jalan untuk menyenangkan untuk pengasuh-pengasuh ini. Salah satu langkah yang akan kita jalankan ialah kita akan meminda Akta Taska 1984.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Panjangnya jawapan.

Puan Chew Mei Fun: Supaya kita akan untuk memperkemarkan, meningkatkan lagi undang-undang sedia ada. Dan salah satu langkah yang akan kita ambil ialah kita akan memanjangkan tempoh lesen dari 12 bulan sampai ke 60 bulan. Ini bermakna pengasuh-pengasuh ini tidak payah untuk memohon lesen tiap-tiap tahun. Mengenai taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen, telah pun ditetapkan pada 8hb minggu depan. *Thank you*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(2005) 2006
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis." **[Hari kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005]

Tuan Pengerusi: Oleh sebab P.29 hanya namaan atau token sahaja maka ia tidak perlu di bahas.

[*Tiada perbahasan*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permohonan Kementerian Penerangan untuk menukar giliran dengan Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian, saya membenarkan Kementerian Penerangan didahulukan. Sekarang Kementerian Penerangan.

Maksud B.47 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.47 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk di bahas. Bukit Mertajam, saya pun baru dapat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Beri notis. Klam kabut, kita belum sedia lagi, kita sedia untuk pelajaran. Dan juga kesihatan belum lagi? Tuan Pengerusi, kesihatan pun belum lagi?

Tuan Pengerusi: Penerangan dululah, lain kali saya minta kementerian supaya dapat beri...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Out of no way.* Jangan izinkan dia.

Tuan Pengerusi: Kali ini saya benarkan, kali ini boleh jalankan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini dia tidak hormatlah Yang Berhormat yang perlu buat persediaan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian Penerangan sangat penting. Dia akan bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang betul kepada semua. Dan ini dia memberi peruntukan yang banyak kepada BERNAMA, ini untuk meningkatkan prestasinya. Tapi kalau kita tidak diberikan masa untuk bersedia untuk membahaskannya, saya rasa kita tidak akan menolong BERNAMA ataupun kementerian untuk menjalankan tugas. Jadi saya harap ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, BERNAMA merupakan satu agensi yang sangat penting. Tapi selama ini dia diberikan satu gambaran bahawa ini adalah agensi untuk kerajaan dan bukan agensi untuk negara. Saya harap dia boleh menjadi satu agensi yang bertaraf antarabangsa yang boleh digunakan beritanya boleh digunakan oleh semua *station* di seluruh dunia. Pada waktu sekarang ialah kita lihat bahawa BERNAMA ini lebih dianggap sebagai agensi kerajaan, berita kerajaan. Tetapi dia diberi peruntukan daripada semua rakyat. Semalam ialah *International Press Freedom Day*, dan kita tidak lihat BERNAMA menyambut. Satu hari yang begitu penting untuk mereka yang dalam industri *news*. Jadi saya hairan kenapa kementerian juga tidak memberitahu melalui stesennya, RTM dan juga *news agency* nya bahawa semalam ialah *International Press Freedom Day* dan *theme* dia ialah mengenai bahawa kalau kebebasan berita, *press freedom*, boleh membawa, boleh menolong mengurangkan kemiskinan.

Tidak ada gunanya kalau kita ada agensi yang canggih, agensi berita yang canggih tetapi dia hanya memihak kepada kerajaan dan menutup semua khabar-khabar yang dianggap tidak baik kepada kerajaan. Yang penting ialah semua agensi, berita dia mesti memberi kebenaran kepada rakyat. Seperti Dewan ini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, betul-betul ingin menjaga nama baik Dewan yang mulia ini.

Jadi hari ini patutnya tadi semua sokong untuk merujuk berita dalam *NST* pada pagi ini untuk menjadi siasatan seperti yang disokong oleh *chairman* atau Pengerusi BBC. Saya rasa ini adalah satu penyakit di dalam negara pada waktu sekarang. Bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil rakyat tidak berani bercakap untuk rakyat. Saya beri contoh bahawa di dalam untuk mengadakan satu pertubuhan bebas dan pengaduan pihak polis (IPCMC), yang betulnya kalau kita tanya rakyat, rakyat hendak IPCMC.

Tetapi di dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat di sebelah sana mereka berpihak kepada polis bukan berpihak kepada rakyat. Dan juga kalau kita tanya kepada *journalist* (pemberita-pemberita) sama ada mereka hendak hak untuk memberitahu kebenaran *press freedom*, mereka hendak. Sudah ada seramai

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:1000 nya, sekejap lagi. Seramai 1000 pemberita telah menandatangani memorandum kepada Yang Amat Berhormat supaya membebaskan media supaya media dapat memberitahu kebenaran, cakap benar kepada kerajaan, itu yang kehendak Yang Amat Berhormat tetapi tidak juga diberi. Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Bukit Mertajam kerana bagi laluan. Sebenarnya saya tidak gemar dengan ayat daripada Bukit Mertajam yang mengatakan, "Sebelah sini tidak bela rakyat". Hidup kami daripada mula-mula jadi wakil rakyat sehingga habis *term* kerja kami bela rakyat. Janganlah kerana ada satu isu yang kita tidak bersetuju, maka buat satu pandangan umum yang mengatakan kita tidak setuju. IPCMC ada satu bab lain. Soal rakyat setuju tidak, kita tidak buat *referendum* pun, tetapi kita ada pandangan kita, pembangkang ada pandangan dia. Tetapi jangan buat satu *generalization*, dengan izin bahawa kerana kita tidak setuju dengan pembangkang, maka apa yang diperkatakan oleh pembangkang itu, makna itu suara rakyat. Yang dikatakan oleh kita juga adalah merupakan suara rakyat. Kita bela rakyat miskin, kita bela ibu tunggal, kita bela segala-galanya. Tetapi ada isu yang kita tidak bersetuju. Jangan tuduh sembarangan Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pun tidak kata bahawa jangan tuduh. Kita di sini adalah demokrasi, kita boleh atau kita berhak untuk menyuara apa yang kita

percaya dan saya memberi peluang untuk Yang Berhormat yang tidak setuju untuk menyuarakan juga, tetapi di dalam negara ini apabila kerajaan membuat sesuatu umpamanya naikkan harga minyak. Kerajaan boleh naikkan harga minyak, tetapi rakyat adalah berhak untuk mengatakan tidak setuju juga. Seperti kerajaan adalah berhak untuk mengatakan tidak mahu bina ataupun hendak berhenti bina jambatan setengah ataupun *half bridge* di Johor sana.

Tetapi Dr. Mahathir dia juga berhak untuk mengatakan dia tidak bersetuju dengan kerajaan. Ini adalah demokrasi, ini adalah kebebasan untuk bersuara. Tetapi di sini ialah kerajaan tidak memberi hak itu kepada rakyat,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini semua dasar, ucapan dasar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu tetapi ini berkenaan dengan BERNAMA juga. Adakah BERNAMA....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah saya faham.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Keluar tajuk, keluar tajuk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:adakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita di peringkat Jawatankuasa, ucapan Yang Berhormat sepatutnya disuarakan semasa peringkat dasar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, peringkat dasar saya tidak ada peluang untuk bersuara, tetapi di sini juga adakah BERNAMA menerima arahan daripada kerajaan mengatakan, bahawa tidak melaporkan apa-apa berita mengenai demonstrasi rakyat yang protes tentang kenaikan harga. Saya rasa ada, kerana merata-rata dikatakan tidak boleh membawa berita seperti itu. Jadi ini adalah seperti, bahawa kerajaan berhak membuat apa juga tetapi rakyat tidak boleh menunjukkan kemarahan, tidak boleh meng~~express~~kan perasaan mereka. Mereka hanya menerima sahaja.

Kalau naik harga minyak tiga puluh sen, mesti kata berterima kasih kepada kerajaan kerana tidak naik empat puluh sen. Adakah ini yang katakan maju? Adakah ini adalah sebahagian Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah kita balik kepada tajuk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, balik kepada tajuk ialah peruntukan untuk BERNAMA. Jadi saya ingin tahu, mengapa BERNAMA tidak membawa berita-berita seperti itu? Adakah BERNAMA ini satu agensi Barisan Nasional? Kalau dia agensi Barisan Nasional peruntukan ini tidak sepatutnya datang daripada kerajaan. Dia sepatutnya diperuntukkan wang itu daripada Barisan Nasional. Jadi, kalau kita hendak maju kita patutlah mengadakan piawaian antarabangsa iaitu memberi kebebasan kepada BERNAMA, kepada semua media.

Saya rasa media boleh buat kerja untuk memastikan, menolong kerajaan supaya kerajaan boleh mengadakan sebuah kerajaan yang telus, yang lebih baik tadbirnya, yang mengurangkan korupsi dan juga kurangkan kemiskinan. Kerana pada waktu sekarang kita tidak memihak kepada orang miskin, memihak kepada orang yang kaya yang tidak

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:membuat yang mendapat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:memihak kepada wakil rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tolong menerima nasihat saya ini semua dasar cukuplah, cukup, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya saya tahu tetapi saya hendak tengok....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Melalutlah, melalutlah dia ini.
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: sama ada BERNAMA akan mengambil....
Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Cakap tajuklah, melalutlah.
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:akan membawa berita pagi ini.
Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih.
Beberapa Ahli: [Bangun]
Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup. Serdang.

11.21 pagi

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat harap tuju kepada tajuk, jangan berikan ucapan dasar.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya tidak luar daripada tajuk itu. Saya tahu peringkat Jawatankuasa berkaitan dengan peruntukan tambahan RM5 juta untuk BERNAMA. BERNAMA merupakan satu berita rasmi dan pertubuhan untuk menyiarkan maklum balas dan dasar-dasar kerajaan untuk masyarakat tempatan dan juga luar negeri. Tetapi untuk peruntukan tambahan saya beri sokongan kerana meningkatkan lagi peralatan BERNAMA pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan BERNAMA telah ditubuhkan begitu lama dan telah wujudkan cawangan bahasa Mandarin untuk memberi penjelasan ataupun penerangan dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat setempat dan juga luar negara. Jadi dengan demikian saya minta berapa jumlah perjanjian telah diikat dengan kerajaan asing untuk mendapat berita-berita dari negara berkenaan supaya dapat tahu apa yang berlaku. Dan juga balasan melalui BERNAMA bahagian bahasa Mandarin itu juga dapat memberilah penjelasan kepada negara-negara yang berkaitan seperti pelancongan di negeri China. Negatif berita telah disiarkan dalam negeri China di mana menjejaskan imej Malaysia.

Jadi menyebabkan pelancong negeri China kurang datang ke Malaysia. Maka itu adalah satu peranan yang dimainkan oleh BERNAMA melalui bahasa Mandarin itu supaya rakyat negeri China akan faham apa sebenarnya berlaku di negara kita ini. Ini satu tanggungjawab dan tugas yang begitu penting untuk memberi penjelasan kepada negeri China, di mana kedudukan yang sebenarnya bukan yang disiarkan seperti mana yang dikatakan oleh *mass media* di negeri China. Ini salah satunya, jadi jumlah anggotanya, jumlah pegawai dan kakitangan yang menyertai dalam program bahasa Mandarin di dalam BERNAMA. Adakah rancangan untuk memperluaskan lagi agensi bahasa Mandarin itu, dan untuk mendapat berita lebih hebat lagi untuk masa akan datang?

Dan juga saya minta penjelasan cara mana BERNAMA untuk memberi penjelasan kepada luar negeri berkaitan dengan berita-berita negatif yang telah disiarkan di negara Barat terutama sekali daripada *mass media* yang sentiasa tidak bersahabat baik dengan negara kita ini. Kalau berita-berita negatif itu sentiasa disebar dalam negara luar itu, maka menjejaskan imej negara kita. Inilah satu tanggungjawab dan tugas perlu dimainkan oleh BERNAMA untuk membersihkan atau membetulkan berita-berita negatif itu, supaya berita yang diputarbelitkan oleh negara itu tidak dapat mencapai objektifnya.

Jadi itu sebab pentingnya BERNAMA supaya memainkan peranan sebagai *mass media* yang begitu penting untuk negara kita dan negara luar. Jadi sebab itu saya minta penjelasan berkaitan dengan BERNAMA yang dijalankan pada masa ini. Sekian terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit. Ada dua lagi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Menteri jawab.

11.24 pagi

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh berkaitan dengan BERNAMA juga Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah dengan izin *business plan* BERNAMA untuk masa depan? Di peringkat dalam negeri saya percaya BERNAMA sedikit sebanyak telah berjaya memainkan peranan yang dikehendaki. Tetapi bukan setakat BERNAMA ini untuk dalam negara, saya berharap BERNAMA dapat pergi jauh. Jadi di sini kita ingin tahu sama ada BERNAMA ini untuk menjadi agensi berita di peringkat ASEAN yang tersohor ataupun di peringkat negara-negara Islam ataupun di peringkat dunia.

Hari ini kita ada berita misalnya agensi berita Al-Jazeera yang begitu popular sekarang ini. Mengapa misalnya BERNAMA tidak memainkan peranan ke arah itu? Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Serdang tadi. Hari ini BERNAMA harus memainkan peranan untuk memperbetulkan imej atau anggapan setengah-setengah masyarakat dunia yang mengatakan orang Islam ini ramai yang menjadi pengganas, jadi ini satu imej yang harus diperbetulkan. Dan saya percaya jika BERNAMA diberi peluang, mempunyai kelengkapan dan tenaga yang cukup, saya percaya BERNAMA boleh memainkan peranan ini. Jadi saya harapkan pihak kementerian dapat menjelaskan dengan izin *business plan* BERNAMA untuk jangka panjang ke arah mana BERNAMA hendak pergi, di peringkat global, ASEAN atau sebagainya. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

11.26 pagi

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan B.47 ini Sabak Bernam ingin meminta agar Kementerian Penerangan memberikan penegasan sebagai kementerian ataupun *lead agency* untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan RMK-9 ini, supaya dapat dipertingkatkan penerangan dan penjelasannya kepada rakyat secara menyeluruh, bukan sahaja melalui media elektronik tetapi juga melalui media cetak. Sebagai contoh sewajarnya diadakan risalah-risalah berkaitan dengan RMK-9 itu disampaikan terus kepada pimpinan akar umbi agar rakyat boleh turut sama dalam agenda membangunkan negara ini. Itu perkara yang pertama.

Yang keduanya, Sabak Bernam pernah mencadangkan supaya Kementerian Penerangan ini menjadi agensi yang ke hadapan dalam konteks penyampaian berita dan juga rancangan-rancangan sama ada di dalam televisyen ataupun di dada akhbar, yang banyak memaparkan perkara-perkara yang lebih berunsur kepada hiburan daripada maklumat yang bernilai ilmu. Jadi dalam konteks ini kita berharap supaya kementerian menjadi pengerusi kepada jawatankuasa, umpamanya kawalan dan penapisan berita-berita yang hendak disampaikan kepada rakyat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi diizinkan ke dalam Jawatankuasa ini untuk pencilahan? Saya izinkan sahabat saya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kena tepat kepada tajuk yang kita bangkitkan.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya, *lead agency*. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sebagai *lead agency*, sebagaimana yang telah disentuh sebentar tadi berkenaan dengan silap faham ataupun kurang penjelasan terhadap Islam itu sendiri sehinggakan gambaran yang tidak jelas, tanggapan yang tidak betul terhadap orang Islam kononnya Islam ini ganas. Saya percaya sebagai *lead agency* penekanan dan pendedahan terhadap Islam Hadhari itu saya rasa perlu diteruskan dan diperhebatkan lagi, supaya gambaran terhadap ajaran dan umat Islam itu yang menganut ajaran ini sebenarnya bukan ganas. Bagaimana minta penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya sangat bersetuju kepada pandangan sahabat saya dan kita minta *respond* yang positif daripada Kementerian. Dan yang akhir sekali daripada pihak Sabak Bernam, Sabak Bernam minta supaya dalam konteks KPI, dengan izin, *Key Performance Indicators* pencapaian Kementerian ini nanti. Di manakah TOVnya *take off valuenya*, dengan izin, supaya nanti kita akan nampak sampai kepada tahap tertentu akan jelas bahawa Kementerian ini telah memainkan peranan yang positif. Sehingga sekarang ini sebenarnya Sabak Bernam ingin rakam syabas dan tahniahlah sebab Kementerian Penerangan telah pun menjalankan berbagai-bagai usaha untuk mengkehadapankan lagi agenda dan programnya. Sabak Bernam menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.29 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan peruntukan untuk meminta RM5 juta ini, saya mahu tanya adakah ini usaha ke arah satu *first world, first class National News Agency*? Adakah atau tidak? Kalau kita mahu menjadikan BERNAMA menjadi *first world, first class* Berita News Agensi, kita perlu memenuhi beberapa syarat adil, bebas dan *high performance*. Boleh menjadi *first class*? Bukan tidak ada syarat-syarat di Malaysia, tidak ada institusi-institusi boleh menjadi *first class*, Al-Jazeera tadi ada disebut.

Tetapi kenapa al-Jazeera satu badan luar negeri datang boleh ada di *first class*, tetapi kita di *home grown*, tak boleh jadi *first class*? BERNAMA, mana itu *first class*? Saya tengok tadi, berita-berita BERNAMA semalam. Mana itu berita mengenai pembangkang? [Dewan riuh ketawa]. Tidakkah ahli-ahli pembangkang ada menyuarakan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu suara DAP lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...benda-benda yang ada untung, berfaedah, tidak!! Ketawa apa? Ketawa apa? Yang menunjukkan fikiran bodoh sahaja, bukan kalau ketawa dalam perkara ini? *If you are just fool, don't show your fools!!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Don't demonstrate your fools.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Diam! Ketawa apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Jangan tunjukkan kepada saya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ipoh Timor, ikut tajuklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu tahu, apa ketawa?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini cerita dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah oleh sebab pembangkang tidak ada pandangan yang bernas, yang bernilai, dan apabila saya kenapa tidak, dilupakan..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa ketawa? Orang yang bodoh baru ketawa dalam keadaan semacam ini.

Seorang Ahli: Demokrasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, demokrasi untuk orang terus menjadi bodoh. Saya tidak bersetuju.

Seorang Ahli: Tak ada cadangan pun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada demokrasi untuk terus menjadi bodoh, ya ada?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Lim Kit Siang bodoh!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Got to be ... to be fool, yes!!* Tapi, ada tiga syarat untuk menjadi *first class* institusi-institusi yang hendak disuarakan, dilahirkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *First class mentality*, adakah, bolehkah BERNAMA menjadi *first world, first class national news agency*? Bagaimana kita boleh menyalahkan BERNAMA tidak menjadi *first world, first class* institusi apabila kita Parlimen ...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: BERNAMA memandang dah *first*. Kita beli dulu alat itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timo]: Apabila Parlimen kita, kita bukan nak *first ..* Parlimen.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Kita luluskan dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan apa lihat pagi ini? Bahawa kita tidak rela untuk menangani isu kita sendiri?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Mengenai hal ehwal *New Straits Times* itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekali lagi terkeluar daripada dasar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terkeluar, terkeluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan dasar, yang ini dasar. Ini peraturan, Peraturan 67..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan 67(9) di mana ada disebut bahawa;

"except in so far as such policy or expenditure is brought before the Committee by the particulars..."

Seorang ahli: Ketua Pembangkang jangan tunjuk bodoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah, baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itu ada. Saya mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan bagaimana kita boleh menyalahkan BERNAMA, bukan *first class, first world institution* apabila Parlimen sendiri bukan *first world*. Mana kita ada kewibawaan untuk menangani isu-isu kita sendiri mengenai Ahli-ahli Parlimen? *[Disampuk]*. Apa itu? Inilah sebenarnya saya rasa sangat sedih, oleh sebab kita ada harap dua tahun, selepas dua tahun Parlimen menuju kepada satu institusi *first class, first world Parliament*, tetapi nampaknya, kita tidak ada syarat-syarat yang menjadi sekurang-kurangnya Pengerusi BBC. Tunjuk apa yang patut dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sekarang kita bincang Kementerian Penerangan.

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya itu, itu mustahak. Kalau begitu, apa guna kita bincang. Tak guna semua ini. Kita tidak ada *first class Parliament*. Bincang Apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bincang apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita bincang Kementerian Penerangan sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna bincang Kementerian Penerangan yang menerangkan apabila Parlimen bukan *first world, Parliament*.

Seorang Ahli: *Third class* pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Parlimen, *third class Parliament*. Oleh sebab ada Ahli-ahli Parlimen yang kita dengar suara itu, empat *class*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah. Saya harap boleh rehatlah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan saya harap bahawa [*Disampuk*]. Kalau inilah sikap, boleh panggil dan menyampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mimpi, idea, visi untuk mengada *first world mentality* perlulah dihakiskan, perlulah dibasmikan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan Nasional Misi Yang Berhormat Menteri ada di sini. Mungkin dia boleh menyampaikan kepada Kabinet bertanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak layaklah untuk ada visi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *First class* institusi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor bukan berucap. Dia ceramah, tengok sana, tak mahu tengok sini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ceramah umum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Tangga Batu, baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timor ceramah umum di Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cakap macam radio pekak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun bercakap tanpa mic*].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Habis dah Yang Berhormat. Yang Berhormat!! Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timor faham peraturan tak ini Tuan Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna kata Peraturan Mesyuarat apabila tak faham apa institusi Parlimen? Apa guna, apa guna itu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pagi ini pun tak faham, apa guna?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa yang tak faham? Kita semua faham. Ipoh Timor tak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cetek fikiran. Itu *lecture the ..*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Wah, macam dia seorang intelek. [Disampuk]. Ipoh Timor dah boleh pencen dah. Tuan Pengerusi, macam ini cakap dia, Ipoh Timor. Lembut, lembut, supaya Timbalan Menteri dengar pun senang hati, boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk. Tak payah sebut Ipoh Timor.

11.37 pagi

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okey, maksud P.47, Tuan Pengerusi. BERNAMA adalah sebuah agensi yang diharapkan menjadi penyampai berita yang berdaya harap dan boleh dipercayai. Tuan Pengerusi, apabila kita ingin menghasilkan satu produk, ataupun perkhidmatan yang berkualiti kita kena lihat perkara utamanya adalah anggota kerjanya, staff yang membina struktur BERNAMA itu tadi. Tuan Pengerusi kita ada satu kes. Kes ini begitu *classical*. Di mana seorang staff BERNAMA yang sudah berkhidmat selama 10 tahun, seorang pegawai berkelulusan ijazah, gajinya baru RM2,100.00. RM2,100.00 ini gaji pokok. Sudah bertugas selama 10 tahun.

Tuan Pengerusi, apa salahnya jika kita ingin membina sebuah agensi yang berkualiti, kita izinkan anggota kerja BERNAMA ini untuk menunjukkan keupayaan mereka, menunjukkan kebolehan mereka dengan menulis di dalam majalah-majalah utama dunia, umpamanya majalah *TIMES*, majalah *News Week* dan sebagainya. Mereka berhak mendapat ganjaran daripada tulisan-tulisan mereka jika tulisan ini digunapakai oleh majalah-majalah tersebut.

Hari ini, pihak agensi tidak membenarkan mereka anggota kerja BERNAMA yang mempunyai upaya ini melakukan sedemikian. Jika mereka melakukannya, mereka akan melanggar peraturan-peraturan BERNAMA dan akhirnya akan dihukum dan diberhentikan kerja. Jadi di sini Tuan Pengerusi, macam mana kita nak bina modal insan? Jika mereka ini benar-benar boleh menulis dan benar-benar boleh menyampaikan hasil fikiran mereka, hasil kajian mereka kepada pembaca-pembaca, kita izinkan dan benarkan mereka melakukan demikian.

Mungkin saya boleh mohon kepada pihak Timbalan Menteri untuk melihat semula skim gaji mereka. Umpamanya di Parlimen, mereka bekerja dari pukul 9.00 pagi hingga ke pukul 12.00 malam, kadang-kadang. Tetapi mereka tidak dibenarkan untuk menikmati elaun lebih masa, dan mereka hanya dibayar elaun perjalanan tetap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Untuk memperoleh hasil kerja yang berkualiti, tulisan yang berdaya harap dan *riable* boleh dipercayai, saya sarankan pihak Kementerian Penerangan supaya mengkaji semula struktur gaji. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Timbalan Menteri jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sikit tak? Saya ada sedikit nak berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti semasa soal jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit sahaja, tak banyak. Fasal BERNAMA Tuan Pengerusi, sikit sahaja. Ini permintaan Tuan Pengerusi, sikit sahaja. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini untuk apa punya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: BERNAMA, BERNAMA. Saya suka sentuh BERNAMA, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan dasar ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta Timbalan Menteri Penerangan yang begitu arif tentang Kementerian dan BERNAMA. Saya hendak sebut tentang masalah kakitangan BERNAMA ini yang berskim Komersial. Terdapat kira-kira 160 orang di bawah skim ini Yang Berhormat. Yang mana tujuan asal memperkenalkan Skim Komersial ialah untuk menggalakkan penyertaan graduan terutamanya mereka yang mengambil jurusan media dan kewartawanan bagi menyertai sektor awam. Ini disebabkan gaji yang ditawarkan adalah tinggi iaitu RM1,800.00 sehingga ke RM4,600.00 mengikut gred A, B, C dan D.

Persoalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sebahagian besar kakitangan BERNAMA di bawah Skim Komersial sukar untuk kenaikan pangkat atau gred sedangkan kakitangan di bawah skim Sistem Saraan Malaysia (SSM) lebih mudah mendapat kenaikan itu. Masalah lain ialah kakitangan BERNAMA di bawah Skim Komersial tidak berapa pasti akan status mereka sebagai kakitangan kerajaan walaupun mereka badan berkanun, mereka bukan di bawah JPA.

Masalah lain pula, ialah mereka tidak layak mendapat pinjaman perumahan di bawah kerajaan seperti mana dinikmati oleh kakitangan kerajaan yang lain. Imbuan elaun yang kurang dan hanya diberikan imbuan kenderaan RM350.00 sebulan, tidak relevan kerana harga minyak naik dan imbuan COLA selain gaji pokok sedia ada. Kita tidak mahu BERNAMA sebagai sebuah agensi kerajaan yang terunggul boleh dikatakan di rantau ini.

Saya tidak mahu membandingkan dengan mana-mana agensi, sama ada dia agensi di Indonesia ataupun agensi-agensi yang lain. Kerana kita tidak mahu BERNAMA menjadi dengan izin, *stepping stone* kepada wartawan-wartawan yang mungkin akan mendapat tawaran dengan syarikat media elektronik. Bukan kita menghalang, seperti TV3, RTM, dan juga media cetak. Sebagai contoh, saya berbanggalah, kerana Ketua Pengarang *New Straits Times Press* sebagai contoh, Dato' Hishamuddin Hon adalah merupakan bekas wartawan daripada BERNAMA dan mungkin juga yang lain-lain. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.45 pagi

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya seramai 8 orang. Seorang mencelah daripada Setiu yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan BERNAMA.

Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Serdang, Parit, Sabak Bernam, yang mencelah Setiu, Ipoh Timor, Tangga Batu dan Larut. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya yang telah memberikan laluan untuk Kementerian Penerangan memberikan jawapan terlebih dahulu daripada Kementerian Pelajaran dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, yang telah turut membahaskan perbekalan tambahan ini.

Walau bagaimanapun dalam lantaran penerangan beliau, seharusnya notis diberikan awal, saya harap beliau harus bersedia lebih awal jika sesuatu perbekalan tambahan atau akta-akta yang mahu diperbahaskan di Parlimen ini. Jadi tidak semestinya apabila giliran itu sampai, maka beliau memberikan rungutan bahawa beliau tidak bersedia. Lihat ahli-ahli Barisan Nasional. Tidak ada sungutan. Mereka bersiap sedia, bukan hari ini nak membahas, hari ini baru nak bersiap sedia. Mereka telah bersiap sedia daripada

kelmarin lagi. Inilah kualiti yang harus disanjung yang ada pada ahli-ahli Barisan Nasional di dalam Dewan yang mulia ini.

Beliau menyatakan bahawa BERNAMA bukan agensi rakyat, BERNAMA hanya sebuah agensi kerajaan. Ini satu tuduhan yang melulu. Beliau sendiri takut untuk menghadapi saya di Dewan yang mulia ini. Untuk mendengar penjelasan daripada saya. Dan BERNAMA adalah sebuah agensi yang ditubuhkan untuk melaporkan sebarang berita. Sama ada berita oleh pembangkang, berita oleh kerajaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan sikit.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Minta sabar sikit Yang Berhormat dengan kempen mesra ini. Kita melaporkan sebarang perkara dan berita-berita ini kita hantar kepada media elektronik dan media cetak sama ada dalam negeri ataupun luar negeri. Kalau berita BERNAMA tidak *credible*, tidak ada wibawa, saya petik apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang di dalam ucapan beliau di dalam perbekalan tambahan bertarikh 2hb. yang lalu. Beliau memetik, laporan yang bertajuk dengan izin, *Malaysia Needs To Do More To Retain Edge in Islamic Banking*. Yang beliau sendiri memetik dari BERNAMA. Kalau BERNAMA tidak *credible*, ertinya beliau tidak *credible* dalam perkara ini.

Oleh sebab itu, saya harap pembangkang harus lebih rasional. Kalau kita tidak merayakan, apa yang disebut oleh beliau sebagai *A press freedom day*, adakah beliau tahu bahawa Menteri Penerangan telah merasmikan Persidangan Kebebasan Media bersama-sama dengan 24 orang peserta-peserta (wartawan) yang telah diadakan dua hari yang lalu? Dan ini telah memperlihatkan komitmen kita. Sila Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi, sepatutnya tadi Yang Berhormat sudah bagi laluan, tapi dah agak sejuk sikit. Pembangkang begitulah. Bila dia menyoalkan, dia menegur seolah-olah yang kita tidak ada satu *credibility*. Tapi bila menjawab, dia tidak ada. Jadi macam tikuslah Yang Berhormat. Tikus takut kepada kucing. Itu maksud saya tadi. Jadi kalau apa yang kita bercakap Yang Berhormat, dia tidak memandang. Dia tidak tahu sebenarnya pertubuhan Berita Nasional ini hanya orang yang tahu sahaja Yang Berhormat, yang mengenal permata? Tengoklah, dia berbunyi macam tikus Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu, Dato' adalah harimau lah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Itu Yang Berhormat Larut, saya fikir Bukit Mertajam pun tidak tahu peraturan Dewan yang mulia ini. *[Disampuk]*.

Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa apa yang dilaku dan dilaporkan oleh BERNAMA adalah berita-berita bukan sahaja yang memihak kepada kerajaan. Sebarang berita yang kita terima berdasarkan kepada sumber yang tepat. Fakta-fakta yang kita perolehi adalah fakta-fakta rasmi. Sebab, berita yang kita terima itu, kita hantar dan salurkan kepada media dalam negeri ataupun luar negeri.

Kita mempunyai perjanjian dengan banyak berita-berita perjanjian antarabangsa dan *website* yang ada pada BERNAMA dilayari tidak kurang daripada 1.6 juta orang untuk mencari berita-berita secara rasmi melalui BERNAMA ini. Malah di semua kedutaan asing kita bergantung beritanya kepada BERNAMA. Kedutaan-kedutaan kita, Pesuruhjaya Tinggi di luar negara juga mendasarkan laporannya kepada laporan BERNAMA. Ini memperlihatkan kredibiliti yang ada pada BERNAMA.

Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan berapakah perjanjian yang telah kita lakukan dengan pihak luar. Saya ingin menyebutkan perjanjian-perjanjian kita melebihi daripada 40 perjanjian termasuklah perjanjian, dengan izin, The Mandarin Speaking World dan kita akan menghantar seorang pegawai yang khusus di Beijing dalam waktu yang terdekat ini bergantung kepada kelulusan oleh Kerajaan Republik Rakyat China dan ini bukan diputuskan apabila Yang Berhormat menyarankan, kami telah merancangnyanya dan pegawai itu telah dikenal pasti.

Untuk bahasa Mandarin, ada seorang pegawai yang menjaga pada *desknya*, dengan izin dan lapan orang wartawan yang menjaga berita-berita mengenai Mandarin ini. Kita juga mempunyai ramai *stringer* dan koresponden yang terlatih yang kita hantar dan kita

juga melantik *stringer* dan koresponden ini untuk melaporkan berita-berita luar negara itu bagi pihak BERNAMA dan juga kita meletakkan pegawai-pegawai kita, *stringer* dan koresponden ini di samping pegawai-pegawai tetap di setiap ibu negeri dan bandar-bandar utama di negara kita dan juga di luar negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit, Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Kebanyakan menteri, ketua menteri dan menteri-menteri besar melantik pegawai akhbar atau pun surat khabar mengikut istilah yang digunakan masing-masing. Saya melihat peranan BERNAMA begitu luas pada masa ini. Semalam saya tengok Pengerusi BERNAMA sendiri, Dato' Anuar Zaini telah mengendalikan satu program satu jam bersama dengan menteri. Apakah selain daripada *correspondent*, dengan izin, yang diletakkan di luar-luar negara ini, pihak BERNAMA mungkin ingin juga meletakkan pegawai-pegawai atau kakitangan dan wartawan-wartawan mereka ini bertaraf pegawai di kementerian-kementerian untuk membantu lagi pihak-pihak menteri dalam membuat liputan dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, kita maklum bahawa Yang Berhormat bagi Larut adalah bekas seorang wartawan dan sehingga sekarang beliau masih ada ruang atau *column*, dengan izin, di dalam sebuah akhbar tempatan. Jadi keprihatinan beliau itu amat diucapkan terima kasih.

Untuk penjelasan di Dewan yang mulia ini, saya ingin memberitahu bahawa wakil-wakil BERNAMA yang dilantik bukan sahaja kita tempatkan di negeri-negeri, di jabatan tertentu tetapi pengkhususan bagi pegawai-pegawai media ini yang kita panggil sebagai Pegawai Perhubungan Awam, kita lantik bukan daripada pegawai-pegawai BERNAMA tetapi daripada Jabatan Penerangan. Setiap kementerian ada pegawai daripada Jabatan Penerangan yang kita letakkan sebagai Pegawai Perhubungan Awam atau Pegawai Perhubungan Akhbar.

Malah kementerian yang mempunyai jabatan-jabatan tertentu juga memohon bantuan daripada Jabatan Penerangan untuk meletakkan pegawai-pegawainya di badan-badan berkanun mereka dan juga agensi-agensi yang diletakkan di bawahnya. Jadi walaupun tidak semua jabatan atau badan berkanun mempunyai pegawai-pegawai penerangan seperti kategori berkenaan namun atas permintaan, kita cuba memenuhi tempat-tempat itu dengan pegawai-pegawai kita yang terlatih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Parit bertanya tentang *business plan* ataupun perancangan...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Serdang.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada tanya cara mana untuk membetulkan berita negatif yang telah disebarkan di negara asing supaya BERNAMA memainkan peranan penting untuk mengatasinya sebab ini banyak berlaku seperti di negeri China itu, dia tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku di negara kita. Maka itu pelancong negeri China datang sini. Cara mana BERNAMA akan memberi satu berita yang tepat supaya mereka dapat tahu keadaan yang sebenarnya berlaku di negara kita supaya pelancong boleh datang ke sini seperti negara-negara lain di mana berita negatif telah disebarkan di negeri Barat. Cara mana untuk membetulkan imej itu daripada BERNAMA?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, BERNAMA mempunyai kerjasama dengan berita rasmi China, Xinhua dan Xinhua juga memetik berita-berita daripada BERNAMA untuk disebarluaskan melalui media elektronik dan media cetak di negara berkenaan. Kebetulan apabila peristiwa negatif yang berlaku di negara ini yang disebarluaskan di dalam media negeri China, saya juga terlibat secara langsung apabila saya bertugas di kementerian yang lama dan saya turut bersama-sama dengan rakan-

rakan untuk memberikan penjelasan terhadap gambaran sebenarnya mengenai negara kita ini.

Saya merasakan bahawa wartawan-wartawan tempatan di negara China yang bertugas memahami keadaan kita, malah Menteri Pelancongan China juga Perdana Menteri China memahami keadaan itu. Cuma kita tidak boleh menyekat berita-berita negatif yang dibuat dalam bentuk analisis berita gambaran buruk tentang negara kita. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada Xinhua ini telah memberikan konotasi yang cukup positif terhadap negara kita dan saya berterima kasih kepada mereka. Saya harap kerjasama yang rapat ini dan dengan adanya seorang pegawai yang akan diletakkan di Beijing serta koresponden dan *stringer* yang lain, saya fikir perkara ini akan dapat diatasi dalam waktu yang terdekat.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Parit, saya ingin menyebutkan bahawa dari segi *business plan* yang telah kita rancangkan antaranya kita telah melakukan kerjasama dengan beberapa agensi berita luar negara termasuklah kerjasama dengan *international news agency*, dengan izin, dengan meletakkan koresponden kita di Washington, London dan Beijing sebagaimana yang saya sebutkan dan juga di tempat-tempat lain.

Kita juga memberikan rangkaian berita kita melalui berita-berita yang kita salurkan di ASTRO dan terdapat empat bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil di ASTRO. Selain daripada itu, Yang Berhormat, kita akan memperluaskan lagi rangkaian kita melalui media elektronik BERNAMA dan Insya-Allah dalam waktu yang terdekat ini jika peruntukan mengizinkan kita akan melakukan *business plan* ini bukan sekadar untuk....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sedikit.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:menutupi kos tetapi juga untuk memperoleh peruntukan. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal kewibawaan kita di peringkat antarabangsa, saya nampak peruntukan untuk membeli alat fotografi ini tidak termasuk pula dengan alat-alat yang selalu digunakan oleh media-media asing bahawa mempunyai alat-alat telekomunikasi sebagaimana yang ada pada kebanyakan agensi-agensi berita dari luar negeri yang memerlukan alat komunikasi yang boleh menyalurkan maklumat secara langsung atau secara terus terutama sekali *breaking news*, misalnya, yang dibuat oleh ENA.

Jadi walaupun ada persetujuan kita dengan ENA ini, adakah pihak kementerian untuk mempertingkatkan lagi alat telekomunikasi, dengan izin, *cable news accessories* kita di peringkat antarabangsa terutama sekali di tempat persingkatan yang terdapat tenaga dan sebagainya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Kita sedia maklum bahawa BERNAMA adalah sebuah agensi berita yang memberikan fokus kepada berita-berita melalui saluran teks, maksudnya bertulisan, bukan visual, dengan izin, bukan gambar. Kita mempunyai *business plan* yang begitu supaya BERNAMA TV ini akan menjadi sebuah saluran berita TV yang sama kelasnya dengan Al-Jazeera atau CNN tetapi ini di dalam *business plan* kita, ada dalam rancangan pembesaran 'sizeabletion' dengan izin.

Teks ini menjadi kekangan yang hebat kepada berita yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan tadi. Tetapi insya-Allah apabila BERNAMA TV dengan berita yang telah kita sebarkan melalui ASTRO itu merupakan langkah pertama yang kita buat untuk pendigitalan berita melalui elektronik, malah BERNAMA merupakan syarikat berita yang pertama yang mendigitalkan proses penghantaran pemberitaannya di seluruh dunia dan juga tempatan.

Ini merupakan satu perkembangan yang baik dan penghantaran berita melalui unit foto dan di dalam jadual yang disebutkan itu terdapat 27 unit kamera dan kelengkapannya. Ertinya itu adalah kamera yang akan juga diperlengkapkan dengan peralatan untuk menghantar terus gambar-gambar kepada media cetak terutamanya bagi mengkategorikan berita itu sebagai *breaking news*, dengan izin, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit tadi tentang *business plan* yang lain. Kita dengan kerjasama agensi-agensi berita dalam negara-negara berkecuali dan juga negara-negara Islam, kita telah merancang beberapa kerjasama dua hala antara BERNAMA dengan agensi-agensi berkenaan dan insya-Allah dalam waktu terdekat kita akan menyebarkan dan memperbanyakkan latihan bersama dan juga menambah pertukaran-pertukaran berita supaya pendapatan BERNAMA ini akan bertambah dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang kita telah rancang.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah membangkitkan tentang....

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Pengerusi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasa puas hatilah dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan *business plan* yang dirancang oleh BERNAMA untuk masa depan. Tetapi khususnya dengan Al-Jazeera ini. Adakah ikatan kerjasama yang erat kerana saya nampak Al-Jazeera ini begitu cepat. Dalam masa beberapa tahun sahaja dia telah menguasai berita sampai di peringkat antarabangsa. Sesuatu yang baik kita pelajari daripada Al-Jazeera. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebagaimana yang saya sebutkan BERNAMA adalah merupakan dengan izin, *text news agency*, bukan *visual news agency*. Al-Jazeera adalah merupakan stesen televisyen satelit. Itu berbeza. Tetapi insya-Allah kalau Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dapat memberikan sokongan yang cukup kuat, mungkin insya-Allah BERNAMA TV akan dapat diwujudkan dan mungkin kita dapat sama tarafnya, disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebagai *world class news agency*, dengan izin, bukan setakat satu kelas dengan Al-Jazeera tetapi insya-Allah lebih daripada itu kalau kita mendapat sokongan dan dokongan yang kuat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu tentang TV BERNAMA ataupun kamera. Saya difahamkan bahawa di utara Semenanjung hanya ada di Pulau Pinang sahaja dan hanya boleh buat liputan kepada menteri dan timbalan menteri sahaja, sedangkan Menteri Penerangan sekalipun, pihak BERNAMA tidak sempat buat liputan kerana tidak ada kamera. Jadi adakah pihak kementerian bercadang supaya di setiap negeri kita tempatkan kamera ataupun krew-krew untuk membuat liputan yang menyeluruh di seluruh negara kita.

Satu lagi dari segi setiap tahun ada dibangkit atau tidak oleh kawan-kawan kita tentang staf BERNAMA ini memang tidak mencukupi, satu negeri difahamkan ada dua orang sahaja, tidak boleh *cover* tiap-tiap negeri di seluruh negara. Adakah kita bercadang supaya menambahkan staf BERNAMA dan menempatkan alat kamera ini di tiap-tiap negeri di negara kita untuk memberi *coverage* kepada aktiviti kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat, memang fakta itu tepat disebabkan oleh kekangan belanjawan, namun demikian kami telah mengambil beberapa langkah proaktif dengan melantik *correspondents* dan juga *stringer* dengan izin, dan juga insya-Allah dalam waktu yang terdekat kita juga akan melantik mereka yang bekerja secara sambilan, yang akan juga membuat liputan bagi tempat-tempat yang tidak ada jurukamera ataupun wartawan BERNAMA.

Yang Berhormat bangkitkan mungkin wartawan-wartawan visual yang ada kamera TV, oleh kerana berita TV BERNAMA ini hanya terkhusus kepada ASTRO setakat ini melalui empat saluran dan menggunakan empat bahasa, tetapi insya-Allah sebagaimana yang saya sebutkan awal tadi, kita akan lakukan sesuatu agar merealisasikan usaha untuk memvisualkan berita-berita BERNAMA ini.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang liputan TV, di setiap negeri itu, saya hendak bertanya adakah *staff-staff* di setiap negeri atau di setiap bandar raya itu untuk liputan berita pada masa kecemasan, khususnya apabila berlaku bencana alam seperti kebelakangan ini yang berlaku di Pasir Gudang, Johor, di mana tangki-tangki minyak kena petir dan berlaku kebakaran yang besar.

Dan oleh kerana tiada sebaran berita dengan cepat, berlakunya panik di antara penduduk-penduduk di sekitar Pasir Gudang, yang menyebabkan ramai daripada mereka melarikan diri daripada rumah-rumah yang berdekatan dengan tempat berlakunya bencana alam di Pasir Gudang. Dan berbagai-bagai khabar berita. Pada hari itu, nasib baik tidak ada angin yang kuat, tetapi ada khabar angin yang terlalu kuat, angin tidak kuat tetapi khabar angin terlalu kuat yang menyebabkan panik di kalangan penduduk-penduduk di persekitaran kawasan Pasir Gudang. Jadi sekiranya ada sesuatu *business plan* dalaman untuk menyediakan liputan berita pada masa seperti di masa berlakunya bencana alam, mungkin kita dapat menenangkan rakyat dalam menghadapi bencana alam seperti itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Panik itu berlaku kerana ada *Titan*, ada *kilang Titan* yang berdekatan dengan tempat kebakaran itu. Hanya 200 meter atau 300 meter daripada tempat itu, jadi penduduk takut api akan merebak dan menjahanamkan harta benda dan nyawa manusia. Sungguhpun ia tidak keluar dalam akhbar tentang kepanikan di kalangan rakyat, tetapi ia memang berlaku. Saya minta penjelasan timbalan menteri adakah sebarang persediaan untuk keadaan kecemasan seperti itu. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Selain daripada BERNAMA kita juga mempunyai krew pemberita RTM dan juga radio, dan kita mempunyai hubungan yang cukup rapat dari segi bekerja. Di samping kita juga mempunyai hubungan yang rapat dengan lain-lain stesen televisyen dan juga media cetak, dan kami sering bertukar berita. Siapa yang sampai dulu dia sampaikan kepada kita, atau pun kalau BERNAMA kebetulan awal, kita sampaikan kepada mereka.

Inilah cara etika kerja yang kita amalkan mengikut etika kewartawanan. Dan apa yang berlaku di Pasir Gudang baru-baru ini, BERNAMA juga telah membuat laporan yang cukup lengkap dan tepat dan kita juga telah menghantar wartawan di sana. Dan berdoaah Yang Berhormat agar kawasan Yang Berhormat tidak sepanik sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tentulah kerana wakil rakyatnya cukup prihatin dengan rakyatnya supaya keadaan panik itu tidak berlaku lagi Yang Berhormat. Saya juga ingin menyentuh apa yang disebut oleh...sila...

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Ya Tuan Pengerusi, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, di KUIM, Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai. Ini adalah penuntut-penuntut Sekolah Menengah Agama Kebangsaan yang disalurkan di sana, mereka ini handal atau pun *proficient* dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab kerana *lingua franca* atau pun dengan izin *medium of instruction*nya ialah kedua-dua bahasa ini. Kalau Yang Berhormat ingat semasa menjadi Timbalan Menteri Pelancongan dulu, bulan sembilan, maka budak-budak KUIM ialah yang akan pergi ke KLIA yang akan menyambut orang-orang Arab datang "*ahlan wa sahlan ya marhaban ya syeikh*".

Jadi begitu juga tiba waktu musim panas, budak-budak ini juga yang ada di KLIA untuk mengucapkan selamat datang kepada orang-orang di EU, Eropah. Jadi mereka juga

di sana, di KUIM ada satu kursus kewartawanan sama ada visual dan juga *production house*. Jadi seperti mana Yang Berhormat cadangkan tadi, saya bersetuju dan minta pandangan, kalau boleh budak-budak ini, yang *proficient* dalam bahasa Inggeris, *proficient* dalam bahasa Melayu dan *proficient* dalam bahasa Arab akan dapat ditingkatkan dari segi kewartawannya lebih daripada Al-Jazeera. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dan saya yakin antara sumbangan beliau yang terbesar ialah mewujudkan graduan atau mahasiswa yang boleh bercakap dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab, bahasa Inggeris dan kemudian Yang Berhormat ramai Jawa, mungkin mereka boleh masa berkenaan kalau mahu dihantarkan ke Indonesia umpamanya.

Dan insya-Allah BERNAMA akan bekerjasama dengan Jabatan Penerangan dan juga Jabatan Penyiaran untuk memberikan latihan kepada mereka dan insya-Allah kalau Yang Berhormat masih berminat lagi, Tuan Pengerusi, silalah kemukakan nama mereka kepada saya secara peribadi untuk saya kemukakan, supaya mereka ini dapat latihan untuk ditempatkan mereka ini di negara-negara Timur Tengah sebagai korespondent kita sama ada secara tetap atau dalam jawatan komersial.

Saya ucapkan terima kasih kepada soalan itu. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam membangkitkan tentang risalah-risalah untuk Rancangan Malaysia kesembilan, untuk maklumat Yang Berhormat kita cukup proaktif, umpamanya risalah-risalah Rancangan Malaysia yang Kesembilan merealisasikan Misi Nasional dan Melayu Perlu Berubah diterbitkan dalam tempoh 24 jam oleh Kementerian Penerangan, khususnya bagi Jabatan Penerangan. Jadi, insya-Allah Yang Berhormat, jangan khuatir perkara itu bukan sahaja telah kita lakukan tetapi insya-Allah, kita membuktikan bahawa kita mendahului zaman di dalam penerbitan-penerbitan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada timbalan menteri. Saya terpanggil Tuan Pengerusi, meminjam kata Timbalan Menteri Penerangan, dia selalu gunakan ungkapan-ungkapan yang indah-indah. Jadi saya juga sebagai Ahli Parlimen terpanggil...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panggil apa itu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Untuk...itu ayat dia yang bersambung ini. Terpanggil untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan dan apa yang hendak saya sentuh ini, RTM nampaknya setelah menteri baru...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini di bawah kepala BERNAMA.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ialah saya hendak menyentuh Kementerian Penerangan Tuan Pengerusi. Jadi apabila menyentuh Kementerian Penerangan ini, ia luas Tuan Pengerusi. Seluas samudera, maknanya kita boleh sentuh di mana-manalah. Sejak menteri baru, lebih-lebih lagi timbalan menteri dia yang baru, sahabat saya itu, nampaknya pencapaian, mutu dan kepuasan penonton, terutama kepada RTM 1, nampaknya meningkat. Jadi tahniah. Banyak rancangan-rancangan yang dibuat pembaharuan. Cuma saya hendak minta kalau boleh segmen Cermin Diri itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah kata tadi, benda ini BERNAMA, kita guna nama spesifik. Di bawah Kementerian Penerangan tetapi tajuknya BERNAMA bukan RTM.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi tidak boleh bagi saya belas kasihan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi lah ni. Saya bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasal saya hendak memuji benda yang baik. Kerana bukan senang juga hendak disampaikan sebahagian daripada penghargaan pendengar, penonton. Segmen macam itu kalau boleh dibanyakkan kerana

benar-benar ia mendidik Tuan Pengerusi. Dan masyarakat kita yang hendak pergi kepada negara maju ni Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...kita perlu lengkapkan rakyat bukan sahaja dengan prasarana yang lengkap tetapi minda, pendidikan. Jadi saya harap timbalan menteri dapat menangkap apa maksud saya, kerana beliau seorang yang bijaksana, dia faham. Macam Tuan Pengerusi juga bijaksana membenarkan saya menyampaikan pandangan ini untuk dan seterusnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan menteri, jawab yang berkenaanlah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi memang saya akan jawab yang berkenaanlah. Saya harap beliau tidak menjadi batu api, untuk menguji menteri dan saya dan saya harap pujian itu ikhlas, kerana beliau telah dijemput oleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan ikhlas, tulus ikhlas.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bersetuju tulus ikhlas, kerana beliau telah dijemput untuk menyertai Bicarawara membahaskan tentang tokoh yang cukup beliau minati, termasuk menyanyi di dalam Dewan yang mulia ini iaitu P.Ramlee, dan beliau telah mengatakan tidak ada had masa untuk menilai baiknya P.Ramlee ini. Dan saya baca dalam akhbar, terdapat seorang Ahli Parlimen yang cukup-cukup matang di dalam pengelupasan, dan beliau adalah Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dua orang ini sudah janji dengan saya hendak cakap...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ia tidak ada kena-mengena sama ada sehati, sejiwa dan sebagainya, tapi saya fikir wakil Sri Gading ramai pengundi daripada sana. Tapi hakikatnya memang benar begitu, walau bagaimanapun, dari segi cadangan Yang Berhormat Sabak Bernam untuk mewujudkan jawatankuasa penapisan berita-berita, saya fikir kerana BERNAMA bukanlah sebuah agensi yang menapis berita, kerana berita-berita ini di tapis oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya fikir kita akan menyarankan perkara ini dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan kita akan bekerjasama dengan mereka. Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga mempunyai pandangan yang proaktif, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan beliau.

Di dalam pencilahan Yang Berhormat bagi Setiu.... Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak pergi ke yang pertama tadi, dari segi menyampaikan bahan-bahan yang ada kaitan dengan RMK-9 itu, kepada pimpinan akar umbi. Saya merakamkan tahniah terhadap risalah-risalah yang telah disediakan, tapi saya harap supaya pihak kementerian mengadakan satu penyelarasan agar perkara ini dapat dan bukan sahaja sampai tetapi difahami, dihayati, dan menjadi satu agenda bertindak di peringkat akar umbi. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini sudah lama sebenarnya, kira macam janji dan jawapan seperti ini kita akan selaras, kita akan apa antara kementerian ini. Saya harap selepas tarikh ini kalau boleh selepas ini, suatu agenda yang khusus di kalangan empat kementerian khususnya, Kementerian Penerangan, KeKKWa, KETAK dan juga Kementerian Keselamatan dalam Negeri ini dapat benar-benar diselaraskan. Supaya elemen kawalan dan penapisan terhadap berita dan juga perkara-perkara yang negatif bagi masyarakat, memberi kesan negatif. Dan perkara itu dapat diambil tindakan secara khusus. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Ipoh Timor mengenai kemudahan-kemudahan bahawa kita mempunyai kemudahan yang baik dan beliau menyatakan bahawa beliau perlu atau kita perlu *first class news agency* yang mesti adil yang bebas, yang mempunyai prestasi tinggi. Beliau menyatakan bahawa berita-berita BERNAMA tidak langsung menyentuh mengenai berita-berita

pembangkang malah BERNAMA juga melaporkan berita-berita kerajaan sahaja yang tidak memihak kepada rakyat. Seolah-olah DAP sahaja parti yang *first class*, kelas pertama. Beliau menidakkan bahawa parti-parti lain terutamanya Barisan Nasional ini seolah-olah parti kampung yang harus disingkir dan dipinggirkan.

Sedangkan beliau sendiri tidak ada dalam Dewan yang mulia ini untuk mendengar apa yang seharunya saya jawab sama dengan Bukit Mertajam tetapi Bukit Mertajam sudah ada okey bagus daripada Ipoh Timor. Kita tahu bahawa kita

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini untuk menjelaskan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kecewa. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia sekarang ada mesyuarat dengan sekumpulan NGO. Jadi, dia tidak ada tak sempatlah datang ke sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah Yang Berhormat beritahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi saya boleh jugalah kalau ada apa-apa nanti saya boleh mencelahlah? Tetapi bukankah itu yang baik untuk mengadakan satu *news agency* yang *first class*, bukankah itu juga sasaran kerajaan, apa salahnya? Kalau kita pihak sini yang cakap dia tidak sedap didengar tetapi apa salahnya bukankah itu perkara yang penting yang sama-sama kita hendak capai ataupun kerana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang cakap jadi kerajaan sekarang tidak mahu menjadi ini berita, BERNAMA menjadi satu *news agency* yang berstandard antarabangsa. Adakah itu salah?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Memang itu hasrat kita dan BERNAMA memang menuju ke arah *first class news agency* dengan izin. Itulah yang kita telah capai sekarang ini saya telah sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini tadi bahawa BERNAMA adalah merupakan agensi berita yang pertama yang didigitalkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingat pilihan BERNAMA tepat. BERNAMA sebagai agensi pemberitaan berita nombor satu negara. Dia takkan hendak menyiarkan berita-berita fitnah karut-marut oleh pembangkang. Berita yang tidak ada nilai, tidak sesuai oleh BERNAMA hendak siarkan. Jadi apa yang dibuat oleh BERNAMA memang satu tindakan yang bijaksana. Jadi tidak ada masalahlah Bukit Mertajamkah, Ipoh Timorkah, hujah dia itu tidak boleh pakai pasal kadang-kadang fitnah, pembohongan takkanlah BERNAMA macam itu punya tinggi standard hendak keluaran berita-berita macam itu, *no way man* dengan izin, minta maaf.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bersetuju sangat dengan apa yang dilontarkan oleh Sri Gading tadi, memang kita *first class* punya *agency*. Kita hanya melaporkan perkara-perkara yang benar sahaja dan perkara-perkara yang benar banyaknya datang daripada kita bukan datang daripada dia orang. Jadi dalam perkara ini ertinya bukan kita tidak mahu cadangan itu diterima untuk menjadikan BERNAMA sebagai *first class news agency* dengan izin. Ini yang sedang kita lakukan malah berita-berita kita dipetik oleh banyak agensi berita di luar negara sebagai berita rasmi daripada kita, walaupun ada kerjasama di kalangan media cetak atau media elektronik dengan agensi-agensi lain di luar negara dan saya sudah sebutkan tadi bahawa, Yang Berhormat tadi tidak ada bahawa Ketua Pembangkang juga telah memetik berita yang disebut oleh BERNAMA

Padahal Ketua Pembangkang juga pun yakin baca berita daripada agensi-agensi lain tetapi ertinya kredibiliti BERNAMA itu lebih baik dan diterima oleh pembangkang dalam

perkara ini. Jadi Yang Berhormat Bukit Mertajam tak payahlah mempertikaikan lagi yang bangun bagi pihak bos beliau dan kita juga Tuan Pengerusi, penulis berita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini hendak menggulung dah ini saya harap tidak ada yang bangun lagi selepas ini. Saya harap apa yang kita tulis diguna pakai oleh media elektronik dan media cetak di negara ini dan.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sungai Petani.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Oleh sebab berita kita berikan hak untuk menyiarkan itu terpulung kepada Ketua Pengarang dan juga pengarang berita media cetak dan media elektronik yang ada pada negara kita ini ataupun di agensi-agensi luar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebagai kesimpulan, terima kasih terlebih dahulu Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri. Sebagai kesimpulan, kalau kita letakkan BERNAMA dengan AFP ataupun mana-mana media antarabangsa apakah kedudukan kita itu sama dari segi kita sebagai agensi yang boleh diambil kira di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi dari segi penarafan untuk agensi-agensi berita di rantau ASEAN saya berani mengatakan bahawa BERNAMA merupakan agensi nasional yang ternama di rantau ini dan diguna pakai oleh banyak negara dan kita telah menjalin persefahaman dan kerjasama, *MOU (Memorandum Of Understanding)* dengan izin dengan lebih daripada 40 agensi dan ertinya kredibiliti, kewibawaan BERNAMA ini memang terkenal di seantero dunia.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Tangga Batu yang beliau meminta agar penstrukturan semula organisasi kakitangan dan pegawai-pegawai di BERNAMA ini dilihat dengan lebih teliti kerana beliau mempunyai seorang sahabat yang telah bekerja selama 10 tahun di BERNAMA dan gaji masih rendah lagi.

Perkara ini saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat dua skema mata gaji di BERNAMA iaitu SSM dan juga *commercials*, dengan izin dan mungkin sahabat beliau ini bertugas secara *commercials*. Bagi Jabatan Penyiaran dipanggil artis berjadual, ertinya mereka yang dipanggil berkhidmat secara kontrak. Ertinya walaupun telah 10 tahun mungkin kenaikan pangkat itu belum dapat diserapkan disebabkan oleh kategori perkhidmatan yang sedemikian.

Insya-Allah kita akan, ini bukan 'akan' jawapan politik ini akan mencari jalan bersama-sama dengan JPA supaya penyerapan pegawai-pegawai *commercial* di BERNAMA ini dapat dilakukan dan saya harap mereka dapat berunding dan memberikan maklumat balas kepada saya kerana kebetulan saya adalah juga merupakan pengerusi yang dilantik untuk memantau semua permasalahan implikasi kewangan yang berada di Kementerian Penerangan dan juga agensi-agensi di bawahnya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua bangun. Padang Terap dan Sungai Petani.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Kita sedar bahawa BERNAMA seperti kata Timbalan Menteri sebagai satu agensi yang hendak diperkasakan aktivitiinya. Saya bersetuju dengan Tangga Batu bahawa bukan sahaja gaji tetapi saya tengok benda-benda yang lain contohnya macam elaun perbatuan. Kalau wartawan lain diberikan RM500, BERNAMA cuma diberi RM180. Adakah ini, bermakna saya minta kementerian melihat menyeluruh kebajikan kakitangan BERNAMA agar ianya boleh bekerja dengan berkesan kepada rakyat dan juga kementerian sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bersama-sama dengan Tangga Batu dan juga Yang Berhormat Larut perkara-perkara yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini akan saya bawa dengan segera yang mungkin dan insya-Allah saya memberikan harapan kepada pegawai-pegawai yang terlibat, pegawai-pegawai *commercial* ini, perkara ini akan saya pantau secara rasmi dan secara peribadi insya-Allah nasib mereka, perkhidmatan mereka akan saya bela. Saya ucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini dan mudah-mudahan....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sikit-sikit lagi Yang Berhormat. Selain daripada tangga gaji staf itu dan kenaikan pangkat juga saya ingin tahu sejauh manakah kelengkapan segala macam peralatan khususnya dari segi ICT nya itu orang katakan *up to date* dengan izin. Jadi dengar khabar katanya kita peralatan amat terkebelakang saya tidak tahulah itu benar atau tidak tetapi bolehkah Yang Berhormat jelaskan kepada kita peralatan ataupun segala macam bentuk ICT dilengkap di BERNAMA. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Insya-Allah mulai daripada bulan Oktober tahun ini Jabatan Penyiaran akan mengadakan dengan izin *test run* pendigitalan siaran TV kita dengan perolehan peralatan penyiaran yang baru dan insya-Allah proses pendigitalan ini akan dibuat sebahagian besarnya dan lengkap sebahagian besarnya menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Tuan Pengerusi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang mengambil bahagian dan terima kasih di atas sokongan terhadap rang undang-undang Tambahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,027,200 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,027,200 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Perbekalan Kepala B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi sudah ada Yang Berhormat tadi sudah ada persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua telah meluluskan perubahan susunan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hanya mengenai Penerangan sahaja. Tidak mengatakan Kesihatan juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada, saya rasa ini tidak boleh buat macam inilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia pertukaran.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menukar suka-suka hati tanpa memberi notis. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa Yang Berhormat boleh ikutlah bahas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan Tuan Pengerusi kata hanya untuk Penerangan sahaja dan selepas itu tidak berilah perubahan seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada perubahan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa ini satu speaker satu keputusan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, Yang Berhormat ikutlah perbincangan. Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Pelajaran atau Kesihatan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kesihatan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang ialah apa, Kesihatan atau Pelajaran?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kesihatan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pelajaran hendak bahas dulu, Timbalan Menteri kata hendak bahas dulu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Pelajaran atau Kesihatan boleh saya pun ucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya putuskanlah mengikut, bagilah kepada Kementerian Pelajaran dahulu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyentuh dengan butiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya belum lagi, sila duduk dulu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Okey.

Maksud B.41 [Jadual] –

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas.

12.28 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 00100 dan Butiran 00200. Saya setuju untuk memberi sokongan terhadap peruntukan tambahan RM30 juta untuk sekolah rendah dan RM82 juta untuk sekolah menengah. Ini untuk memberi manfaat kepada kawasan-kawasan tertentu untuk mendapat pusat pendidikan yang lebih sempurna untuk anak kita ini.

Tetapi saya tanya pihak kementerian, cara mana untuk menentukan sekolah baru akan diberi keutamaan supaya lokasinya apa kriterianya untuk tentukan bagi projek membina sekolah baru rendah atau sekolah menengah di kawasan tertentu. Saya difahamkan bahawa banyak kawasan yang padat di mana kekurangan sekolah baru untuk menampung murid-murid yang sesak di kawasan kaitan itu dengan penduduk sesaklah di sekolah-sekolah asalnya.

Misalnya di Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri, kawasan tersebut ada berpuluh taman perumahan hanya satu sekolah Kebangsaan di mana penuh sesaklah pada ketika ini. Jadi permohonan untuk mendapat sekolah baru sekolah Kebangsaan di Taman Tun Perak atau di Cheras Utama dengan adanya tapak disediakan. Tetapi tidak dapat diberi keutamaan supaya membina kemudahan kepada ibu bapa ini untuk hantar anak ke sekolah tersebut kerana tiap-tiap kali hantar Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri tidak dapat menampung dengan adanya begitu ramai penduduk di situ maka itu tiada satu masalah. Tetapi di Bandar Bukit Mahkota dan Bandar Seri Putera dengan ada lebih 5000 unit rumah sudah siap tanpa sekolah.

Walaupun ini kawasan baru tetapi dengan adanya begitu ramai penduduk di situ patutnya kementerian berilah keutamaan untuk mendirikan sekolah Kebangsaan atau sekolah menengah di situ.

Jadi persatuan penduduk dengan ibu bapa

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah fokus kepada imbuhan, bukan pembangunan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Faham. Ia ada kaitan dengan imbuhan itu dengan sekolah baru. Saya terpaksa meminta penjelasan tentang kriteria bagi menentukan membina sekolah baru. Sungguhpun begitu, ia ada kaitan juga walau pun ia imbuhan, saya faham tetapi masanya sudah sampai untuk menyuarakannya. Ini butir-butir kawasan-kawasan Parlimen yang tertentu. Saya mintalah pandangan ini kepada pihak kementerian supaya dapat menentukan kriteria untuk membina sekolah baru itu di kawasan-kawasan tertentu.

Jangan biarkan sekolah yang ada yang didirikan mungkin sudah begitu kritikal. Itulah masalah yang saya hadapi di kawasan saya. Tadi saya telah katakan seperti Bandar Bukit Mahkota dan Bandar Sri Putera, mempunyai penduduk yang begitu ramai tetapi tidak mempunyai sebarang sekolah. Ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka bersekolah di Bandar Baru Bangi yang begitu jauh tanpa pengangkutan awam. Inilah keluhan dan rayuan daripada ibu bapa supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pelajaran supaya memberikan keutamaan kepada kawasan-kawasan kritikal dan mendesak supaya mendirikan sekolah dahulu di tempat-tempat projek perumahan yang dirancang.

Saya juga berharap dengan kriteria yang baru mungkin dapat mengatasi masalah kesesakan murid di sekolah dan dapat didirikan sekolah yang baru di kawasan-kawasan tertentu sebagaimana yang telah saya bangkitkan di dalam Dewan ini tetapi masih belum diperolehi lagi. Saya juga berharap di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini pihak kementerian dapat memberikan keutamaan kepada kawasan-kawasan yang kritikal dan mendesak supaya memberikan kemudahan mengadakan sekolah-sekolah untuk kemudahan anak-anak kita.

Satu lagi ialah berkaitan dengan Butiran 04600 – Sistem pengkomputeran sekolah. Peruntukan tambahan memang banyak untuk pelaksanaan pengkomputeran di sekolah-sekolah. Projek ini telah dilaksanakan beberapa tahun lalu mengikut keutamaan sekolah-sekolah tetapi banyak lagi sekolah-sekolah masih belum mendapat sistem ini. Dengan ini saya minta cara mana untuk mendapat giliran atau projek sistem pengkomputeran kepada sekolah-sekolah tersebut umpamanya di kawasan saya yang masih terdapat banyak lagi sekolah-sekolah yang belum lagi mempunyai sistem sedemikian.

Ini adalah suatu masalah yang dihadapi tetapi apakah jaminan pihak kementerian supaya dalam tempoh yang berapa lamakah dapat ditentukan agar semua sekolah mempunyai sistem pengkomputeran tersebut. Ini merupakan satu-satunya masalah yang dihadapi tetapi PIBG sekolah dan ibu bapa sentiasa mengemukakan soalan bilakah sekolah mereka akan mendapat sistem pengkomputeran di sekolah mereka. Ini adalah suatu soalan yang tidak dapat dijawab oleh Wakil-wakil Rakyat dan terpaksa diserahkan kepada pihak kementerian atau Jabatan Pelajaran Negeri untuk menentukan bilakah projek tersebut boleh diperolehi.

Yang penting supaya masalah seperti ini dapat dipercepatkan supaya kemudahan dapat diberikan kepada sekolah-sekolah yang masih belum dibekalkan dengan sistem pengkomputeran ini. Semoga pembekalannya disegerakan. Saya berharap pihak kementerian atau Jabatan Pelajaran Negeri dapat memberi penjelasan supaya sekolah-sekolah berkenaan dapat dibekalkan dengan sistem pengkomputeran secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

12.35 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tiada Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian P.41 – 00100 – Peruntukan tambahan pelaksanaan projek-projek sekolah rendah.

Saya ingin tarik perhatian di sini bahawa saya kira nisbah pelaburan yang telah diberi oleh pihak kerajaan kepada sekolah rendah dan sekolah menengah berbanding dengan universiti adalah tidak setara. Keadaan sekarang adalah menunjukkan nisbahnya 3 kepada 9 (3:9). Ini menunjukkan kepada kita *treatment* yang diberi kepada pendidikan sekolah rendah adalah terlalu kecil kalau kita lihat kepada statistik 3:9 itu sedangkan pendidikan di peringkat IPT dan IPTS diberi peruntukan yang lebih tinggi. Sedangkan sepatutnya pendidikan yang disebut sebagai peringkat awalan dalam usaha membentuk pemikiran, dalam membentuk adab, dalam membentuk *mindset* anak-anak bermula daripada peringkat prasekolah lagi, bermula daripada peringkat rendah lagi.

Maka saya kira perlu disemak semula tentang nisbah pelaburan terhadap sekolah rendah berbanding dengan pusat-pusat pengajian tinggi. Seterusnya berhubung dengan perkara yang sama juga ialah saya ingin bertanya kepada kementerian tentang unjuran kelas-kelas prasekolah. Sejauh manakah unjuran yang telah dibuat di peringkat awal itu benar-benar dapat direstui dan diluluskan oleh pihak JPA dan juga sekali gus dengan guru-guru yang harus dibekalkan kepada sekolah-sekolah ataupun guru-guru prasekolah ini.

Seterusnya adalah dari segi kualiti peralatan yang dibekalkan kepada kelas-kelas tadika ini sejauh manakah ia benar-benar menepati piawaian untuk membolehkan anak-anak kecil ini benar-benar boleh menggunakan, lebih-lebih lagi strategi pembelajaran di peringkat rendah ini harus berteraskan kepada kemahiran, berfikir secara kritis dan kreatif dalam usaha untuk membina generasi yang inovatif dan juga generasi yang berfikiran secara terbuka dan fikiran kritis itu.

Seterusnya saya ingin tarik perhatian Butiran 00300 - Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Saya ingin tarik perhatian supaya diperbanyakkan lagi kelas-kelas MPV ataupun kemahiran vokasional. MPV ialah sekolah-sekolah yang menekankan kepada kemahiran teknik dan vokasional ini supaya sekali gus juga peralatan-peralatan yang terkini dan juga kemahiran pembelajaran secara yang berasaskan kepada amali itu diberikan penekanan.

Dengan lain perkataan, kurikulum juga harus disesuaikan supaya pembelajaran itu mendekati strategi CBE ataupun *Competency Base Education* ataupun yang menekankan kepada amalan *Discovery and Enquiry Method* itu harus diberi penekanan supaya anak-anak kita dapat dibina kemahiran-kemahiran vokasional, kemahiran-kemahiran manipulatif dan kemahiran-kemahiran teknikal agar kita dapat satu takungan ataupun tabungan generasi muda yang mempunyai kecekapan dalam bidang teknikal *expertise* dengan izin.

Seterusnya 00700 – Maktab Perguruan yang dirujuk di sini ialah tambahan sebanyak RM9 juta untuk membiayai pelaksanaan projek pembinaan Maktab Perguruan Tawau. Saya ingin tarik perhatian bahawa maktab ini menghadapi masalah-masalah. Pertamanya dari segi kelewatan. Seterusnya dari segi bekalan air selain daripada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan *infrastructure* yang tidak dapat menepati piawaiannya.

Saya ingin penjelasan setakat manakah tindakan-tindakan dibuat untuk memastikan maktab-maktab lain juga tidak menghadapi masalah yang sama iaitu kelewatan persiapan siap segala projek terutama dalam usaha kita merealisasikan satu agenda latihan perguruan yang lebih mantap, yakni dengan terlaksananya program IPG (Institut Pendidikan Guru) dalam usaha kita melahirkan guru-guru yang berkualiti.

Dalam perkara ini juga saya ingin tarik perhatian iaitu peralatan-peralatan khususnya perpustakaan, sumber-sumber rujukan harus dikemas kini dan dalam masa yang sama juga latihan perguruan juga harus dipertingkatkan dan juga kita harus meraikan pensyarah-pensyarah maktab perguruan yang kebanyakan sekarang ini berkelulusan Sarjana dan juga Ph.D yang harus diberi imbuhan yang sewajarnya supaya sesuai dengan rakan sepejuangan mereka di IPT.

Akhir sekali ialah 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran ini ada beberapa jawatan seperti Pensyarah di maktab perguruan. Nampaknya mereka tidak diberi pengiktirafan di mana setaraf dengan kelayakan. Apakah kekangan yang berlaku? Kenapa tidak boleh mereka yang memperoleh Ph.D itu diberi tempat.

Saya tidak fikir bahawa ini adalah suatu tindakan yang bijak kerana kalau mereka yang berkelayakan Ph.D dan mereka betul-betul layak untuk mengajar, kenapa kita tidak memberi pengiktirafan? Saya rasa ini akan menyebabkan mereka berasa kurang motivasi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya amat bersetuju kerana sekarang ini terdapat kurang lebih 70% pensyarah-pensyarah di maktab perguruan yang mempunyai kelayakan ijazah kedua, Sarjana dan Ph.D seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Saya kira Kementerian Pelajaran perlu berjuang berhabisanlah dengan JPA supaya pengiktirafan kepada mereka ini diberi ganjaran yang setimpalnya agar kelayakan mereka, seperti rakan-rakan di IPTA yang mendapat ganjaran yang lebih tinggi berbanding dengan mereka ini. Saya kira perlu *will power* ataupun perjuangan yang gigih daripada Kementerian Pelajaran sendiri berdepan dengan JPA khususnya.

Saya juga ingin tarik perhatian tentang sistem pengkomputeran sekolah. Saya juga mencadangkan di sini supaya portal diperbanyakkan di sekolah supaya interaksi secara *e-learning*, interaksi secara interaktif dengan kemudahan-kemudahan terkini dapat dijalankan oleh anak-anak kita. Selain daripada *e-library* harus diwujudkan, *e-learning* dan segala perisian-perisian ICT ini perlu dipertingkatkan dalam usaha kita melahirkan anak-anak yang *savvy* dengan izin dan memanfaatkan kemudahan-kemudahan komputer dan ICT. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

12.40 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Maksud P.41 – Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah dan Matrikulasi. Yang pertama setiap tahun kita mendapat keputusan mengenai peperiksaan SPM sebagai contoh tahun lalu kita ada rekod bilangan mengenai pelajar yang cemerlang yang mendapat A dalam semua mata pelajaran sebagai contoh tahun lalu untuk:

(i)	15A (1)	1 orang;
(ii)	14A (1)	4 orang;
(iii)	13A (1)	17 orang;
(iv)	12A(1)	88 orang;
(v)	11A(1)	306 orang;
(vi)	10A(1)	506 orang;
(vii)	9A(1)	21 orang;
(viii)	8A(1)	2 orang

Jumlah: 945 orang hampir 1,000 orang.

Syabas kepada pelajar-pelajar yang mendapat semua A dalam mata pelajaran tetapi mungkin kita perlu mempertingkatkan mutu standard peperiksaan. Di United

Kingdom baru-baru ini, mereka dalam usaha untuk mempertingkatkan *standard* peperiksaan mereka. Saya mahu bertanya sama ada Kementerian Pelajaran pernah membuat satu kajian dalam perkara ini sama ada perkara ini perlu timbul oleh kerana mungkin ini di antara langkah-langkah yang penting kalau kita mahu mutu pendidikan kita lebih tinggi.

Kedua, ialah baru-baru ini ada suatu laporan di *The New Straits Times* beberapa bulan dahulu yang membuat suatu tinjauan masalah *tuition*. Negara kita membelanjakan RM4 bilion satu tahun, RM4 bilion dan untuk setiap anak RM40 satu bulan dan satu bulan RM360 juta, dan satu tahun RM4 bilion. Dalam masa saya, saya pun tidak tahulah sama ada masa Tuan Pengerusi.

Pelajar-pelajar yang perlu ada *tuition* minoriti sahaja mungkin 10% atau 15% dan 85% atau 90% tidak perlu *tuition* sekarang. Sebaliknya sekarang nampaknya 95% perlu *tuition*. Bukankah ini menunjukkan kegagalan sistem pendidikan. Sistem pendidikan ialah berkeupayaan untuk menyampaikan pendidikan dalam sekolah, *for whole of the school* tidak perlu tambahan atau *supplementary facility*. Kemudahan-kemudahan *supplementary* di sini nampaknya tanpa *tuition* nampaknya mutu pencapaian pelajar-pelajar kita rendah. Saya rasa kita perlu menangani kerana ini menunjukkan suatu kegagalan yang besar mengenai sistem pendidikan kita.

Lagi satu aspek ialah - saya ada baca mengenai satu

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tumpukan pembangunan sekolah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pembangunan ya, pembangunan untuk apa? Itulah tujuan modal insan. Bukan *pow-wow* sahaja. Dan

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu dengar apa mereka kata.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payah layanlah mereka Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau berani berdiri dan cakap. Jangan penakut berdiri di belakang. Berdiri. Siapa. Ha! Takut. Dan mengenai masalah yang timbul, *gifted children*. 20 tahun dahulu kita ada seorang anak Muhamad Shukri. Masa dia berumur 4 tahun dia boleh baca surat khabar dan majalah. Dia patut menjadi antara pemikir yang ulung sekarang, tetapi dia di mana sekarang? Jual ayam, 20 tahun selepas itu dia jual ayam. Ini adalah kerana bakat beliau tidak dibina dan tidak dipupuk.

Baru-baru ini ada satu lagi kes di Sekolah Kebangsaan Jalan Matang Bekuli, di Bagan Serai, 7 tahun *match whiz kid* kita, Adiputra Abdul Ghani diberi amaran oleh pihak sekolah dia akan dipecat oleh kerana dia *truant*, oleh kerana tidak ada motivasi di sekolah sangat *dull* oleh kerana tahap itu dia tidak minat. Ada lagi kes 'Lucas Teh'. Apabila dia berumur 10 tahun dia sudah lulus UPSR dapat 4A dan 1B dalam bahasa Malaysia, tetapi mahu dapat satu tempat di sekolah menengah, tak boleh dapat oleh kerana Jabatan Pendidikan kata ini *against our* peraturan-peraturan, tak boleh. Kalau pandai pun tak boleh, balik ke darjah 5. Sudah *pass* UPSR mahu balik ke darjah 5.

Bagaimana kita mahu *leading mind*, bagaimana kita mahu k-ekonomi, bagaimana kita mahu *first class mentality*. Mungkin lah Kementerian Pendidikan patut *direvamp*. Semua birokrat, kalau tidak boleh faham masalah ini, tidak boleh timbul patutlah digantikan, *move them away*. Mereka, *don't have first class mentality, move them away* supaya ada birokrat-birokrat yang ada visi, yang boleh faham masalah-masalah ini supaya sistem pendidikan tidak menggunakan wang sahaja. Kata banyak mengenai IT, mengenai *information ICT*, tetapi kelemahan-kelemahannya begitu banyak. Saya harap bahawa semua ini boleh dapat satu jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Putatan.

12.45 tgh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bagi Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran. Saya tidak ada masalah menyokong perbelanjaan tambahan sebanyak RM347 juta ini. Tetapi ada satu perkara yang kita ingin tengok dengan serius berkenaan dengan kegiatan-kegiatan guru-guru kita di peringkat sekolah ini, yang melibatkan diri dengan kerja-kerja memberi kelas tambahan dan tuisyen. Ini berlaku dengan berleluasa mengakibatkan prestasi mereka mengajar di sekolah tergugat. Jadi persoalan saya di sini, adakah antara perbelanjaan tambahan ini untuk memberi insentif atau sebarang *award* atau penghargaan kepada kakitangan-kakitangan yang terlibat mengajar di peringkat sekolah. Perkara ini kita mesti ambil serius terutama sekali prestasi murid-murid kita yang menduduki peperiksaan ini agak rendah, terutama sekali di kawasan pedalaman yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak.

Saya bercadang dan menyarankan kepada kementerian supaya membuat satu program yang menumpukan kepada murid-murid yang tidak berjaya, yang kurang kefahamannya kepada mata-mata pelajaran di bilik darjah. Dan termasuklah melawat apa masalah seseorang murid itu termasuk melawat keluarga dan sebagainya. Ini satu program yang saya rasa sangat murni dan diperlukan di peringkat-peringkat yang mana dikenal pasti.

Sekolah di Pulau Gaya terdapat 30% murid-murid sekolah yang telah menduduki Tingkatan Tiga tidak pandai membaca, tidak pandai menulis dan sebagainya. Ini satu masalah yang besar. Dalam soal ini saya bercadang kepada kementerian supaya menumpukan kepada murid-murid yang mungkin bermasalah di dalam keluarganya sendiri. Kita mahu guru-guru ini melibatkan diri secara *volunteer*, secara sukarela, bukan membayar ganjaran ataupun elaun kepada guru. Bukan masa di bilik darjah tetapi pada masa hujung minggu ataupun pada waktu malam. Melawat keluarga tersebut, apa sebenarnya masalah murid-murid berkenaan. Saya rasa ini satu program yang sungguh murni dan akan diterima oleh rakyat dengan hati terbuka.

Saya juga ingin menyentuh soal kokurikulum sekolah. Saya seorang pengakap, saya tahu sahabat saya dari Hulu Langat adalah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, termasuklah Santubong juga masih lagi aktif dalam Pengakap. Guru-guru Pengakap ini saya tengok, saya telah melawat beberapa mesyuarat Pengakap di peringkat sekolah, saya kecewa Tuan Pengerusi. Saya harap guru-guru dilatih khas bukan sahaja pengakap, tetapi kesemua badan-badan persatuan di peringkat sekolah ini di mana pemimpin-pemimpinnya harus diberi latihan sewajarnya. Ini akan meningkatkan *interest* itu kepada murid-murid untuk mengambil satu pendekatan kepada pelajaran mereka yang "*the love*" dia punya pelajaran di peringkat sekolah.

Ini satu program yang melibatkan PIBG juga, dan saya harap daripada peruntukan tambahan ini dibagi juga kepada Persatuan Ibu Bapa untuk membuat satu program terutama sekali semasa temasya sukan sekolah. Biar ibu bapa melibatkan diri dengan apa jua program di peringkat sekolah dan saya minta kementerian ini supaya ibu bapa ini membantu guru-guru sekolah untuk membuat tuisyen atau kelas tambahan ini. Saya difahamkan 4 juta ringgit yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka pergi tuisyen. Ini tidak harus timbul. Kita ada kementerian yang menumpukan pelajaran untuk murid-murid kita, mengapa ini harus kita hantar anak-anak kita ke kelas tuisyen sedangkan guru kita ada.

Saya haraplah dengan ini saya menyokong jika peruntukan ini diagih-agihkan kepada program-program yang membantu murid-murid yang kurang minat kepada pelajaran. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera.

12.52 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 0100 iaitu Pejabat Pendidikan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah dasar pihak kementerian di dalam menubuhkan Pejabat Pendidikan Daerah, adakah mengikut daerah ataupun mengikut kawasan Parlimen. Saya

sebutkan begini kerana daerah Bera misalnya telah pun wujud sejak 1992 dan kita juga telah ada kawasan Parlimen sendiri, tetapi sehingga hari ini Pejabat Pendidikan Bera masih belum diwujudkan dan sehingga ke hari ini masih di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh.

Saya hendak maklumkan kepada kementerian bahawa kita mempunyai 50 buah sekolah, sekolah menengah dan sekolah rendah, tetapi kita masih lagi seolah-olah *sub district* masih lagi di bawah pentadbiran Temerloh dan ini menyukarkan kita dari segi pentadbiran, dan juga menyelesaikan masalah-masalah kewangan dan sebagainya.

Saya telah bangkitkan perkara ini dan telah dijanjikan oleh pihak kementerian untuk mewujudkan Pejabat Pendidikan Daerah Bera. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila akan diwujudkan Pejabat Pendidikan Daerah Bera?

Yang kedua, kepada Pejabat Pendidikan Daerah juga saya harap pihak kementerian perlu memberi kewangan yang mencukupi untuk penyelenggaraan dan juga pembangunan. Pada hari ini Ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk menyalurkan kewangan bantuan kepada Pejabat Pendidikan Daerah bagi tujuan penyelenggaraan dan pembangunan. Tetapi malangnya Pejabat Pendidikan Daerah tidak mempunyai cukup wang untuk penyelenggaraan dan pembangunan.

Saya hendak beri contoh, di Bera sendiri sehingga ke sekarang sudah bulan lima baru mendapat peruntukan sejumlah 300 ribu ringgit sahaja sedangkan kita ada 50 buah sekolah. Kita hendak adakan sistem pengkomputeran, tetapi masalah besar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah luar bandar ialah mereka mempunyai masalah pendawaian yang lama. Dan pendawaian yang lama mesti ditukar kepada pendawaian yang baru apabila kita hendak menaik taraf dari segi sistem pengkomputeran tersebut. Dan ini membimbangkan pihak guru kerana takut ada masalah litar pintas dan sebagainya kalau terlampau berat bebanan penggunaan elektrik.

Jadi masalahnya, mereka tidak mempunyai cukup kewangan dan saya takut, saya bimbang jikalau masalah kewangan ini terus melanda sekolah-sekolah ataupun Pejabat Pendidikan yang mempunyai sekolah-sekolah luar bandar yang lama dan usang, saya bimbang kalau harapan kita untuk mengadakan sistem pengkomputeran dan sebagainya gagal.

Akhir sekali ialah dari segi prasekolah di bawah Butiran 00100. Pada hari ini terdapat banyak sekolah yang menjalankan prasekolah seperti sekolah kebangsaan misalnya ada 13,052 tadika, ABIM ada 312, Jabatan Agama Islam Negeri ada 473, KEMAS ada 6,920, JPN (Perpaduan Negara) ada 1,500 dan swasta 3,847. Saya hendak tahu dari pihak kementerian bagaimana pemantauan dibuat? Adakah ada wujud sistem naziran yang memantau dari segi perjalanan sekolah-sekolah ini supaya sekolah-sekolah ini atau prasekolah ini mengikut *syllabus* yang sama. Dan adakah kita di negara ini mempunyai apa yang dilakukan di New Zealand misalnya. Mereka mempunyai ERO (*Education Review Office*) yang mana sistem ini dapat dipantau oleh rakyat secara *on line*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu semua dasar Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dan akhir sekali sikit sahaja Tuan Pengerusi, walaupun dasar saya hendak masukkan juga, adakah kita mempunyai tanda aras ataupun *standard* dari segi kejayaannya, kita punya sasaran, dari segi kejayaan-kejayaan kanak-kanak di prasekolah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sungai Petani.

12.56 tgh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada masa lagi Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada. Cakap sahajalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Saya terus kepada pertama sekali ialah mengenai dengan kemudahan-kemudahan asas di sekolah-sekolah rendah, umpamanya saya dapati banyak lagi sekolah-sekolah yang mana tandas dan juga singki-singki yang digunakan oleh murid-murid tidak bertambah padahal murid bertambah dan sebagainya. Saya harap ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Perkara kedua ialah mengenai dengan prasekolah. Prasekolah, sekarang saya mohon dan saya cadangkan supaya ia ditambah daripada satu kepada dua kelas. Saya tahu ia memakan belanja yang begitu besar, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya dapati kita banyak sumber kewangan, oleh itu saya rasa tumpuan ialah kepada penambahan prasekolah di peringkat sekolah rendah.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan juga ialah mengenai dengan sistem pengkomputeran, yang saya ingin menyoal pihak kementerian mengenai dengan *maintenance* ataupun *maintenance* dari segi komputer-komputer yang sudah rosak bagaimana ia harus dilakukan, dan apakah ia perlu ada tambahan dari masa ke semasa dan di situ juga berkali-kali

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:berkali-kali telah saya bangkitkan bahawa bukan sahaja makmal komputer yang memerlukan komputer, tetapi juga sains *lab* atau makmal sains juga memerlukan komputer. Saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya diwujudkan juga komputer-komputer di dalam makmal sains.

Seperkara lagi yang saya bangkitkan juga ialah mengenai kemudahan membeli komputer kepada guru. Saya mencadangkan supaya guru dapat dibekalkan dengan komputer dengan bayaran ansuran yang mudah. Oleh yang demikian, pihak guru dapat menggunakannya dengan baik. Akhir sekali seperti mana saya juga menyokong rakan saya daripada Kuala Terengganu mengenai dengan kelas MPV supaya ia ditambahkan lagi, dan guru-guru yang terlatih dalam bidang vokasional juga perlu ditambah.

Akhirnya sekali ialah mengenai dengan sukan kokurikulum, yang mana saya mencadangkan supaya jurulatih-jurulatih sama ada dari dalam mahupun dari luar sekolah diberi elaun kehadiran mereka untuk melakukan latihan dengan murid-murid kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

12.59 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara tentang Kementerian Pelajaran Maksud B.41

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung petanglah. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.

Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita disambung semula dan sekarang dijemput Kelana Jaya.

2.33 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian dalam membahaskan Maksud P.41 Kementerian Pelajaran mengenai butiran 00100 mengenai pendidikan pra sekolah dan rendah. Tuan Pengerusi, kita menyokong usaha kerajaan untuk mendirikan sekolah-sekolah pelbagai aliran tetapi di dalam kawasan bandar raya sebagai contohnya Tuan Pengerusi, kawasan USJ Subang Jaya dalam Kawasan Parlimen Kelana Jaya, di mana kawasan ini merupakan kepadatan penduduk yang tinggi dan pesat membangun dan Kementerian Pelajaran sudah semestinya dapat membuat unjuran penambahan pelajar-pelajar mengikut kecenderungan dan trend kemajuan di kawasan tersebut.

Oleh itu, saya hendak tanya kepada pihak Kementerian Pelajaran, dalam membina sekolah-sekolah baru ini di kawasan Putra Heights Subang Jaya, USJ2 itu bilakah sekolah-sekolah baru akan disiapkan dan boleh digunakan untuk penduduk-penduduk kawasan USJ dan Putra Heights, itu yang pertama.

Keduanya, dalam pembinaan bangunan sekolah kita berharap pihak kementerian ataupun agensi-agensi yang berkaitan dapat memantau kualiti pembinaan bangunan-bangunan tersebut. Janganlah sampai selepas siap dibina, tidak berapa lama sekolah meminta wakil rakyat memberi peruntukan ataupun memberi sumbangan untuk mengecat semula bangunan-bangunan sekolah kerana kononnya selepas dua, tiga tahun keadaan bangunan itu tertanggal cat dan berlumut maka perlulah memantau dari segi kualiti pembinaan supaya kerajaan tidak membazir duit untuk membuat penyelenggaraan dan mengecat semula bangunan-bangunan sekolah.

Dari satu segi lagi ialah tentang reka bentuk sekolah tersebut di mana hari ini kita harus melihat untuk membina dan mewujudkan satu suasana yang selesa untuk pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, mungkin pelajar-pelajar dikehendaki beralih, bertukar kelas dari satu kawasan ke bangunan yang lain melalui kawasan lapang dan sekiranya dalam keadaan hujan maka pelajar-pelajar ini basah kerana kena hujan maka saya rasa pihak kementerian perlu membuat cadangan supaya dalam aspek pembinaan sekolah baru haruslah memasukkan laluan pejalan kaki yang berbumbung, yang menghubungkan bangunan dengan bangunan yang lain, itu perkara yang kedua.

Tuan Pengerusi, tentang kerja-kerja pembaikan untuk sekolah-sekolah yang telah siap dibina itu memang betul perlu dibuat dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun saya berharap Kementerian Pelajaran perlu memberi peruntukan dan memberi keutamaan untuk mempertingkatkan keselamatan dan keselesaan para pelajar dan guru. Sebagai contohnya, kalau bangunan sekolah dimakan anai-anai perlulah diberi keutamaan untuk mempertingkatkan dan memperbaiki bangunan tersebut. Seperti contohnya dalam Kawasan Parlimen Kelana Jaya dalam tahun lepas, bulan November telah saya bawa di Parlimen ini...

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat, tentang imbuhan ya, imbuhan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya? Tuan Pengerusi, ini tentang pra sekolah dan rendah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Dalam tahun lepas, saya ada bawakan agar Sekolah Kebangsaan Sri Kelana perlu dibaiki semula kerana sebuah bangunan tersebut telah dimakan anai-anai. Secara lisan saya bawa ke dalam Dewan ini dan secara bertulis

pun sudah dikemukakan kepada kementerian tetapi hingga sekarang hari ini masih tidak ada sebarang tindakan diambil oleh Kementerian Pelajaran. Oleh itu, saya berharaplah supaya jangan tunggu sehingga bangunan itu runtuh dan membahayakan para pelajar barulah kementerian tergesa-gesa mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi, berkaitan juga tentang butiran pendidikan pra sekolah dan rendah ini, saya agak terkilan apabila semalam saya dijemput untuk melawat sebuah sekolah di dalam kawasan Parlimen Kelana Jaya. Saya mendapati bahawa sekolah itu dikelilingi oleh banglo-banglo yang moden dan besar, dan sekolah itu adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seaport SS7/4. Saya telah difahamkan bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seaport ini telah wujud berpuluh-puluh tahun sebelum kawasan ini dibangunkan.

Sekarang ini, kawasan itu telah pun didirikan di bangunan dengan banyak banglo-banglo dan adanya bekas-bekas menteri, bekas-bekas timbalan menteri dan sekarang pun ada timbalan menteri duduk di kawasan itu dan sekolah itu dikelilingi oleh banglo-banglo tetapi sekolah ini masih ada bangunan separuh papan. Saya tidak tahu bagaimanakah dan apakah Kementerian Pelajaran untuk membantu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seaport ini supaya mereka dapat menikmati pelajaran dengan sebaik-baik mungkin kerana di sini mereka hanya masih menggunakan tapak sementara, berpuluh-puluh tahun, tapak sementara. Apalah pendirian agar tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk membangunkan sekolah ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ini mengenai emolumen dan imbuhan sahaja.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Imbuhan sahaja?

Tuan Pengerusi: Ya...cukuplah sahaja.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, itu sahaja yang saya hendak saya bawa dalam mesyuarat ini, dengan ini sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Sri Gading.

2.39 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu perkara dan pendek Tuan Pengerusi tetapi penting, walaupun pendek tetapi penting.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam Parlimen yang ke sepuluh Tuan Pengerusi, dan hari ini Parlimen yang ke sebelas, saya telah membangkitkan pembinaan sekolah menengah di Pekan Parit Yaani atau di kawasan Dewan Undangan Negeri Parit Yaani, salah satu Dewan Undangan Negeri dalam Parlimen Sri Gading. Parlimen Sri Gading ini ada dua, Dewan Undangan Negeri ini, satu Parit Raja satu lagi Parit Yaani, kalau Arabnyalah Yaani, tetapi apabila dalam bahasa Jawa, Yaknilah dia kata. Apabila saya bangkitkan waktu itu Timbalan Menteri Pelajaran dan juga pada waktu dinamakan Menteri Pendidikan ialah Sungai Petani. Sungai Petani telah mengiakan permohonan saya berdasarkan ada lapan sekolah sokongan.

Memang sesuai Sekolah Menengah didirikan dalam Dewan Undangan Negeri Parit Yaani ini kerana tidak payahlah dia melangkau ke Yong Peng. Yong Peng sekarang dalam Parlimen Ayer Hitam, dulu dalam Parlimen Parit Sulung. Dan pegawai-pegawai tinggi kementerian waktu itu, Kementerian Pendidikan datang berunding dengan saya. Jadi, soalnya Tuan Pengerusi, soalnya, soalnya amat mudah.

Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sekolah ini mestilah saya gunakan perkataan mestilah dibina, kerana janji. Kalau kerbau kita pegang talinya, kalau kerbau. Ha, Sungai Petani ada, kalau kerbau kita pegang talinya, kalau manusia kita

pegang janjinya. Kalau Barisan Nasional kita pegang manifestonya. Jadi tidak ada alasan untuk ditolak, lebih-lebih lagi Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang tidak sedikit dan kita amat mengalu-alukan peruntukan...

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...kerana demi pelajaran bangsa kita memerlukan rakyat yang berpendidikan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita amat menyokong dan saya harap Kementerian Pelajaran di bawah Menterinya yang hebat, Timbalan Menterinya yang ada ini pun hebat, Setiausaha Parlimen dia dekat luar. Kerana dia agaknya fasal nak bertanding MIC ini, tak tahulah saya. Dia pun hebat. Jadi, haraplah Tuan Pengerusi walau pun ucapan saya ini sebaris dua baris tetapi janji harus ditunaikan, kalau tidak ditunaikan janji membawa akibat, akibat itu ialah keyakinan daripada rakyat. Saya harap Kementerian Pelajaran akan dapat mengotakan janjinya..

Tuan Pengerusi: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Parit, dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani menjadi saksi. Bulan dan bintang menjadi saksi di Dewan ini...

Tuan Pengerusi: Betul-betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sungai Petani menjadi saksi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

2.43 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 00200-Pendidikan Menengah Matrikulasi. Saya ingin merayu kepada kementerian supaya membuka pendidikan matrikulasi ini kepada semua. Kerana pada waktu sekarang banyak sumber, banyak peruntukan telah diberi kepada kelas matrikulasi. Tetapi dia dihadkan atau hanya terbuka kepada pelajar bukan bumiputera 10 peratus sahaja.

Saya rasa sudah sampai masanya bahawa kita perlu membukakan kepada semua kerana kita lihat bahawa pelajar dari matrikulasi dia memasuki universiti lebih ramai daripada memasuki STPM di mana-mana kursus seperti perubatan. Jadi, saya rasa kita semua ini pun sudah sampai satu tahap di mana kita boleh bersaing secara adil. Oleh yang demikian saya rasa adalah perlunya kalau kita tidak dapat membuka sepenuhnya mengikut meritokrasi. Saya rasa kita perlu ada rancangan untuk menetapkan di dalam berapa tahun kita akan membukakan ini matrikulasi.

Ini supaya kita kalau anak-anak Malaysia mereka tidak dihadkan kemasukan ke mana-mana institusi pelajaran saya rasa ini akan membantu atau memupuk perpaduan di antara pelajar. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat satu penjelasan sama ada kementerian dapat memberitahu dalam berapa tahun ini matrikulasi ini pendidikan matrikulasi ini dapat dibuka kepada semua. Dalam mungkin pada tahun 2020 ke apabila kita mencapai wawasan menjadi satu negara yang maju.

Yang kedua ialah Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kita semua tahu bahawa kita perlu pekerja-pekerja yang dilatih pada masa yang akan datang. Pada waktu sekarang kita pun mendapati bahawa ada ramai pelajar yang tidak dapat menguasai teknik untuk membaca, mengira dan menulis.

Jadi, rasa untuk pelajar-pelajar seperti ini kita perlu memikirkan masa depan mereka juga. Mereka patut diberi latihan dan dalam perkara ini saya rasa ada ramai pelajar dari SRJK(T) dan SRJK(C) mereka tidak dapat menguasai bahasa Malaysia kerana mereka lebih fasih dalam bahasa ibunda mereka.

Jadi, saya kalau boleh saya nak memohon kepada kementerian supaya mempertimbangkan Vokasional *School* ini sekolah-sekolah vokasional ataupun program-program teknikal ini dapat dilaksanakan dalam selain daripada bahasa Malaysia juga boleh dilaksanakan dalam bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa Mandarin, bahasa Tamil. Adalah lebih baik kita memberi latihan kepada pelajar-pelajar supaya mereka dapat mencari kerja pada masa depan daripada mereka tidak dapat menguasai bahasa Malaysia dan seterusnya kehilangan peluang untuk mendapat latihan vokasional.

Ini akan menjadi masalah pada masa depan, kalau mereka tidak ada satu skill mereka tak dapat latihan. Apakah kerja yang mereka boleh dapat kalau mereka tak dapat kerja kita semua akan susah. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sama ada kita boleh menjalankan latihan vokasional ini juga dalam berbagai bahasa.

Yang ketiga, ialah Butiran 00900-Asrama. Saya memantau bahawa kerajaan masih banyak membina sekolah asrama penuh, bukan saya ingin membantah. Tapi, asrama penuh ini ialah satu konsep dahulu ialah kerana kita ada ramai pelajar dari luar bandar dan kita ingin memberi mereka peluang pelajaran yang baik. Jadi, kita mengadakan asrama penuh.

Kalau di Sabah dan Sarawak di mana ada ramai pelajar di pedalaman jadi saya akan sokong sepenuhnya kepada mereka yang perlu pergi jauh ke sekolah, berilah mereka asrama. Tapi, kalau di tengah-tengah bandar saya rasa kita tak perlu lagi dan kita dapati bahawa ada masalah di sekolah asrama penuh di mana kita lihat seorang pelajar dia dibunuh di asrama, bukan di sekolah biasa tapi di sekolah asrama. Jadi, ada banyak masalah juga boleh berlaku di sekolah berasrama. Jadi, adalah perlu kita berfikir sama ada kita masih perlu membina banyak sekolah berasrama, sama ada ia masih sesuai untuk masa ini.

Tuan Pengerusi: Ya, lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu Butiran lagi ialah 00100 – Pendidikan Prasekolah dan Rendah. Tuan Pengerusi, kita lihat ada di kementerian ini meminta kelulusan untuk 45 projek sekolah rendah dan saya tidak tahu.

Saya ingin juga tahu bagaimana kementerian membuat keputusan seperti yang ditanya oleh Serdang, mana mereka ingin membina sekolah baru dan di mana mereka ingin menambah atau menaik taraf sekolah atau bagaimana mereka membuat keputusan, mana sekolah kerosakan atau bangunan yang tidak selamat diberi perhatian terlebih dahulu. Ini kerana kita lihat masih ada bangunan-bangunan sekolah yang dikatakan tidak selamat masih tidak diberi peruntukan seperti SRJK(C) di Maran, masih tidak diberi peruntukan SRJK(C) di Gurun di mana bangunan telah dikatakan tidak selamat.

Adakah mereka akan termasuk di dalam adakah mereka ini di masuk 45 projek sekolah ini dan di manakah akan membina sekolah kerana di dalam pada waktu sekarang pun di Johor Bahru, di Kuala Lumpur, di Lembah Klang sahaja kekurangan 124 buah SRJK(C). Dan kita tak nampak kementerian ada, ada rancangan bersistematik untuk memenuhi keperluan ini. Jadi, saya rasa. Saya ingin mendapat satu penjelasan..

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: mengapa, mengapa keberatan untuk membina sekolah yang mempunyai keperluan dan juga Tuan Pengerusi, ada orang mengatakan bahawa di negara kita ini membina universiti adalah lebih senang daripada membina sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina).

Kerana dari tahun 1999, sampai ke tahun ini baru tujuh buah sekolah SRJK(C) dibina dan hanya empat yang telah siap, tiga lagi dalam pembinaan. Dalam tujuh tahun ini, baru ada tujuh buah iaitu setahun satu buah sahaja, mana cukup. Ia tidak boleh memenuhi keperluan. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan, mengapa begitu keberatan? Dan juga mengenai memindah sekolah yang kurang *enrolment* kepada tempat-tempat di mana ia ada keperluan.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin mendapat penjelasan mengenai *specifically* ini dengan SRJK(C) 'Vintage' di Pulau Pinang. Dua kali dia telah membuat pengumuman bahawa Kementerian telah meluluskan pembinaannya. Tetapi sampai sekarang dia tak boleh dipinda, dan baru-baru ini yang kali terakhir dibuat pengumuman ialah pada bulan Ogos tahun lepas. Di mana MCA akan mengadakan pilihan partinya. Dan dikatakan di dalam satu PC (*press conference*)....

Tuan Pengerusi: Sidang akhbar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, sidang akhbar ialah Pengerusi MCA dan juga Timbalan Menteri Pelajaran dari MCA, dia menyampaikan kononnya kelulusan itu, kertas sijil kelulusan itu kepada ADUN MCA. Dia telah keluar dalam surat khabar, dalam *front page*. Tapi sekarang dia dikatakan, dia tak boleh lagi kerana dia ada syarat-syarat yang tidak dipenuhi. Tapi pada waktu dia memberitahu, membuat pengumuman, dia tidak memberitahu ada syarat-syarat.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya rasa ini adalah seolah-olahnya.....

Tuan Pengerusi: Yang lainlah, 10 minit lebih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:seolah-olahnya menipulah, memberi berita yang palsu. Kalau berita yang palsu ini sebenarnya boleh didakwa. Jadi saya ingin mendapatkan satu penjelasan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

2.55 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud P.41 - Kementerian Pelajaran, Butiran 00100 - Pendidikan Pra-Sekolah dan Rendah dan juga Butiran 00200 - Pendidikan Menengah dan Matrikulasi serta Butiran 01000 - Pejabat-pejabat Pendidikan.

Tuan Pengerusi, di Kuala Selangor khususnya di kawasan pembangunan pusat pertumbuhan baru Puncak Alam dan Taman Saujana memerlukan sekolah rendah dan sekolah menengah dan keadaannya begitu mendesak sekali. Saya ambil contoh, Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 1 dan 2 terpaksa menampung 14 buah kelas darjah satu. Dan di sini memerlukan Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 3 yang perlu disegerakan pembinaannya. Di samping itu, Sekolah Kebangsaan Saujana Utama 2 dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 2 perlu juga disegerakan kerana pembangunan perumahan yang begitu pesat.

Di samping itu, sekolah kebangsaan dan juga Sekolah Menengah Bukit Kucing dan juga Taman Serembai juga perlu disegerakan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerana sekolah rendah dan menengah yang sedia ada di kawasan persekitaran tidak mampu lagi untuk menampung pertambahan pelajar yang begitu ramai. Di samping itu juga, saya menggesa Kementerian Pelajaran untuk membina bangunan tambahan di sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah, di mana kelas-kelas tidak mencukupi di sekolah-sekolah yang berkenaan seperti senarai yang telah dikemukakan oleh Pejabat Pelajaran Daerah.

Dan akhir sekali saya nak menyentuh soal Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor yang pernah saya bangkitkan pada tahun lepas. Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor hari ini menumpang di kawasan Sekolah Kebangsaan Tanjung Keramat dan oleh kerana keadaannya mendesak, dan perlu selesai pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas, saya merasakan Kementerian Pelajaran wajar membina Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

2.58 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kebenaran untuk saya menyentuh sedikit kepada P.41, kalau tak silap saya di bawah Butiran 00100 Pendidikan Prasekolah. Suka saya menyentuh iaitu di negeri Kelantan, tidak perlu lagi saya minta untuk bina sekolah-sekolah baru, saya terima kasih kepada Menteri Pelajaran kerana telah memperuntukkan begitu besar kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

Tetapi apa yang saya nak tekankan di sini, pertama sekali iaitu sukatan pelajaran. Sekolahnya indah, pelajarannya ramai, tinggal lagi sukatan pelajaran. Di mana sukatan pelajaran ini, Kementerian Pendidikan mesti menilai semula pendidikan akhlak ataupun pendidikan moral yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar. Di mana kita lihat pada akhir-akhir ini bagaimana pelajar-pelajar, bukan sahaja di Kelantan, seluruh negara bahawa perilaku pelajar-pelajar sekarang ini, berbeza dengan perilaku di waktu kita dulu belajar. Padahal kita belajar, saya masih ingat lagi Tuan Pengerusi, bahawa saya belajar dengan satu buku sahaja. Saya masih ingat lagi buku, "Ini pasu bunga, dalam pasu ada bunga", "Saya siram bunga tiap-tiap hari". Itu sahaja buku, sebiji buku daripada tahun satu sampai tahun tiga. Tapi kita mampu membaca selepas daripada itu, sebiji buku sahaja.

Dan buku itu juga mengajar nilai moral kepada kita, bagaimana sayang kepada tumbuhan, sayang kepada persekitaran, sayang kepada orang tua, menghormati guru dan sebagainya. Jadi saya minta kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pelajaran supaya menilai semula sukatan pelajaran. Ini sesuai dengan anak-anak kita yang berada di sekolah rendah kerana pendidikan bermula daripada situ. Bukan bermula di waktu umurnya sudah 15 tahun, 16 tahun. Tapi bermula daripada umur 7, 8 tahun waktu mereka berada di sekolah rendah.

Yang kedua, penguasaan jawi. Saya juga berterima kasih kerana kementerian telah mengambil satu inisiatif, satu daya usaha untuk mengembalikan semula jawi kepada persada negara kita di Malaysia ini. Kerana kita sudah kehilangan, dalam butiran ini saya juga menyentuh masalah jawi, tulisan jawi dan penguasaan jawi. Kita sudah kehilangan, berpuluh-puluh tahun kita meninggalkan tulisan jawi, kita meninggalkan banyak perkara, kita meninggalkan kefahaman agama walaupun kita dapat melalui tulisan rumi dan sebagainya, tetapi oleh kerana jawi merupakan asas maka saya menekankan di sini supaya kementerian mengambil tanggungjawab yang lebih daripada apa yang ada. J-QAF bagus, tak nafikan dan surat khabar jawi yang sekarang ini, yang mula muncul kali yang kedua, saya alu-alukan supaya ditingkatkan.

Dan yang ketiga Tuan Pengerusi, saya dapati ada pelajar-pelajar kita yang tidak boleh membaca walaupun mereka sudah sampai ke tahun enam, tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis. Apa lagi nak menguasai Sains dengan bahasa Inggeris, ataupun nak menguasai Matematik dengan bahasa Inggeris. Ini perlu dikaji semula, dari sekolah ke sekolah, jangan hanya secara menyeluruh begitu. Kaji daripada sekolah-sekolah. Dan di bawah Butiran 09000, saya melihat asrama.

Selain daripada asrama saya dapati rumah-rumah guru di sekolah-sekolah kerajaan begitu kekurangan sekali. Saya dapati anak saya sendiri contohnya mengajar di Johor Bahru di mana tidak ada rumah guru disediakan jadi terpaksa kita menyewa dengan harga yang begitu mahal sekali. Terpaksa duduk walaupun sendirian dengan kos belanja begitu mahal dan belanja makan minum dia dan sebagainya.

Dan yang keduanya iaitu di bawah asrama ini juga saya gesakan supaya kementerian juga mengambil tanggungjawab iaitu membina asrama-asrama di bawah Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Tidak kiralah, Kedah ada sekolah menengah kerajaan negeri, Perak ada sekolah menengah kerajaan negeri jangan ketinggalan dalam masalah ini kerana mereka adalah aset yang paling penting. Kalau kita tidak mengambil tanggungjawab ini anak-anak kita pergi pada yang lain mencari dadah, mencari apa, dia tidak kira sekolah mana pun, kerana persekitaran mereka. Jadi oleh kerana anak-anak kita

juga merupakan aset negara untuk masa depan sebagaimana saya tekankan di sini bahawa ulama terkenal Syeikh Yusof Qardhawi bila ditanya apa pandangan tuan guru tentang masa depan negara?

Dia kata lihatlah pada pemuda kamu sekarang ini. Kalau pemuda kamu ini baik maka baiklah untuk masa depan, kalau pemuda kamu tidak baik maka itulah warna negara masa depan. Jadi sekolah-sekolah sama ada sekolah agama tidak sekolah agama kita mesti mengambil tanggungjawab yang serius dan sungguh-sungguh sehingga rakyat di negara kita ini dididik dengan sebaik-baiknya dan diberi bekalan ilmu secukup-cukupnya sehingga mereka akan menjadi satu manusia yang berguna di zamannya dan di hari akhir insya-Allah. Jadi setakat itulah terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

3.04 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga berminat untuk membahaskan berkenaan peruntukan tambahan untuk Kementerian Pelajaran. Saya ingin merujuk kepada pendidikan guru Butiran 00700. Sebelum ini saya ada bertanya satu soalan berkenaan dengan syarat-syarat kelayakan untuk diterima masuk di bawah Program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah KPLI bagi graduan universiti tempatan. Dan jawapan yang saya terima adalah syarat-syarat adalah warga negara Malaysia, umur tidak melebihi 35 tahun, memiliki sekurang-kurangnya ijazah dari IPTA atau IPTS yang diakui oleh kerajaan, memiliki kepujian mata pelajaran bahasa Melayu peringkat SPM, lulus lisan. Yang ini adalah yang paling asas.

Tetapi saya agak terharu apabila saya terima aduan dari seorang pelajar seorang graduan daripada Universiti Multimedia. Nama dia Tan Lay Zi, Kad Pengenalan 810630-04-5292. Beliau memiliki *First Class Honors* dalam *Bachelor of Information Technology, Information System Engineering* dan amat berminat sekali untuk menjadi guru dan telah pergi memohon Program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah ini. Walaupun pelajar ini mendapat peperiksaan SPM yang cemerlang sekali, saya percaya ramai di antara kita tidak mampu untuk mencapai keputusan *first class* dengan subjek bahasa Cina A1. Permohonan temuduganya jawapan yang diterimanya gagal. Apa sebab?

Dan walaupun sekarang beliau menjadi guru sementara di sebuah sekolah, guru besar amat meminatinya dan walaupun dengan gaji sebanyak RM600 sahaja tanpa sebarang faedah beliau masih tinggal untuk menyumbang tenaganya kepada sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar. Saya ingin mengetahui apa masalah, apa masalah dengan sistem pengambilan guru ini terutamanya dalam temuduga mengambil pelajar-pelajar cemerlang ini yang berminat untuk menjadi guru. Jadi saya pohon.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Adakah Batu Gajah juga sedar bahawa ada ramai pelatih-pelatih dalam kursus ini yang mereka ingin mengajar bahasa Mandarin. Tetapi mereka selepas satu tahun latihan mereka ditukar kepada program lain. Pada waktu yang sama kita katakan bahawa kita tidak cukup guru bahasa Mandarin dan kita hendak tanya kementerian apakah sebabnya? Dan juga yang saya tahu ialah kes ini guru sandaran ini dia bukan dibayar oleh kementerian, dia dibayar oleh pihak sekolah, pengelola sekolah dan dia bukan satu kes sahaja.

Pada tahun ini kita memerlukan di semua sekolah SRJK(C) memerlukan 2,500 guru sandaran kerana tidak cukup guru tetapi hanya diluluskan 1,200. Yang lain yang dikatakan dia mesti dibayar oleh pihak sekolah sendiri. Adakah ini adil?

Tuan Pengerusi: Baik bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin rujuk kepada perkara sedemikian juga di mana saya terima satu faks seorang guru sandaran dari Negeri Sembilan dia

hubungi saya. Saya kata tolong tulis kepada saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dari Negeri Sembilan. Apa MCA telah buat? Selalu kata ada masalah cari MCA, cari MCA ini yang paling asas. Ini sebelum pelajar ini, pelajar cemerlang ini, graduan cemerlang ini Tan Lay Zi putus harapan.

Dia boleh pergi cari kerja yang lain Tuan Pengerusi, gajinya boleh beribu-ribu tetapi dia berminat mengajar menyumbang dia punya kemahirannya, minatnya kepada pelajar-pelajar, anak-anak kita. Dan ini juga untuk menyokong seruan kerajaan yang mahukan lebih guru berijazah. Dan saya jawapan saya ada kata masih kekurangan guru berijazah. Jadi MCA jangan selalu kata kita dalam Barisan Nasional, MCA dalam Barisan Nasional, jangan kongsi nama sahaja, mesti ada kongsi kuasa. Kalau hendak tolong kita boleh tolong. Kita sekarang bangkit ialah tolong MCA jadi haraplah perkara ini boleh diambil perhatian.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi saya ada perkara yang lain ialah pengkomputeran. Sungai Petani tadi juga bangkitkan banyak isu berkenaan pendidikan. Sebelum ini saya pernah bangkitkan berkenaan makmal komputer di kawasan saya SRJKC Bukit Merah, Lahad. Di mana ia dimulakan kerja bina di atas padang, lepas itu kami tidak setuju lepas itu sekarang telah ditutup lubang besar yang telah dikorek, saya hendak tahu apa kedudukan sekarang? Ke mana pergi wang-wang tersebut? Walaupun komputer telah dipasang di dalam bangunan dalaman tetapi berapakah telah dibazirkan? Dan saya pohon satu jawapan yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Rembau dahulu.

3.08 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak turut serta dalam membincangkan Butiran 01000 Pejabat-pejabat Pendidikan. Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai perlunya ada pejabat pendidikan, Pejabat Pelajaran Daerah Rembau. Ini adalah kerana walaupun Rembau ini sebuah daerah yang berdaulat ada Ahli Parlimen tetapi banyak jabatan kita terpaksa berkongsi dengan Daerah Tampin. Pejabat Kesihatan, hospital pun tidak ada jadi saya haraplah kementerian dapat timbangkan sebab yang sekarang ini di Rembau sendiri kita ada 32 sekolah rendah dan 6 sekolah menengah. Dan saya difahamkan dua lagi sekolah menengah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya harap jadilah satu Sekolah Menengah Kebangsaan Pedas, satu lagi sekolah asrama penuh di Kundur.

Jadi sekarang ini yang jadi masalah ialah kalau masalah anak-anak, masalah guru hendak tukar, masalah anak-anak hendak dipindahkan terpaksa pergi ke Tampin. Dan saya difahamkan tadi sebentar saya bercakap dengan bekas PPD Tampin-Rembau dari segi pengawasan pun masalah kata dia sebab apa kawasan itu meliputi sampai Tampin lebih kurang dalam 80 kilometer ke 100 kilometer. Sampai ke Bukit Rokan, sampai ke FELDA Pasir Besar, Gemas.

Jadi, masalah tempat, tak ada masalah sebab sekarang ini ada satu kawasan iaitu bekas Sekolah Kebangsaan Undang Rembau. Lebih kurang dalam empat ekar lebih, dan ada bangunan. Bangunan sekolah itu ada 30 kelas, dan ada satu pejabat yang boleh digunakan. Yang sekarang ini, seperti saya sebut tadi digunakan sebagai pejabat cawangan kepada pejabat cawangan Rembau. Jadi kalau boleh, wujudkanlah yang *full fledge*, dengan izin.

Pejabat pendidikan atau pejabat pelajaran daerah Rembau ini supaya dengan itu akan memudahkan masyarakat setempat khususnya ibu-bapa untuk merujuk hal-hal yang berkaitan dengan anak-anak mereka. Satu perkara lagi ialah saya juga berharap Butiran 00100 fasal pra sekolah ini. Di kawasan Paroi, Paroi ini dia di pinggir bandar Tuan Pengerusi. Tetapi soal pra sekolah ini tidak banyak ada. Satu sekolah itu, kadang-kadang satu kelas sahaja ada. Macam Sekolah Kebangsaan Paroi, Sekolah Kebangsaan Taman Seri Pagi dan sebagainya. Jikalau boleh, pihak kementerian timbangkan, menambah bilangan pra sekolah sebab misalnya, di Taman Tasik Jaya sahaja, ada 500 buah rumah. Di Seri Pagi, pun hampir 700 buah rumah.

Jadi, keseluruhan DUN Paroi ini, ada 55 buah taman perumahan. Tetapi soal kekurangan pra sekolah ini sangat-sangat perlu dibantulah sebab kalau hendak hantar ke kelas swasta, kosnya RM80.00 ke RM100.00. Malah RM200.00 pun ada. Jadi, rata-ratanya ibu-bapa tidak mampu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik. Ketereh.

3.11 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut sama ingin membahaskan isu mengenai Kementerian Pelajaran ini, butiran-butiran seperti mana yang tertulis tetapi terutamanya, mengenai pendidikan guru. Yang saya hendak sebut, dua perkara sahaja. Didapati pada masa ini, masalah kekurangan guru adalah satu perkara yang besar. Itu satu hal. Tetapi dalam waktu yang sama, guru-guru juga dibenarkan untuk berkursus dan bercuti menyebabkan akhirnya di sekolah, guru tak cukup. Jumlah guru yang bercuti pada satu-satu ketika, ada sekolah-sekolah yang sehingga melebihi tujuh orang. Sehingga murid-murid dalam kelas, tidak ada guru. Itu yang berkursus.

Kemudian pula, yang dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah, dalam kawasan saya ada tiga guru besar yang dibenarkan melanjutkan pelajaran, tetapi dia juga adalah guru besar. Dia pergi tiga bulan, kemudian dia balik jadi guru besar. Dia pergi dua bulan, dia balik jadi guru besar. Ini menyebabkan pengurusan sekolah itu tidak akan terselia dengan baik kerana guru-guru sekolah ini tidak ada di sekolah. Saya bukan tidak bersetuju mereka ini melanjutkan pelajaran.

Saya juga bukan tidak bersetuju kursus kepada guru-guru ini. Bagus ada kursus. Tetapi sepatutnya pihak kementerian mestilah mengadakan keadaan yang optimum dengan izin, keadaan yang sebaiknya. Jumlah guru yang secukupnya supaya murid-murid tidak tertinggal mata pelajaran. Saya minta, perkara ini diambil perhatian kerana perkara ini bukan sahaja berlaku di Ketereh, tetapi berlaku di seluruh negeri Kelantan dan saya diberitahu berlaku hampir di seluruh negara iaitu guru-guru dibenarkan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh minta sikit penjelasan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak sempat habis, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan sahaja terjadi di kawasan Yang Berhormat, mungkin di tempat-tempat lain. Selain daripada guru Yang Berhormat, masalah, selain daripada guru-guru tadi yang pergi kursus dan sebagainya, yang terlibat dengan benda-benda lain. Guru-guru besar ini, terutama sekali sekarang, guru-guru besar ada majlis guru-guru besar yang terlalu banyak komitmen mereka di luar.

Sehinggakan, mungkin mereka terabai dan sebagai di atas tanggungjawab mereka, pengurusan sekolah. Mungkin kalau boleh, kita minta mereka supaya melihat balik kegiatan-kegiatan, komitmen di luar ini. Kadang-kadang mereka sampai bermesyuarat. Bukan kita tak setuju, macam kata Yang Berhormat tadi. Bermesyuarat di luar kawasan Tuan Pengerusi. Hinggakan terpaksa meninggalkan pengurusan sekolah sehari-hari. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, guru besar juga kita golongkan sedikit tentang komitmen mereka yang di luar ini? Supaya dapat menumpukan kepada pengurusan sekolah terutama sekali tentang prestasi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar, terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Larut. Saya setuju dengan pandangan Larut. Memang ada di setiap kawasan ada majlis guru besar dan kementerian tolong jawablah persoalan yang dibawa sama oleh Larut. Saya tahu, majlis guru besar ini, kadang-kadang membuat lawatan, kadang-kadang keluar negara dalam waktu sekolah. Kadang-kadang, sekolah belum cuti, mereka sudah melawat. Tidak salah melawat, tidak salah menimba pengalaman. Tidak salah melihat negeri orang. Tetapi, kalau kita tinggalkan waktu persekolahan kepada penolong walaupun penolong ada dua,

tiga, keadaan sekolah akan mungkin terabai. Saya setuju dengan Larut. Tapi saya nak balik dengan tajuk yang saya sebut tadi.

Saya lihat, ini sudah jadi amalan. Tetapi amalan ini sudah menjadikan kementerian serba-salah. Guru-guru yang memohon untuk belajar ramai, kementerian juga nak minta supaya ada Ijazah, tetapi dalam waktu yang sama, sekolah tidak boleh ditinggalkan. Jadi kalau sekolah ditinggalkan, akhirnya murid-murid yang keluar akan jadi murid yang bermasalah. Baru-baru ini, Timbalan Menteri Pelajaran pergi ke kawasan saya merasmikan satu PIBG.

Timbalan Menteri Pendidikan baru ini, dia tidak ada di sini hari ini, sangat prihatin. Dia melawat ke sekolah, sambil berjalan daripada Ketereh ke Pasir Puteh, dia singgah di sekolah dan masuk ke dalam satu kelas. Dalam kelas tanya murid-murid, "*Mana pergi cikgu?*". Murid-murid jawab kepada dia, "*Biasalah Dato', cikgu tidak ada dalam kelas, pergi kursus*". Memalukan! Ini diketahui sendiri oleh Timbalan Menteri Pelajaran. Jadi, saya minta supaya perkara ini kerajaan ambil tindakan segera, ambil tindakan yang sederhana. Jangan kata tidak boleh pergi kursus. Jangan tidak boleh pergi melanjutkan pelajaran. Tetapi mesti ambil jalan tengah. Guru boleh melanjutkan pelajaran, tetapi jumlah guru yang tinggal di sekolah, mestilah keadaan yang terbaik supaya keadaan sekolah, mutu sekolah, mutu pelajar terjamin. Sekian, terima kasih.

3.15 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, 03900 di Tangga Batu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada satu suasana sekolah yang unik. Iaitu sekolah kebangsaannya ada 670 orang murid, sekolah rendah Tamil, Jenis Kebangsaan Tamil ada 107 orang murid dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghua ada 320 orang murid. Yang uniknya, Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, sempadan sekolah ini berkongsi. Kongsi sama. Jadi kerajaan telah mengwar-warkan pembinaan sekolah wawasan untuk membina masyarakat supaya masyarakat berintegrasi dan memahami di antara kaum.

Saya kira ada juga kawasan-kawasan lain yang mempunyai suasana sekolah seperti ini. Jadi saya pohon di dalam butiran ini, kalau boleh pihak kerajaan, pertama sekali kita pecahkan *mind block* ini iaitu dengan pagar-pagar yang memisahkan sekolah-sekolah ini. Kita pecahkan dan kita sediakan satu padang bagi anak-anak ini berkongsi kegiatan-kegiatan kokurikulum. Kita tidak usah cerita tentang kurikulum ini nanti. Berbagai-bagai panjang lagi yang menyebabkan kita tidak akan melakukan aktiviti ini. Kalau boleh kementerian kaji, pecahkan sempadan ini supaya anak-anak ini dapat berkongsi kegiatan-kegiatan kokurikulum yang seterusnya akan dapat menyebabkan ruang untuk mereka bergaul di antara kaum ini dapat digalakkan. Jadi saya minta diberi perhatian kepada Sekolah Kebangsaan Paya Rumput, Sekolah Tamil Paya Rumput dan Sekolah Tionghua Paya Rumput ini diberikan perhatian oleh pihak kementerian, di Parlimen Tangga Batu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa itu adalah satu cadangan yang baik dan saya rasa ada satu permainan yang boleh diperkenalkan kepada semua pelajar, iaitu 'congkat'. Yakah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Congkak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa itu satu permainan tradisi yang sangat baik dan ia boleh melatihkan...

Tuan Pengerusi: Merapatkan perhubungan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pemikiran, ya pemikiran. Saya rasa itu adalah satu permainan yang sepatutnya diperkenalkan kepada semua sekolah. Terima kasih, apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Terima kasih Bukit Mertajam. Permainan itu congkak. Bukan 'Chong Eng' lah. [*Ketawa*]. Jadi permainan ini,

sekarang ini memang saya dapati memang dilatih di sekolah kebangsaan, dan sekolah cina, tidak sekolah tamil. Jadi saya minta Menteri tengok ini. Pecahkan pagar supaya mereka boleh berkongsi kawasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat. Ayer Hitam. Cepat sikit, akhir sekali Tuaran.

3.19 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada tiga perkara. Yang pertama, 00200 Pendidikan Menengah dan Matrikulasi. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang pengambilan pelajar ke matrikulasi. Salah satu kriteria yang ditetapkan bagi pelajar bukan bumiputera adalah 10% bersandarkan dengan fakta sama ada pelajar itu datang daripada bandar dan luar bandar.

Apakah definisi pelajar luar bandar dan bandar? Adakah ia berdasarkan kepada sekolah ataupun tempat kediaman mereka? Saya rasa kita perlu memberi satu penerangan yang jelas kepada pelajar-pelajar dan bolehkah pihak kementerian menyediakan satu senarai bagi mereka yang dikatakan berasal dari luar bandar dan bandar.

Satu perkara lagi yang saya rasa perlu diambil perhatian, adalah pelajar-pelajar MRSM. Dua tahun yang lalu Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjadi menteri berkenaan, menggalakkan ramai masuk MRSM. Tetapi apabila mereka mendapat keputusan yang cemerlang, sekarang tidak dapat memasuki matrikulasi. 53 orang jumlahnya dan saya nampak mereka dalam keadaan serba-salah. Mereka tidak ditawarkan tempat ke tingkatan enam disebabkan ia bukan berasal dari aliran Jabatan Pelajaran. Ia terletak di bawah MARA.

Jadi apabila mereka telah tamat pengajian di MRSM, mereka dalam keadaan yang serba salah, tidak tahu apa yang hendak dibuat. Mereka terpaksa merayu untuk memasuki Tingkatan Enam ataupun mereka sedang menunggu rayuan matrikulasi. Di sini saya minta jabatan atau kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan untuk menyerap masuk mereka ini. Mereka ini adalah ejen muhibah. Mereka dihantar ke MRSM, mereka dapat bergaul mesra dengan pelajar tetapi tidak diberi tempat.

Sekarang, saya terus kepada perkara kedua 00700 – Pendidikan Guru. Secara ringkas, dua perkara sahaja. Saya rasa program PISMP sepatutnya menambahkan lebih ramai, lebih banyak tempat lagi untuk pelajar-pelajar dan saya nampak sambutan begitu baik sekali di kalangan calon-calon SPM. Dan juga dari segi pengkhususan itu, ianya sepatutnya tidak berubah daripada diterima masuk sampailah mereka menamatkan pengajian.

Satu perkara lagi, kita menyambut baik kenyataan kementerian yang mengatakan akan membuka kursus KPLI dan iklan telah dibuat baru-baru ini. Tetapi bagaimana dengan KDPM yang telah dijanjikan berdasarkan ala LPBS. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang terakhir sekali, Pusat Perkembangan Kurikulum. Oleh kerana kemasukan ke IPTA tahun ini bersandarkan 10% kepada aktiviti kokurikulum. Saya memang merayu kepada kementerian untuk menetapkan satu garis panduan yang jelas bagaimana seorang pelajar itu dapat markah secara sistematik, secara munasabah markah itu diberi, tidaklah bersandar kepada penilaian oleh pengetua dan guru-guru. Saya rasa itu adalah satu masalah.

Sebagai contoh, Lembaga Pengawas bagi satu sekolah itu berlainan mungkin diklasifikasikan sebagai badan uniform tetapi untuk sekolah lain ianya mungkin diklasifikasikan sebagai pertubuhan. Saya rasa ini akan bercelaru dan menyebabkan sistem itu tidak dapat dipatuhi oleh semua pelajar.

Tuan Pengerusi: Baik.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kita perlu mengeluarkan satu garis panduan yang jelas supaya kemasukan ke IPTA berdasarkan kepada 10% aktiviti kokurikulum ini dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tuaran akhirnya.

3.22 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut membahas Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2006 bagi Maksud B.41, Kementerian Pelajaran, Butiran 00100 – Pendidikan pra sekolah dan sekolah rendah yang telah diperuntukkan lebih kurang RM32 juta yang melibatkan 45 projek.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan ini, malah kita berjuang supaya pihak kerajaan memperuntukkan lebih besar peruntukan bagi membina bangunan-bangunan pra sekolah ini. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berapa buahkah pra sekolah yang telah dibina di seluruh negara mengikut negeri.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya banyak lagi sekolah-sekolah rendah yang langsung tidak mempunyai pra sekolah sama ada daripada KEMAS mahupun daripada Jabatan Perpaduan dan juga daripada pihak kementerian. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bilakah semua sekolah rendah ini akan didirikan pra sekolah. Saya juga ingin bertanya dalam hal ini berapakah guru-guru pra sekolah yang telah dilatih di maktab-maktab untuk tujuan ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 00200 iaitu Pendidikan Menengah dan Matrikulasi. Dalam butiran ini sebanyak RM82 juta telah diperuntukkan dan sekali lagi saya mengalu-alukan peruntukan ini dan menyokong supaya lebih besar lagi peruntukan diberikan untuk pembinaan sekolah-sekolah menengah. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, bilakah pihak kerajaan akan membina SMK Pekan Kinabalu di kawasan saya, Parlimen Tuaran yang telah pun disenaraikan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekarang kita sudah masuk ke Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita masih menunggu.

Saya sedar bahawa di antara masalah ataupun cabaran yang dihadapi dalam pembinaan sekolah tersebut ialah masalah tanah. Saya sendiri telah bersama-sama membawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ke kawasan itu melalui di situ juga dan saya ingin tahu apakah perkembangan pelaksanaan projek ini sebab rakyat sudah sekian lama menunggu-nunggu pembinaan sekolah menengah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya beralih seterusnya ke Butiran 00700 iaitu Pendidikan Guru/Maktab Perguruan dan untuk butiran ini sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan yang dikhaskan untuk pembinaan maktab perguruan di Tawau. Sekali lagi kita menyokong peruntukan ini dan dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, saya difahamkan bahawa Maktab Perguruan Kent di Tuaran, di kawasan saya akan dinaik taraf menjadi institut perguruan dan oleh itu ia akan melibatkan kenaikan taraf.

Dalam hal ini saya ingin bertanya, semasa dalam pembinaan nanti, kalau dibina, adakah nanti tapaknya akan dipindahkan daripada yang ada sekarang dan jika dipindahkan, di manakah tapak itu? Jika sekiranya dalam proses pembinaan tersebut, di manakah nanti guru-guru akan dilatih, di manakah bangunannya dan sebagainya sebab ini juga melahirkan satu keresahan para pelatih kita yang ada di sana sekarang.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Seterusnya, Tuan Pengerusi, ada dua, pendek sahaja iaitu dalam Butiran 00900 – Asrama. Sebanyak RM1,000,200 telah diperuntukkan dalam hal ini dan sekali lagi saya mengalu-alukan dan menyokong peruntukan ini. Sudah sekian lama saya berada di Dewan yang mulia ini bersuara meminta dan mengetengahkan pelbagai masalah tentang kemudahan asrama khususnya di kawasan saya di Tuaran dan sekali lagi saya telah membawa Yang Berhormat Timbalan

Menteri untuk melihat sendiri keperluan asrama ini sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

Dalam kesempatan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan telah meluluskan permohonan untuk memperbesar lagi, menaik tarafkan lagi asrama bagi SMK Tun Fuad di kawasan Kiulu yang sudah sekian lama kita sudah minta dan tanah pun tersedia. Pada masa yang sama juga saya juga ingin bertanya sama ada asrama bagi SMK Sungai Damit yang sudah sekian lama sekolah menengahnya dibina tetapi asramanya tidak dibina dan ini mengakibatkan masalah.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Perkara ini juga sudah saya ketengahkan kepada pihak menteri dan...

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Akhir banyak.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, ini sudah terakhir. Bagi Butiran 03500 iaitu Ubahsuai dan Naik Taraf dan Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Peruntukan sebanyak RM2.7 juta telah diperuntukkan dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan ini telah diperuntukkan untuk bekalan air luar bandar untuk sekolah-sekolah. Minggu lepas dalam peringkat dasar saya juga telah menyatakan bahawa amat perlu diberi pemantauan-pemantauan apabila bekalan ataupun projek-projek sedemikian rupa dibina di sekolah rendah. Baru-baru ini saya melawat sebuah sekolah, SK Poring di mana bekalan air ini, Tuan Pengerusi, telah diberi dan oleh kerana lokasi tangki yang diletakkannya itu tidak betul, maka rumah guru-guru di sekolah tersebut tidak dapat menggunakan air yang telah dibekalkan.

Sebab itu saya ingin bertanya bagaimanakah dari segi pemantauan dari segi kelulusan projek-projek sedemikian rupa dan saya juga ingin bertanya, apakah pihak kementerian sedar, apakah pihak pentadbiran PPD, apakah pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah memberi maklum bahawa banyak sekolah yang menghadapi sedemikian rupa oleh kerana soal pemantauan.

Akhir sekali dalam hal ini juga, Tuan Pengerusi, di sekolah yang sama juga, saya telah melihat sekolah ini dan saya begitu sedih sebab guru-guru di SK Poring ini telah mengutip duit di kalangan mereka untuk membina rumah guru dan bergotong-royong. Apabila kita melihat peruntukan untuk naik taraf dan sebagainya untuk Sabah dan Sarawak ini dan yang dilaung-laungkan di Dewan yang mulia ini kadang-kadang kita tepuk meja tetapi bila sampai di lapangan atau di sekolah, tidak ada peruntukan.

Sekolah bersebelahan dengan SK Poring ini iaitu SK Sungai sehingga pada hari ini rumah yang didiami oleh guru masih lagi dibina dengan bambu. Begitu juga dengan SK Poring yang saya katakan tadi. Banyak lagi, Tuan Pengerusi, tetapi...

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...dalam hal ini saya mohon menyokong peruntukan yang telah diberikan oleh kementerian. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, minta perhatian.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

3.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 2005 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 8 Mei 2006”.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk menjawab.

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Terima kasih. Tuan Pengerusi saya ucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan belanjawan tambahan bagi Kementerian Pelajaran Malaysia. Seramai 17 ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya ucapkan terima kasih segala teguran dan cadangan, saya bagi pihak Kementerian Pelajaran untuk merakamkan banyak terima kasih dan juga penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan tadi. Lihat tajuk-tajuk atau perkara-perkara yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat nampaknya ramai Ahli Yang Berhormat telah sentuh soal pra sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Jadi saya ingin bermula untuk memperjelaskan beberapa perkara berhubung kait dengan pra sekolah. Sebenarnya Kementerian Pelajaran menanggap pra sekolah adalah satu pelajaran atau satu bidang yang amat penting. Oleh sebab itu, sejak pada tahun yang sudah, Kementerian Pelajaran telah mula untuk mengendalikan kelas-kelas prasekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Sehingga bulan Januari 2006 sebanyak 4583 buah kelas pra sekolah telah dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran di negeri-negeri yang terlibat.

Dan kita juga merancang untuk menambahkan kelas pra sekolah untuk sekolah-sekolah kita. Jadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita cadangkan supaya akan menambahkan lagi 3143 buah kelas pra sekolah yang jumlah kosnya sebanyak RM327.3 juta. Jadi ini kalau dilaksanakan nanti, maka keluasan prasekolah akan meliputi lebih banyak sekolah.

Tuan Pengerusi satu perkara saya ingin sentuh di sini ialah tentang pemantauan pra sekolah yang dikendalikan bukan sahaja Kementerian Pelajaran dan juga agensi-agensi kerajaan dan juga NGO, dan juga swasta. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya kementerian telah mengendalikan prasekolah mestilah ikut kurikulum

yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 2003 lagi, mereka hendaklah mengikut kurikulum yang telah ditetapkan, maknanya dengan kata lain, mereka mesti menggunakan kurikulum yang seragam. Jadi ini dari soal pemantauan memang kita sudah jalankan.

Tambahan pula, Kementerian Pelajaran juga mempunyai jemaah nazir sekolah, setiap Pejabat Pelajaran Daerah dan juga Jabatan Pelajaran Negeri juga telah mewujudkan unit prasekolah. Bagi menyelaraskan dan memastikan pelaksanaan berjalan seperti yang dirancang. Jadi saya rasa apa yang dicadangkan oleh ahli Yang Berhormat memang kita ambil maklum dan akan kita terus memastikan prasekolah yang tidak ada di sekolah kita, dan akan ditambah pada masa akan datang, akan berjalan dengan baik. Tuan Pengerusi, saya ingin pergi ke tajuk lain, pengkomputeran di sekolah...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, penjelasan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat tidak menjawab berapakah guru-guru yang telah dilatih setakat ini untuk tujuan mengajar anak prasekolah. Dan dari segi unjurannya sampai bilakah semua sekolah-sekolah rendah di seluruh negara akan diberikan prasekolah ini. Terima kasih, Timbalan Menteri mohon penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Ya, saya tidak ada angka kepada saya sekarang, saya boleh kemukakan kepada Yang Berhormat, apa yang saya boleh sebut di sini ialah sekarang ini kita tidak ada masalah kekurangan guru untuk prasekolah. Sebenarnya kita ada lebih guru untuk prasekolah. Jadi dari bab ini kita akan lihat dari segi unjuran memang sentiasa diberi perhatian, supaya apabila kelas tambahan di buka maka sedialah ada Kementerian Pelajaran dapat menyediakan guru untuk mengajar prasekolah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya tentang fakta-fakta ini, sebab saya difahamkan bahawa terdapat *mismatching*, terlalu banyak guru-guru yang dilatih untuk pra sekolah, sedangkan bangunan pra sekolah belum lagi dibina. Jadi dari segi perancangan bagaimanakah ini? Seheinggakan guru-guru yang dilatih prasekolah, terpaksa mengajar mata pelajaran lain. Dan apabila mereka mengajar mata pelajaran lain, dan apabila mereka mengajar mata pelajaran lain, masalah pula sebab itu bukan *option* mereka. Jadi ini sebenarnya tujuan saya. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, guru yang kita latih untuk prasekolah, bukan sahaja untuk pra sekolah, tetapi mereka juga boleh mengajar tahap satu sekolah rendah. Jadi dari segi *mismatch* saya rasa tidak timbul banyak masalah. Jadi untuk pengkomputeran sekolah, saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini, terdapat 5266 buah sekolah yang telah dilengkapi dengan program pengkomputeran, dan 8 buah sekolah sedang dalam pembinaan dan 91 sekolah lagi sedang dibekalkan dengan peralatan ICT. Sebanyak 8120 sekolah telah dirangkaikan dengan capaian internet jalur lebar. Sebanyak RM2.1 bilion diperuntukkan bagi melengkapkan semua sekolah dengan kemudahan ICT, perisian dan latihan guru-guru untuk akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, kita harap semua sekolah akan di Bestarikan.

Tentang pendidikan teknikal, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kita sedar bahawa pendidikan teknikal dan juga vokasional merupakan satu bidang yang penting dan setakat ini, Kementerian Pelajaran telah menyediakan jumlah mata pelajaran MPV, mata pelajaran vokasional sebanyak 22 mata pelajaran, dan dari apa yang saya lihat, memang ini telah dapat sambutan yang baik daripada murid-murid, khususnya sekolah menengah. Jadi kita akan memperluaskan lagi untuk mengadakan, memperluaskan program MPV ke sekolah-sekolah harian.

Dan juga untuk sekolah teknik dan vokasional ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, ini juga kita harap ibu bapa kena ubah sikap. Jangan anggap sekolah vokasional atau sekolah teknik ini merupakan hanya untuk murid-murid-murid yang lemah. Ini memang kita rasa, memang saya pernah berjumpa ibu bapa, bahawa anaknya dia tidak suka untuk hantar ke sekolah teknik kerana dia anggap sekolah teknik atau vokasional ialah

untuk murid yang lemah. Jadi kalau dapat bantuan dari Ahli Yang Berhormat, maka ini sudah tentu akan menambah *enrolment* ke sekolah teknik.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah sebut maktab perguruan yang belum siap di Tawau dan Kuala Lipis, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat kedua-dua maktab perguruan, iaitu Tawau dan Kuala Lipis pun telah kita lengkapkan dengan segala kemudahan dan peralatan yang kita sediakan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga sebut *e-Library* dan juga tentang pengkomputeran sekolah. Dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pihak Kementerian Pelajaran akan membekalkan *web school management system*, dengan izin dan salah satu komponen sistem ini ialah laman *web* sekolah. Pembekalan akan dibuat secara berfasa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kepada semua sekolah.

Selain itu komponen yang akan turut dibekalkan bersama ialah sistem pengurusan pembelajaran atau *learning content management system*, dengan izin sebagai platform untuk pengguna mengakses bahan-bahan *interactive learning*. Pengisian kursus dan bahan-bahan *e-Learning*.

Mengenai *e-Library* saya memang tertarik perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat satu lagi komponen *web school management system* ialah model pengurusan perpustakaan yang boleh digunakan untuk proses pinjaman dan juga melihat bahan-bahan, baca bahan-bahan rujukan secara *on line*. Jadi ini telah pun kita rancang untuk kita lengkapkan memberikan kepada sekolah-sekolah.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan bahawa sistem pelajaran kita gagal kerana ibu bapa masih hantar anak kita ke tuisyen. Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat atau Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga sebut bahawa pada permulaan perbincangan beliau, beliau juga sebut bahawa pelajar kita sekarang ini memang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi, ribuan murid yang dapat 10A dan sebagainya. Jadi ini sebenarnya menunjukkan bahawa sistem pelajaran kita telah berjaya. Jadi Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan supaya kita ketatkan lagi peperiksaan. Jadi saya rasa inilah ada sedikit....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Hon Choon Kim: Ada konflik sebenarnya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat memang tidak sebenarnya..... Jadi, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Timbalan Menteri saya rasa tidak ada konfliknya. Adakah kementerian telah menjalankan satu kajian berapakah murid yang mendapat semua A ini tanpa pergi tuisyen? Saya boleh cabar semua mereka pergi tuisyen, kalau mereka tidak ada tuisyen mereka tak akan.... Itu adalah *exception* kalau tak pergi tuisyen dapat semua A itu adalah *exception*.

Jadi ini saya rasa sesiapa boleh melihat perkara ini secara rasional, boleh faham bahawa ada masalah kerana di mana-mana pun kalau pergi jumpa cikgu bertanya bagaimana hendak menambahkan pelajaran anak dia dengan lebih baik, apa yang direkomen atau dicadangkan oleh guru ialah pergi tuisyen. Dan adakah kementerian juga menjalankan kaji *survey*, berapakah orang guru mempunyai kelas tuisyen selepas sekolah? Ramai mereka hendak jadi guru kerana melalui tuisyen ini boleh mendapat pendapatan yang lebih. Tujuan mereka menjadi guru ialah supaya boleh membuka satu pusat tuisyen. Saya rasa ini adalah satu fenomena yang kurang sihat dan kita patutlah pandang dia secara objektif dan bukan kerana pihak pembangkang yang membawa isu ini dan tidak mahu menerima atau melihatnya secara objektif.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, kita memang melihat perkara ini secara objektif dan rasional. Sebenarnya kita tahu sistem peperiksaan atau kita masih ada kelemahan dan tidak dinafikan bahawa ada ibu bapa memang melihat bahawa pencapaian peperiksaan adalah merupakan objektif utama mengapa mereka hantar anak ke sekolah, kita tahu. Oleh sebab itu kita pun telah cadang supaya kita akan tukar atau pinda sedikit

caranya dari segi pentaksiran pencapaian murid supaya dia tak terlebih berasaskan kepada peperiksaan, tetapi berasaskan kepada tugas kerja atau *test based assessment* ini pun telah dicadangkan, menteri pun telah cadangkan. Jadi, dari segi masih ada ibu bapa hantar anak ke tuisyen, itu memang terpulang kepada ibu bapa sebenarnya dan Kementerian Pelajaran.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Hon Choon Kim: Nanti-nanti, Kemestian Pelajaran juga mempunyai Skim Tuisyen Baucar kepada murid-murid yang lemah, yang merasakan masih belum menguasai mata pelajaran yang diajar oleh guru, maka kita juga memberi peluang kepada anak-anak kita khususnya di luar bandar dari keluarga yang miskin, jadi mempunyai peluang untuk mendapat tuisyen daripada guru. Jadi saya rasa ini bukan satu masalah yang luar biasa, ini adalah terpulang kepada ibu bapanya kalau ibu bapa hendak hantar anak ke tuisyen hantarlal ke tuisyen, kalau tak ingin hantar ke tuisyen bolehlah kalau dia dari keluarga yang miskin, yang rasakan prestasi di sekolah masih kurang, masih lemah maka murid ini boleh mengambil bahagian untuk....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim:mengadakan, menyertai skim tuisyen yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari sekarang keadaan luar biasa adalah keadaan apabila pelajar itu tidak pergi untuk mengambil tuisyen dan ini telah semakin serius, di mana pelajar sendiri termasuk ibu bapa kurang yakin ke atas anak-anak mereka dan pelajar sendiri juga mempunyai rasa kekurangan dan juga kekurangan dari segi keyakinan apabila mereka tidak pergi tuisyen. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari ada di kalangan pelajar mereka tertekan juga kerana tuisyen, waktu pagi guru mengajarnya di sekolah, selepas itu petang mereka pergi tuisyen, mengambil tuisyen dari guru yang sama sebab mereka boleh buat bandingan.

Dan kononnya ada kes-kes tertentu di mana guru yang mengajar tuisyen itu adalah guru darjah mereka yang boleh memberi tips-tips peperiksaan. Jadi pelajar ini merasa kurang keyakinan diri lagi apabila rakan-rakan mereka semua pergi untuk mengambil tuisyen dari guru yang sama, yang mengajar mereka pada waktu pagi. Saya ada terima aduan di mana para ibu bapa meminta saya menyampaikan kepada kementerian bahawa ada kes sedemikian. Guru yang mengajar waktu pagi dan petang mengajar tuisyen, pelajar dari kelas yang sama dan pelajar ini harap dan mereka memang ada kes di mana boleh mendapat tips-tips peperiksaan. Jadi apakah pihak kementerian menyedari keseriusan perkara ini dan jika ya, apakah tindakan yang pernah diambil?

Dato' Hon Choon Kim: Kementerian Pelajaran memang sedar ada ibu bapa yang sangat minat untuk hantar anak ke tuisyen. Pada pandangan saya sebenarnya saya tidak begitu setuju supaya menghantar anak tuisyen lepas sekolah, selepas itu malam tuisyen juga, saya rasa ini bukan satu cara yang terbaik tetapi kalau ibu bapa masih berminat untuk menghantar anak ke tuisyen, jadi itu luar bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Jadi saya berharap Yang Berhormat sedar. Untuk soal pelajar yang *gifted*...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Dato' Hon Choon Kim: Nanti-nanti ya, soal.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagikah?

Dato' Hon Choon Kim: Banyak lagi Yang Berhormat, boleh saya pendekkan? Saya boleh pendekkan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya banyak perkara dibangkitkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat pergi yang lain saya hendak cakap pasal tuisyen tadi Yang Berhormat, boleh? Sekarang ini terima kasihlah kepada Kementerian Pelajaran ada bagi bantuan tuisyen RMT, RMT pun ada, Rancangan Makanan Tambahan, *one-off* dan buku teks. Saya hendak tambah satu lagi Yang Berhormat keadaan orang miskin ini Yang Berhormat.

Bantuan yuran peperiksaan Yang Berhormat timbul masalah. Kalau bolehlah kepada anak-anak orang miskin untuk yuran peperiksaan ditimbang apabila menjelang untuk membayar peperiksaan PMR sebagai contoh SPM dan STPM apa salahnya kalau kita sudah ada bantuan-bantuan lain dimasukkan satu lagi bantuan untuk anak-anak orang miskin betul-betul mengikut *data base* setelah dibuat siasatan, mereka benar-benar miskin dibantu untuk membayar yuran peperiksaan,

Kadang-kadang satu keluarga itu, anaknya terpaksa ambil PMR, SPM dan STPM. Ini tidak termasuk lagi anak mereka yang mendapat tempat di universiti-universiti. Apakah pihak kementerian boleh menimbang selain daripada Yang Berhormat sebutkan tadi seperti bantuan *tuition*, bagus yang telah dibuat. Mungkin ada kekurangan sedikit di sana sini. Tetapi saya hendak minta cadangan supaya bantuan peperiksaan pula dimasukkan di dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan. Apa pandangan Yang Berhormat kerana ramai lagi anak-anak orang miskin ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju kerajaan mesti menolong golongan yang miskin seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, memang Kementerian Pelajaran telah menyediakan cukup banyak jenis bantuan kepada murid-murid selain daripada skim *baucer tuition* dan juga makanan tambahan, program susu dan juga biasiswa kecil kepada orang miskin dan sebagainya. Memang dari segi yuran peperiksaan, ini tidak jadi masalah sebenarnya kalau ibu bapa masih menghadapi masalah seperti ini bolehlah berhubung dengan pegawai kita. Dari apa yang saya tahu, memang Kementerian Pelajaran menyediakan wang untuk membantu anak-anak miskin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, tentang anak *gifted child* dengan izin memang Kementerian Pelajaran sedar. Kalau ikut sistem persekolahan memang anak-anak yang *gifted* tadi itu [*Disampuk*]... nanti ya Yang Berhormat!

Yang *gifted* itu memang kita ada buat satu kursus, suatu kaedah khas untuk murid-murid yang pintar atau murid-murid *gifted* ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang menyediakan garis panduan. Adi Putera yang telah disebut-sebutkan namanya oleh Yang Berhormat tadi memang Kementerian Pelajaran melepaskan murid itu supaya murid itu boleh masuk ke sekolah swasta. Pada masa sekarang Adi Putera telah masuk Sekolah Islam Antarabangsa, Gombak dengan pimpinan dari kumpulan pakar pilihan Profesor Dato' Ismail bin Salleh. Ini kita akan lihat balik bagaimana boleh bantu *gifted* murid-murid yang begitu bijak, memang tidak begitu sesuai mengikut persekolahan biasa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya tanya sedikit? Pasal Adi Putera?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang mana satu, Adi Putera? Adi Putera? Saya sebut tentang Adi Putera ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Janganlah dia, sinilah, selalu

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri dia tunjuk sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Adi Putera ini Yang Berhormat, saya suka kalau boleh hendak cadangkanlah. Kita mesti ada satu perancangan,

penghujungnya nanti Adi Putera ini ataupun mungkin pelajar-pelajar pintar yang lain ke mana arah mereka? Sebab biasanya kita hanya mengambil tindakan apabila keluar dalam media, dalam surat khabar, dalam televisyen yang mendedahkan pelajar-pelajar pintar seperti ini. Mungkin sudah tiba masanya pihak kementerian menilai keadaan ini menubuhkan satu jawatankuasa memantau berapa ramai lagi kemungkinan kita akan dapat melahirkan pelajar-pelajar pintar ini untuk masa depan dan disusun daripada sekarang program jangka panjang ada penghujungnya. Mana tidak hanya sebagai mereka hanya diberikan tempat untuk belajar, macam Yang Berhormat katakan tadi, mungkin programkan daripada sekarang ke arah mana mereka ini sebagai satu contoh.

Begitu juga pelajar seperti Nor Amalina yang mendapat 17A(1), mungkin ramai lagi. Saya rasa pelajar-pelajar ini dapat ditonjolkan sekiranya ada satu insentif daripada pihak kementerian ke atas pelajar-pelajar ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dan pandangan Yang Berhormat kita kaji sama ada boleh kita terapkan, terima untuk dipakai pada masa akan datang.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan berkenaan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Batu Gajah iaitu ada guru-guru yang selepas mengajar di sekolah, mereka mengambil masa yang lapang untuk mengajar mula-murid dari sekolah yang sama yang beliau mengajar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah pekerjaan *tuition* ini boleh dibenarkan kepada guru-guru dan sama ada guru-guru yang mengajar murid-murid dari sekolah yang sama, darjah yang sama yang ada *conflict of interest* sekiranya guru-guru ini dibenarkan untuk mengambil *tuition*, bolehkah satu peraturan dibuat di mana guru yang sama tidak boleh ambil murid-murid dari darjah yang sama yang beliau mengajar.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, memang Kementerian Pelajaran mempunyai peraturan kepada guru-guru yang ingin mengajar atau dua waktu sekolah atau memberi *tuition* kepada murid-murid dan juga dapat bayaran, ini memang ada peraturan sedia ada. Saya tidak ingat berapa peratus wang ringgit mereka perolehi daripada memberi *tuition*.

Walau bagaimanapun apa juga tugas atau kerja selain daripada mengajar, mereka hendaklah menghantar surat dan mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran sebelum mereka boleh berbuat demikian. Inilah saya ingatkan semua guru supaya sentiasa patuh apa yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran supaya mereka boleh memberi perhatian yang lebih khusus kepada PNP di sekolah yang mereka ditugaskan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, kami berminat untuk mendapat tahu garis panduan Yang Berhormat sebutkan tadi. Bolehkah kami dapatkan buku garis panduan ini supaya kami ada pengetahuan dalam hal ini.

Dato' Hon Choon Kim: Itu tidak apa, tidak banyak masalah. Memang garis panduan dan peraturan pun ada.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Boleh bagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Memandangkan *tuition* yang bermaharajalela yang sebenarnya membayangkan kegagalan sistem pendidikan di mana sistem pendidikan memerlukan satu sistem *parallel* untuk membantu atau menyelamatkan sistem pendidikan. Adakah satu *target* sama ada lima tahun atau sepuluh tahun di mana *tuition* tidak perlu begitu berleluasa dan boleh berbalik kepada masa dahulu iaitu zaman tahun 60an, 70an mungkin masa Yang Berhormat bagi Gua Musang, saya percaya pun tidak ada *tuition*. Kita pun boleh *survive*.

Sekarang 90% murid-murid perlu *tuition* dan menggunakan perbelanjaan sebanyak RM4 bilion satu tahun iaitu *scandalous outrageous* bolehkah satu *target* di mana kita balik bukan 100% menafikan keperluan *tuition* tetapi sehingga *overwhelming majority* tidak perlu *tuition* di mana sistem pendidikan sendiri boleh menyampaikan tujuan pendidikan tanpa suatu *parallel system* ditubuhkan RM4 bilion satu tahun.

Adakah satu *target* atau satu *time line* kita boleh kurangkan lima tahun kurangkan 10% keperluan sehingga 10 tahun atau *give-up* atau perancang-perancang sistem pendidikan rasa ini *no hope, no way*. *No way education system* boleh balik kepada satu sistem yang unggul di masa depan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, yang tadi saya jawab, bila saya jawab tentang perkara ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak ada di dalam Dewan. Jadi saya tidak perlu ulang lagi Yang Berhormat. Minta izin Tuan Pengerusi saya tidak perlu ulang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya pun banyak.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat sila duduk. Tidak payah sebut macam ini. Tidak apa. Tidak payah saya jawab secara *detail* lagi. Apa yang telah saya sebutkan tadi sudah cukup memadai bahawa kita memang akan mengubah sedikit tentang *exam orientated* untuk berasaskan kepada tugas sebagai satu cara *assessment* kepada murid-murid.

Jadi dengan cara ini dan juga dengan semua sedar bahawa pendidikan bukan hanya berkisar kepada pencapaian peperiksaan maka pada ketika itulah kita akan tukar minda rakyat Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Sebenarnya itu saya tahu, itu Yang Berhormat ada kata. Itu bukan jawapan. Sama ada bagaimana kita boleh menghapuskan atau mengurangkan satu tahap yang serendah-rendahnya keperluan tuisyen. Yang Berhormat kata bahawa kita mahu tukar fikiran bahawa tidak begitu *exam-oriented* betul, tetapi akhirnya masih perlu peperiksaan dan apabila masih perlu peperiksaan *tuisyen industry* akan ada di sana. Sebab itu, ini bukan menangani masalah tetapi lari daripada masalah ini. Nampaknya Yang Berhormat pun tidak faham apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah kata *there is no time to loose*, tidak boleh sedikit pun. Sekurang-kurangnya mengenai masalah kita perlu faham apakah masalah pokok dan bagaimana kita boleh menghapuskannya. Adakah kita berani satu hari berapa lama kita boleh hapuskan penyakit tuisyen kepada satu tahap apa yang boleh dianggap sebagai *tolerable*.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata berapa peratus pelajar-pelajar kita ambil tuisyen dan berapa peratus kita lihat *tolerable*. Atau sampai sekarang 90% lebih kurang.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya memang faham apa yang saya sebut, saya faham apa yang saya buat, cuma Yang Berhormat pilih tidak mahu faham apa saya sebut. Jadi, sampai bila Yang Berhormat akan terima apa yang dibuat oleh kerajaan Yang Berhormat akan sebut bagus. Memang selama ini Yang Berhormat tidak pernah sebut bagus apa yang telah kerajaan buat. Ini biasalah, tidak mengapa. Tetapi walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat kita ambil maklum. Memang pandangan Yang Berhormat untuk menghapuskan tuisyen sindrom ini, kita akan ambil maklum dan kita akan berusaha ke arah itu dan harap pada satu masa ibu bapa tidak begitu berminat anak ke kelas tuisyen.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah menyebut beberapa perkara projek memperbaiki bangunan yang bahaya. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri memang menteri dan juga Kementerian Pelajaran tidak akan berkompromi terhadap keselamatan murid. Itu kita memang pegang pendirian Kementerian Pelajaran. Kalau terdapat sekolah-sekolah atau bangunan yang bahaya mintalah maklumkan kepada Kementerian Pelajaran supaya tindakan segera dapat kita laksanakan.

Yang Berhormat bagi Bera sebut mengapa pada masa sekarang ini masih belum ada pejabat pelajaran untuk Parlimen kawasan Bera. Dimaklumkan Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat begitu peka, begitu prihatin dan begitu sayang rakyat di bawah

jagaan kawasan Parlimen Bera. Ingin dimaklumkan kepada Yang Berhormat syarat untuk mewujudkan pejabat pelajaran untuk sesuatu tempat atau daerah kita lihat bilangan sekolah yang terdapat dalam kawasan itu. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, kawasan Yang Berhormat hanya 50 buah sekolah, kita masih anggap kalau ditugaskan kepada Pejabat Pelajaran yang berhampiran pada setakat ini kita anggap masih boleh teruskan pentadbirannya.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa kaji dari masa ke semasa seperti tadi yang disebut oleh Rembau. Rembau ada juga sebut perkara yang sama di mana Rembau dengan daerah Tampin masih mempunyai satu buah Pejabat Pelajaran Daerah. Jadi saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Bera pandangan dan cadangan Yang Berhormat saya akan bawa balik kepada Kementerian Pelajaran supaya dilihat semula sama ada sudah sampai masa untuk membina sebuah pejabat pelajaran untuk kawasan Bera.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga sebut pembangunan pembinaan sekolah di kawasan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, dua sekolah menengah baru akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya tidak berani sebut bila akan dibuat tetapi kalau ikut senarai yang saya lihat memang ada dua buah sekolah menengah baru akan dibina.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah sebut tentang matrikulasi. Untuk makluman Yang Berhormat matrikulasi memang asalnya untuk membantu anak bumiputera yang masih kurang dalam bidang sains dan teknologi. Oleh kerana itulah matrikulasi dibuka untuk mereka supaya kita dapat membantu anak-anak bumiputera dalam bidang sains dan teknologi. Baru-baru ini, kerajaan telah bersetuju supaya memberi peluang 10% kepada anak bukan bumiputera. Setakat ini, tidak ada cadangan untuk mengubah kaedah ini supaya akan membuka lebih tempat kepada anak-anak bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih timbalan menteri. Saya rasa Menteri Pengajian Tinggi pun telah mengatakan bahawa pada waktu dua tiga tahun sekarang ini, pelajar bumiputera pun telah mampu bersaing dengan pelajar bukan bumiputera secara meritokrasi kerana setelah kita tidak menggunakan sistem kuota bilangan pelajar bukan bumiputera memasuki universiti adalah bertambah. Bukan bumiputera adalah dikurangkan.

Jadi saya rasa dahulu memanglah kita faham meritokrasi ialah untuk membantu pelajar bumiputera tetapi bukankah kita sudah sampai masa bahawa jangan kita selalu anggap bahawa pelajar bumiputera perlu dibantu. Mereka sudah boleh setanding dengan pelajar yang lain. Adalah tidak baik kita selalu anggap mereka lembap. Ini akan mengakibatkan *diverse* diskriminasi. Nanti ia mengatakan ia melalui matrikulasi. Saya rasa dia kurang baiklah. Baru dia melalui matrikulasi. Memang ini boleh jadi. Jadi saya rasa, kita pun sudah sampai masa yang kita hendak menjadikan satu negara yang maju tidak ada sistem seperti ini. Jadi bolehkah timbalan menteri membawa pandangan ini ke Kabinet atau ke kementerian untuk membincangkan supaya kita ada satu sistem yang lebih baik.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga sebut bantuan kepada sekolah Maran di Pahang yang bangunannya bahaya. Sebenarnya itu pun telah diambil tindakan sebaik sahaja saya baca surat khabar, saya telah pun maklumkan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran dan saya difahamkan beliau pun mengambil tindakan untuk memperbaiki bangunan yang bahaya ini. Yang Berhormat Bukit Mertajam juga sebut tentang sekolah SJK(C) Bentik.

Untuk makluman Yang Berhormat memang apa yang kita umumkan tempoh hari iaitu menyampaikan surat kelulusan memang satu perkara yang benar bukan satu perkara yang bohong. Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat jangan memakai perkataan seperti itu. Apa yang kita lakukan memang ikhlas untuk membantu sekolah, baik UMNO atau MCA atau MIC atau GERAKAN semuanya bertujuan untuk membantu rakyat. Ini tidak ada unsur bohong dan sebagainya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat memang tapak telah pun dipilih tetapi akhir-akhirnya mereka rasakan kawasan itu kurang sesuai. Oleh sebab itu, mereka sedang atau sebenarnya sudah pun kenal pasti satu tapak lain untuk membina sekolah. Jadi tunggulah sedikit masa Yang Berhormat, kita akan buat seperti yang kita umumkan tempoh hari.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan ya.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya menyambut baik bahawa ada keikhlasan tetapi keikhlasan seperti *good intention* tidak semestinya membawa hasil yang baik. *Good intention does not always brings good result*, tetapi semua kita adalah ikhlas tetapi dalam perjalanannya, *action*, tindakan kita akan menunjukkan sama ada kita ada cakap seperti cakap, atau bikin seperti cakap. Jadi di dalam perkara ini saya hendak menggunakan menipu kerana dia tidak memberitahu *all the truth, is only part of the truth*. Dia mengatakan lulus tetapi tidak memberitahu ada 10 syarat dan kerana tidak penuh dan tidak dapat memenuhi syarat ini sekarang dia perlu mencari satu tapak yang lain. Bukankah ini berunsur menipu?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu panjangkan isu ini dan saya pun telah jelaskan kepada Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa minit lagi diperlukan?

Dato' Hon Choon Kim: 2 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila.

Dato' Hon Choon Kim: Jadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sebut tentang sukatan pelajaran serta beberapa...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan sedikit Yang Berhormat, menipu ini betul atau tidak betul?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pembangkang kata menipu, Yang Berhormat kena jelaskan Yang Berhormat bahawa kerajaan tidak pernah menipu Yang Berhormat. Kementerian tidak pernah menipu ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah, cukuplah, baik.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan di sini, kerajaan tidak pernah tipu. Apa kita kata kita akan buat. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sebut minta supaya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri sendiri tipu lah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini sangkaan jahat, ini tidak bagus! Ya

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak faham, tidak tahu isu ini langsung! Jadi lebih baik jangan campur tangan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat, baik Yang Berhormat ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengoklah siapa yang kasar, lelaki kah atau perempuan yang kasar Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah buang masalah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *You* jangan masuk campur, *you* tidak tahu apa-apa! [*bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit boleh selesaikan jawapan Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Betul, saya tidak perlu naikkan suara saya, kalau itu benar, benar. Kalau tidak benar, tidak benar jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tidak benar, itu sudah cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hei, apa yang tidak benar, apa yang tidak benar, adakah ia mempunyai 10 syarat, 10 syarat atau 14 syarat...

Dato' Hon Choon Kim: Apa syarat itu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kelulusan itu!

Dato' Hon Choon Kim: Apa syarat sekali pun...apa kelulusan pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa dia tidak diberitahu?

Dato' Hon Choon Kim: Apa syarat, apa kelulusan, mesti ada syarat, tidak akan tanpa syarat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa dia tidak diberitahu apabila membuat pengumuman?

Dato' Hon Choon Kim: Siapa tidak beritahu? Siapa tidak beritahu? Memang lah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri tidak memberitahu!?

Dato' Hon Choon Kim: Tidak, tidak...apa yang saya perlu beritahu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang di dalam surat itu, surat kelulusan itu, ialah melalui KSU Kementerian Pelajaran menyampai kepada Presiden MCA dan di dalam itu ada 10 syarat tetapi diumumkan bahawa sudah lulus dan ini adalah berita yang baik, sudah lulus. Sehari sebelum pilihan raya parti MCA, bukankah ini berunsur tipu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini memang berunsur tipu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...bagi Menteri selesaikan ya, cukuplah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]* Haiya, tipu la itu!

Dato' Hon Choon Kim: Okey!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan kalau ingin mendapat surat itu saya boleh berikan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih yang mana perkara-perkara yang tidak dapat disebut kerana kesuntukan masa dan saya tidak sempat memberi jawapan, saya sudah tentu pegawai saya telah mengambil nota tentang apa yang dicadangkan, apa yang dikatakan di sini, maka kita harap Kementerian Pelajaran sekali lagi ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan sukatan memang kita akan kaji dari masa ke semasa. Jadi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih tentang perbincangan Ahli Yang Berhormat tentang cadangan yang telah diberikan kepada saya sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya...dia sudah habis, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa dia tidak jawab dan bagi saya tanya? Lari lah itu!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Lari, dia lari...lari!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak bagi, tidak bagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yalah, dia lari!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan lari Yang Berhormat, Yang Berhormat...Yang Berhormat baru masuk sahaja...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia sekarang jadi pengecut!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pengecut!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor jangan ini macam, Ipoh Timor baru masuk sahaja, dia sudah mengakhiri ucapannya, kena adil kepada Timbalan Menteri lah!

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM347,287,600 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui

Wang sebanyak RM347,287,600 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM271,993,700 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM271,993,700 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

Maksud P.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga mahu berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Batu Gajah dahulu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa speaker?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Batu Gajah sudah bersedia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti ya...*[Ketawa sambil mencari butiran dan dokumennya]*saya cari butirannya!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam, saya tunggu awak cari!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak buat *homework*lah itu!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Buatlah, sudah buatlah itu, butiran tidak tahu pergi ke mana!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Buat *rollinglah* Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak mahu, boleh duduk, saya boleh beri orang lain, saya beri Batu Gajah dan seterusnya Timbalan Menteri jawab!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, lewat-lewatkan mesyuarat, itu tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada kah? Okey, okey sila Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, saya akan...saya akan buat ucapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

4.16 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ini butiran 42 kementerian Kesihatan. Sejumlah wang yang sangat besar untuk menampung bayaran imbuhan tahunan 2005, saya rasa ini imbuhan ialah untuk kakitangan di Kementerian Kesihatan dan satu masalah yang sangat besar ialah kita mampu membina hospital yang sangat canggih, hospital yang besar juga hospital yang kecil tetapi kita tidak mampu melatih doktor, *nurses* dan *specialist* yang cukup.

Jadi saya diberitahu bahawa *houseman* yang menjalankan tugas, dia *on call* sekurang-kurangnya dua kali satu minggu dan *on call* maksudnya dia kerja 8 jam dan 24 *hours overnight*. Kalau dia bekerja dalam *over work*, sepatutnya dalam Akta Pekerja kita, seorang pekerja tidak boleh bekerja melalui 40 jam satu minggu tetapi doktor kita telah melebihi masa kerja seperti ini. Ini adalah sebabnya doktor-doktor di hospital kerajaan, mereka tidak tahan lagi dan jadi mereka mengambil keputusan untuk berkhidmat dengan pihak swasta kerana pihak swasta mereka dapat gaji yang lebih lumayan dan masa kurang yang lebih kurang. Jadi saya rasa dan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak akan satu hari, tidak akan dua jam!?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan begitu, *the working hour is shorter* dan ini bukan sahaja membebaskan doktor, para kerja, tetapi juga membahayakan pesakit-pesakit yang menggunakan perkhidmatan hospital kerajaan. Ini kerana saya diberitahu juga ada *surgeon* yang mereka terus menjalankan *operation* sepanjang malam dan esok hari mereka lagi bertugas. Saya rasa itu adalah satu sebab kecuai rawatan lebih sering berlaku walaupun kita tidak mempunyai apa-apa angka, itu adalah kerana kita tidak memberi satu mekanisme untuk mendaftar berapa kecuai yang berlaku. Beberapa bulan ini dan berapa bayi telah tetapi meninggal dunia semasa dilahirkan dan saya rasa ada banyak. Saya lihat di dalam surat khabar, aduan adalah lebih.

Malaysia boleh, Malaysia satu negara yang sangat boleh, yang kita boleh menghantar juga sekarang *astronaut* pergi ke *outer space*. Kita boleh..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Angkasa lepas dan juga..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...nanti, Menteri bolehlah jawablah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ha, ini sangat boleh, dan kita boleh menurunkan Proton di North Post..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah ini, ini..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:saya rasa itu..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ..bukan kesihatanlah nanti. Menteri jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...ha, itu semua tidak ada guna kepada rakyat. Tapi ini menyediakan doktor yang cukup adalah sangat penting kepada rakyat biasa khasnya orang yang miskin dan juga Ahli-ahli Parlimen kerana Ahli-ahli Parlimen juga menggunakan perkhidmatan kesihatan kerajaan. Doktor sendiri dan juga kepada doktor ada di dalam satu keratan surat khabar saya lihat ada doktor wanita dia juga meninggalkan hospital awam kerana kerja begitu membebankan sehingga dia tidak dapat juga menjaga anaknya... tidak nampak anaknya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...sehingga dia juga tidak boleh berkhidmat di hospital awam. Jadi, saya hendak dapat jawapannya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...bagaimana, saya tahu kementerian telah membuat banyak usaha khasnya selepas ini Menteri Kesihatan yang baru ini, yang sendiri seorang doktor jadi dia faham masalahnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri pun seorang doktor..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...tetapi saya rasa, saya rasa mungkin ini Timbalan Menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: dia sendiri tidak pernah *practice*..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...sebagai doktor..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, saya ingin tahu apakah kerana saya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah berapa kali nak cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: nak dapat jawapan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini tahu, ini tahu sudah tiga kali.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: dia,dia, dia usaha [Ketawa]..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Larutlah Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:dia usaha tidak mendapat hasil..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasan ha.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ..tidak berkesan. Jadi, apakah, apa yang kita nak buat. Saya harap kita boleh menangani masalah ini, masalah ini sudah wujud..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...pada 80-an semasa..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ..semasa saya di dalam universiti..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat tidak boleh dengar banyak kali, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: belum sampailah, belum sampai ada satu minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tolong kita

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: tak. Jadi, haraplah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini keemasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini adalah untuk kebaikan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu, saya pun..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pengerusi juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ..hendak dengar jawapan cepat.

Seorang Ahli: Apa rayuan boleh balik cepat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: supaya kita nak dapat satu..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu jawapan yang baguslah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... jawapan yang baik ya..

Seorang Ahli: Lagi-lagi, sambung-sambung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okeylah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Tangga Batu. Pendekkan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Memang pendek, saya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ..memang pendek, Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri, *specialist* doktor pakar ini adalah aset kepada negara kita. Belajar susah, dahlah hendak ambil *first degree medical* kena belajar enam, tujuh tahun. Kemudian tambah lagi *specialist*, kemudian *specialist-specialist* ini bila balik ke negara kita atau pun melanjutkan pelajaran ke negara kita bila bertugas ini, skim gaji yang mereka terima itu, sungguh mendukacitakan. Yang doktor biasa ini, apabila mereka tidak melanjutkan pelajaran kekananannya, senioritinya lebih daripada doktor pakar tadi. Jadi, ini menyebabkan doktor pakar ini kurang rasa bersemangat untuk menyumbang kepada pembangunan, pengetahuan perubatan di negara kita..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...ini yang satu. Yang kedua, yang tentang kementerian membenarkan doktor-doktor pakar ini untuk melakukan kerja pembedahan di luar hospital. Tetapi, ganjaran yang dibenarkan adalah tidak melebihi dari jumlah gaji yang mereka terima, betulnya kalau gaji dia RM5,000, dia buat kerja luar buat pembedahan swasta ini tidak lebih daripada RM5,000.

Jadi, ini pun perlu dilihat semula Timbalan Menteri kerana kalau doktor-doktor pakar ini dibenarkan untuk melakukan kerja luar biarlah mereka boleh terima ganjaran yang lebih lumayan kerana skim pembayaran gaji doktor-doktor kita ini agak rendah jika dibandingkan negara lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya nak menyentuh Maksud B .42..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sikit ha dalam dua, tiga minit ha.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...mungkin tidak sampai Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kementerian Kesihatan, banyak bercakap soal *specialist*, doktor dan sebagainya. Saya nak cakap fasal jururawat desa ni, Timbalan Menteri. Saya dah bangkit perkara ini sejak Timbalan Menteri yang pencen dulu dah, tidak ada lagi pun. Tentang klinik desa, jururawat desa ini, bidan kita panggil Tuan Pengerusi, kesian mereka ni, kebanyakan di kampung-kampung.

Mereka terpaksa bekerja tidak kira siang malam dalam hujan tidak tentu masa. Saya nak mintalah sama ada mereka ini dapat kemudahan dapat kemudahan pinjaman kenderaan. Kadang-kadang ada gangguan tengah jalan Dato', tolonglah ya, Kawasan Dato' pun kawasan pedalaman, terutama kawasan pedalaman. Mereka ini kadang-kadang diperlukan tidak kira waktu, tengah malam, dalam hujan lebat dan lepas itu kadang-kadang diganggu pula, mungkin semasa mereka naik motor..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ..ini mana satu Butiran?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Di bawah gaji, tambahan sebanyak RM200 juta adalah untuk menampung bayaran tambahan imbuhan tahunan Kementerian Kesihatan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, ini..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ..termasuk jururawat desa..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini, tidak ada sebut kereta..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ..yalah tapi ini secara umum, samalah juga tadi saya sebut dah tadi Tuan Pengerusi, selain daripada doktor pakar kita kena ingat juga, kita kena ingat juga jururawat desa ini, kalau jururawat desa ini, kita tak ambil jaga keadaan mereka, sudah tentu doktor-doktor pun tidak boleh menjalankan tugas. Saya tahu doktor tidak cukup, di mana-mana juga hari ini kalau kita lihat memang doktor kadang-kadang terkejar sana, terkejar sini, kesian Tuan Pengerusi. Jadi, saya mintalah pihak kementerian Timbalan Menteri ada sini seorang doktor tolonglah supaya perkara yang saya sebutkan ini dapat ditimbangkan sekurang-kurangnya dalam Rancangan Malaysia Ke-9..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukup-cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang, sila.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja. Hospital Serdang telah dibina dan telah dibuka. Tetapi, belum tahu bilakah secara rasminya untuk orang ramai. Saya pun belum lagi dapat tahu Hospital Serdang secara rasminya untuk beri kemudahan kepada orang ramai. Jadi, berapa jumlah pakar-pakar doktor telah dilantik dan pegawai-pegawai kanan di Hospital Serdang supaya saya hendak tahu jumlah kakitangan sebenarnya yang telah dilantik di kawasan Hospital Serdang supaya bayaran imbuhan juga mungkin terlibat dengan Hospital Serdang. Jadi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya cuma menyentuh tentang B42 - 020200 Pembangunan Kesihatan Keluarga. Saya nak menyentuh tentang Tabung Bantuan Perubatan. Saya sebagai mewakili rakyat yang miskin di kawasan-kawasan luar bandar, saya mendapat satu statistik bahawa sejak tabung ini beroperasi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tabung Yang Berhormat..

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, tabung..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Imbuhan, mana ada tabung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ini melibatkan pembangunan keluarga. Melibatkan satu perancangan pembangunan kesihatan keluarga. Saya nak menyebut bahawa sejak 15 Januari 2005 hingga 31 Disember 2005, tabung ini telah meluluskan 391 permohonan yang melibatkan kos lebih kurang RM5 juta. Jadi, saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri bahawa memandangkan permohonan ini banyak penyakit kronik semakin bertambah kerana faktor pemakanan, cuaca dan alam sekitar.

Jadi, saya nak tahu adakah Kementerian Kesihatan telah pun menambah peruntukan ini dan yang pentingnya adalah supaya setiap permohonan itu dilonggarkan sedikit syarat-syaratnya terutama kepada..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya, sebenarnya ini tidak berkaitanlah ini

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: berkaitan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ..ini saya fikir tidak berkaitan..

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ..tentang Kesihatan Keluarga Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ini dasar punya tabung untuk..

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak apa, ini hanya jadi saya minta supaya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...Kementerian Kesihatan dapat memenuhi pada dasar ini dan dapat memberikan perhatian terhadap perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ipoh Barat, dia ada sakit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dua hal Tuan Pengerusi, satu adalah mengenai berapa tahun dulu doktor-doktor pakar di hantar dari *general* hospital ke luar bandar dan bila mereka dihantar satu di antara sebab mereka dihantar adalah untuk tunjuk ajar kepada doktor-doktor di luar bandar supaya mereka lebih arif dalam apa yang dibuat oleh doktor-doktor pakar dan mereka mendapat *experience* dan dapat menjalankan tugas-tugas beberapa sektor-sektor perubatan tanpa keperluan merujuk kes-kes dari luar bandar itu ke *general* hospital.

Tetapi, sekarang saya difahamkan perkara itu telah diberhentikan. Ini adalah untuk menjimatkan wang *traveling allowance* dengan izin, supaya pakar-pakar hanya berada di pekan-pekan besar dan kes-kes masih dirujuk dari luar-luar bandar macam dikatakan di pekan Grik yang lebih kurang tiga jam dari Ipoh, pesakit-pesakit perlu datang untuk kalau mendapat rawatan pakar perlu datang ke Ipoh. Dulu pakar-pakar pergi ke Gerik untuk tunjuk ajar kepada doktor-doktor. Adakah perkara ini dapat di atasi dengan membawa satu polisi supaya membenarkan semua pakar-pakar yang ada di *general* hospital dibenarkan pergi merata-rata tempat supaya tunjuk ajar kepada doktor-doktor kesihatan di luar bandar satu.

Nombor dua, adalah baru-baru ini kerajaan bercadang doktor-doktor *Ayurvedic* dan doktor-doktor bomoh dan sebagainya dapat dibenarkan untuk berkhidmat di hospital. Setakat manakah itu akan diimplementasikan oleh kerajaan? Dan apakah tarif, apakah kelayakan yang tertentu yang mereka ada untuk membenarkan mereka berkhidmat di hospital kerajaan.

Yang ketiga adalah mengenai pembukaan beberapa hospital di mana tiba-tiba ada dapat sakit-sakit bakteria luar biasa di *operation theater* hingga menyebabkan pesakit-pesakit mendapat sakit dari sana. Walaupun mereka pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan, tetapi bakteria-bakteria tertentu menyebabkan merebaknya dan kesakitan yang teruk sekali.

Dan akhir sekali, seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa kali akhir?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum sampai 10 minit lagi, teruskan, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akhir sekali adalah kes-kes kecuaiian kedokteran. Saya nak tambah sikit, di Mahkamah Sivil, sangat susah untuk menang satu kes terhadap doktor dalam kes kecuaiian. *Standard* yang digunakan adalah dikatakan *reasonable doctor standard* dan *standard* itu tidak diubah di negara ini walaupun di meratarata tempat di seluruh dunia, di Amerika, di UK, *standard* ini telah merubah. Dan ini menyusahkan pihak-pihak yang ingin mengambil tindakan kecuaiian terhadap doktor-doktor. Tetapi yang mustahak sekali adalah macam mana kita boleh mengatasi masalah ini? Dan macam mana pesakit-pesakit tahu hak mereka bahawa ada sesuatu kecuaiian telah berlaku dan apakah yang dibuat oleh kerajaan supaya mereka dapat tahu bahawa kecuaiian telah berlaku dan mereka ada hak untuk mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah. Selepas itu Parit dan Timbalan Menteri jawab.

4.32 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil masa yang singkat sahaja. Saya merujuk kepada Maksud B.42 iaitu Bayaran Imbuhan. Saya telah lihat bahawa pihak Kementerian telah menjalankan alternatif *drug program*. Dan baru-baru ini di kawasan Ipoh Timor, sebab saya tinggal di sana, saya nampak ada klinik-klinik di mana dipenuhi oleh ramai 'pesakit' yang nampaknya macam penagih. Dan klinik di hadapan sebuah sekolah menengah. Dan apabila saya bercakap dengan gerai-gerai, kedai-kedai di sebelah, mereka kata, "*Kami telah banyak aduan, tapi tidak boleh buat apa-apa. Nampaknya sudah makan duit*".

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Selepas itu, apabila satu kali di mana polis pergi *raid* tempat itu, dan baru polis memaklumkan pihak kami dan beritahu bahawa ini adalah alternatif *drug program*. Sebenarnya klinik ini dibenarkan menjual pil atau minuman cecair untuk mereka *hard-core*, untuk sehari beberapa jam. Saya nak tahu apakah ada kepakaran bagi setiap doktor untuk menjalankan alternatif *drug program* dan bagaimanakah lokasi dipilih untuk membenarkan doktor-doktor berkenaan untuk menjalankan program ini. Yang ingin saya sampaikan, sejauh mana kerjasama pihak kementerian ini dengan polis? Sebab polis selepas *raid* dengan izin tempat itu, baru dia tahu itu alternatif *drug program*.

Dan pihak polis tidak begitu gembira sekali apabila memaklumkan kami bahawa mereka langsung tidak mengetahui berkenaan alternatif *drug program* ini. Jadi saya pohonlah, saya rasa kurang sihat apabila mempunyai klinik di mana mereka menjalani alternatif *drug program* ini, pintu klinik itu setengah buka sahaja. Dan awal-awal pagi, 9, 10, 11 banyak basikal, muka-muka pesakit ini lain jenis dan mengelilingi klinik dan kita ada ramai pelajar. Saya haraplah pihak timbalan menteri boleh beri penjelasan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Parit, lepas itu Timbalan Menteri menjawab.

4.34 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja di bawah Maksud B.42 Kementerian Kesihatan berkaitan dengan imbuhan ini Tuan Pengerusi. Saya terbaca dalam surat khabar dalam dua, tiga minggu yang lepas berkaitan dengan pandangan seorang warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar

negara sebagai doktor. Beliau menyatakan di dalam surat khabar itu, salah satu sebab keengganan doktor-doktor biasa dan pakar ini untuk balik berkhidmat ke negara kita ialah selain daripada masalah gaji yang tidak mencukupi, ialah masalah dikatakan tidak ada perancangan yang jelas dibuat oleh pihak kerajaan kepada doktor-doktor ini untuk menjadi doktor pakar. Kerana kebanyakan doktor ini, akhirnya bertujuan untuk menjadi doktor pakar. Jadi *allegation* daripada orang ini mengatakan bahawa salah satu sebabnya, dia kata tidak nampak satu program yang jelas untuk mereka menjadi doktor pakar.

Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menerangkan supaya menafikan *statement* ini kerana perkara ini disebarkan di dalam media massa, dibaca bukan sahaja oleh penuntut yang sedang belajar, tetapi penuntut-penuntut di luar negara. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang perkara-perkara yang diutarakan sebentar tadi. Saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya bagi mereka yang begitu simpati dengan apa yang dialami oleh kakitangan Kementerian Kesihatan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat jelata. Saya nak maklumkan di sini bahawa kita ada 25 juta rakyat. Mengikut statistik yang mutakhir dua tahun kebelakangan, kita menerima lebih kurang dekat 50 juta pesakit di rawatan sakit luar termasuk mereka yang mengandungi ke, mereka yang berjumpa pakar ataupun mereka yang berjumpa di pesakit luar, 50 juta. Dan kita menerima dekat 2 juta pesakit dalaman di seluruh 126 hospital.

Kita akui bahawa khidmat perubatan dan kesihatan di negara adalah antara yang terbaik kalau kita mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh WHO. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, doktor tidak tahan kerja lebih masa. Sebenarnya profesion doktor ini memang macam itulah. Saya ingat semasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi mula bekerja dulu, lebih kurang sama saja dengan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *On call* selang sehari.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *On call* selang sehari, itu biasa. Jadi kalau dua kali seminggu, itu luar biasa. Dulu tiap-tiap maknanya 24 jam, rehat sekejap, 8 jam kerja, balik, 8 jam itu tidur, esok pagi *on call* lagi, itu biasa. Dan kalau kita tidak *on call* mungkin kita pun tidak dapat keterampilan dan kecekapan yang sebegini rupa. Jadi tidak timbullah kita tidak mengikut peraturan buruh atau tidak. Dan hendak katakan bahawa bila kita bekerja lebih masa, lebih pada 40 jam satu minggu, hendak dikaitkan dengan elemen-elemen kecuaihan, itu tidak benar. Bayangkan 50 juta pesakit yang kita terima, 2 juta yang dirawat dalam hospital kita. Sebenarnya mereka yang *complaint*, yang keluar dalam surat khabar terlalu sedikit, sedikit sangat.

Kalau dibandingkan dengan orang yang hantar surat puji-pujian kepada surat khabar juga kepada kakitangan kita banyak, tetapi dia tidak keluar dalam surat khabar maka dia tidak jadi berita. Walau bagaimanapun seperti yang dikatakan oleh Tangga Batu doktor pakar adalah....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti saya jawab dahulu. Doktor pakar dan doktor biasa telah diberi skim gaji yang jauh lebih baik daripada skim gaji yang dahulu. Kita

tahu bahawa kerajaan tidak mampu untuk beri gaji dan imbuhan seperti yang dinikmati oleh sektor swasta. Namun begitu kerajaan juga terpaksa melihat ada kumpulan profesional lain yang di dalam sektor perkhidmatan awam. Ekoran daripada itu, oleh kerana skim gajinya lebih kurang sama di antara doktor dengan katakanlah jurutera, tetapi oleh kerana mereka mempunyai beban kerja yang lebih pihak JPA telah sanggup untuk menaikkan beberapa elaun. Umpamanya masa saya dan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dahulu tidak ada *call* elaun pun kerja bodoh begitu sahaja, Lillahi Taala.

Tetapi sekarang kalau mula berkhidmat *houseman* tangga gaji lebih kurang dekat RM2000 itu *basic*. Tetapi campur dengan *call* elaun satu bulan boleh dapat antara RM4000 ke RM4500. Mula bekerja sudah dapat skim gaji yang maknanya *take home pay* yang sebegitu rupa, maknanya dia lebih baik daripada yang dahulu. Kita perasan bahawa pakar.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bukit Mertajam, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nantilah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ... pakar memang merupakan aset dan skim gaji yang kita beri kepada pakar baik mereka yang baru balik daripada luar negara mahupun yang dilatih dalam negara adalah sejajar dengan kepakaran mereka. Dan skim-skim yang kita beri kepada doktor pakar ini adalah antara yang terbaik. Sebagai contoh jika mereka sudah berkhidmat 10 tahun, dahulu SSB dia automatik bila dia jadi pakar empat tahun dia *compulsory service*, empat tahun dia ambil kepakaran kemudian dua tahun untuk mengesahkan kepakaran mereka, 10 tahun dia boleh naik daripada U3 ke U2. Kalau U3 ke U2 ini skim gaji dia campur semua sekalilah *clinical*, elaun *clinical* semua dekat RM10,000. Itu tidak masuk *call* elaun, dia ada *call* elaun sekarang ini. Kalau campur *call* elaun semua sekali dia ada aktif dan pasif *call* kebanyakan mereka *take home pay* RM15,000 lah selepas 10 tahun berkhidmat.

Kalau kita banding dengan jurutera kalau 10 tahun mereka berkhidmat saya ingat mereka masih J41 lagi. Kalau banding dengan doktor pakar di Kementerian Kesihatan mereka sudah U2 atau U48.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik kepada kecuaiian perubatan itu. Saya rasa apa yang dikatakan saya kurang setuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana seolah-olahnya Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada banyak pujian, pujian lebih daripada aduan. Jadi itu boleh diterima. Saya rasa kecuaiian perubatan ini satu kes pun kita hendak elak. Dan bukan dia terlalu kurang bukan kerana dia tidak berlaku. Dia kurang angka kerana tidak ada *mechanism* untuk.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Pengerusi saya sudah faham sudah itu. Duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:menerima....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduk, duduk, duduk, duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:untuk menerima aduan.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah merapu sahaja cakap itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yalah, sudah bagi jalan biarlah dengar habis dahulu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yalah, saya sudah dapat *point*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa gesa-gesa?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya sudah dapat *point*, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini ada *pointnya* kerana mengikut apa yang dikatakan oleh *Consumer Association of Penang*, setiap tahun di Malaysia memang berlakunya 2,000 sampai 4,000 kes kecuaiian perubatan, tetapi dia tidak dilaporkan kerana.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya faham. Tuan Pengerusi suruh dia duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:tidak ada jalan, tidak ada mekanisme untuk melaporkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya,ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah, duduklah Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, sudah cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi tidak boleh mengatakan ini kerana ada pujian lebih daripada kecuaiian, jadi tidak ada apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah sikap yang kurang 'berdokterlah' bukan.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik cukup ya, ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduk! duduk, duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam cukuplah ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Bukit Mertajam kata 2,000 atau 4,000, 4,000 daripada 50 juta atau 2 juta - sedikit. Saya tidak katakan yang kecuaiian tidak berlaku. Kecuaiian memang berlaku sebab yang melakukannya manusia. Manusia ada kelemahannya. Takkanlah Bukit Mertajam dia hendak jadi wakil rakyat 24 jam 38,000 saat satu hari hendak celik mata sahaja, hendak tidur jugakan? Betul? Jadi kita tidak *perfect*. Cuma saya hendak nyatakan bahawa, jika berlaku kecuaiian kita ada standard *operating procedure order* yang kita buat. Ada *external audit* yang dipengerusikan biasanya oleh D.G. untuk mengetahui latar belakang sesuatu perkara berlaku.

Jadi 2,000 atau 4,000 kes satu tahun berbanding dengan 50 juta orang datang adalah sedikit. Saya tidak kata bahawa kita *perfect*. Bukti Mertajam harap fahamlah. Saya tidak hendak layan lagilah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu adakah maksudnya, itu adalah....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:satu angka yang boleh terimalah. Ya tidak?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini Tangga Batu saya sudah jawab. Saya tidak tahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya boleh bagi dalam bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Ketawa*]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Larut kata jururawat desa. Yang Berhormat Larut jururawat desa sudah tidak ada, bidan pun sudah dimansuhkan, yang ada jururawat masyarakat. Sekarang jururawat ada dua satu jururawat tanpa ijazah satu lagi jururawat ada ijazah. Kalau kata kakitangan yang terdiri daripada jururawat masyarakat tidak dapat pinjaman kenderaan itu tidak benar. Pinjaman kenderaan adalah.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okeylah maknanya apa.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh, boleh dia orang boleh pinjam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...jururawat masyarakat pun okeylah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh. Asal dia mengikut peraturan JPA, dia sudah disahkan dalam jawatan apa semua, dia layak. Kalau tidak dapat juga beritahu sayalah, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya telefonlah Yang Berhormat ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: SMS pun boleh. Di Hospital Serdang saya sudah buat dua kali lawatan mengejut ke Hospital Serdang. Lain kali saya bawa Yang Berhormat Datuk Serdanglah. Hospital ini sudah dibuka pada bulan September tahun lepas tetapi dia berperingkat-peringkat. Jadi sebenarnya sudah bukalah pada orang ramai dan Hospital Serdang ini digunakan oleh Universiti Pertanian Malaysia sebagai *teaching hospital*, dengan izin. Berapa banyak kakitangan itu saya kena maklum secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata Tabung Bantuan Perubatan ini, saya ada statistik yang dibagi. Peruntukan semua sekali sebenarnya RM100 juta. Tiap-tiap tahun peruntukan awal dibagi RM25 juta, sehingga kini 580 sudah memohon kita sudah luluskan RM9.3 juta dan baki ada RM15.6 juta. Sebenarnya kalau Yang Berhormat tengok dia punya borang itu sekeping sahaja dan memang kita sudah memudahkan, mudah sangat hendak minta.

Cuma kadang-kadang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat pun terlepas pandang dia mohon melalui Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tulis surat dekat saya. Tetapi kalau Yang Berhormat pergi dekat hospital dia ada borang itu dan borang ini mudah sahaja, selepas itu dia akan disahkan oleh dua pegawai, salah satu. Satu *medical social worker* yang biasanya ada di hospital besar, kalau tidak ada, pegawai daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat yang akan menilai kembali. Lepas hantar di kementerian ada satu *committee* yang dipengerusikan oleh D.G. dan juga KSU. Ikut piagam kita dua minggu boleh lulus.

Datuk Seri Dari. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Masuk, tumpang bertanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dari. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Langat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Hospital Serdang seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Serdang. Tanah di Serdang itu ialah kepunyaan UPM. Hospitalnya kepunyaan Kementerian Kesihatan. Kalau mengikut tanah negara, apa yang ada di atas tanah dan apa yang ada di bawah tanah ialah kepunyaan orang tuan tanah. Jadi, boleh tak, kalau boleh Universiti Hospital Serdang atau Hospital Serdang itu, diterus jadikan Universiti Hospital. Kerana universiti melatih doktor dan Kementerian Kesihatan merupakan *recipient* kepadanya, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini yang susah nak jawab. Daripada mantan Menteri ini. Saya kena rujuklah. Tetapi Kabinet sudah buat keputusan tidak ada lagi *teaching hospital* yang akan dibina oleh mana-mana universiti yang ada Fakulti Perubatan. Maknanya, kalau dia hendak ada Fakulti Perubatan, dia kena gunakan hospital yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata, pakar-pakar yang berkhidmat di bandar pergi ke luar bandar, diberhentikan ini Ipoh Barat, tak benar. Tak benar. Program itu masih diteruskan. Seperti kawasan saya, sebulan sekali kita ada pakar mata, pakar bedah dan pakar sakit puan yang datang ke hospital saya, di kawasan Mersing.

Kedua fasa TCM ini, bila boleh dipraktikkan, kita di kementerian sedang dalam peringkat terakhir untuk menggubal satu undang-undang yang kita panggil *Traditional Complimentary Medicine*, satu *division*. Ini kerana mengikut laporan WHO 50% daripada pesakit, dia akan guna elemen-elemen TCM ini, selain daripada perubatan moden. Kita pun tahu, TCM ini ada peranan dalam rawatan pesakit, baik dalam, dengan izin, *disease paradigm* mahupun dalam *wellness paradigm*.

Kita tunggulah bila rang undang-undang, butiran dia adalah mengenai *standard registration*. Siapa yang boleh, siapa yang tak boleh? Siapa dia badan yang mendaftarkan mereka? Semua ini dalam rang undang-undang TCM yang sedang dalam kerangka. Pasal jangkitan kuman di hospital, jangkitan kuman daripada hospital atau dalam bahasa perubatannya *Nosocomial Infection*. Mereka mendapat penyakit jangkitan penyakit kuman sewaktu mereka berada di hospital. Memang ada. Terutama daripada OT.

Sebab itu kita pastikan yang OT itu sentiasa dicuci mengikut piawaian-piawaian terutamanya *air quality control* perlu ada. Sebab itu kadang-kadang ada OT dia perlu tutup sekejap untuk dicuci. Ada OT yang boleh buka balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: OT itu apa Yang Berhormat? OT itu apa Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Operation Theatre*. Dewan bedah. Akhir sekali, fasal Batu Gajah. Batu Gajah ini, saya ingat klinik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah ini sangat spesifik. Ada Batu Gajah?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sangat spesifik. Mungkin dalam kita punya MMT, *Methadone Maintenance Therapy* yang dipelopori oleh Kementerian Kesihatan, kita hanya iktiraf 10 center. 10 sahaja, 10 center. Pusat-pusat yang kita jadikan pusat tersebut sebagai *Methadone Maintenance Therapy* ini, kita sudah pilih pegawai perubatan sama ada di sektor swasta dan di klinik kita. Semuanya telah dilatih. Mereka memang ada kepakaran. Saya rasa yang ada di Ipoh ini, mungkin swasta punya. Sebab yang kita jalankan sejak bulan 10 tahun lepas, saya sendiri pernah pergi ke beberapa tempat. 3, 4 tempat saya pergi dan saya tengok sendiri, saya lihat ia berjalan dengan teratur dan doktor yang memberi rawatan tersebut adalah doktor daripada pakar sakit jiwa, bukan daripada doktor biasa. Dia spesifik. Kalau Yang Berhormat Batu Gajah dapat bagi maklumat kepada saya, saya akan ada masa esok pagi, saya boleh beri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Kesihatan baik, jawab dengan cara tenang. Yang Berhormat, kalau boleh bantu, sebab kawasan Parlimen di Ipoh, Ipoh Barat, Ipoh Timor, Batu Gajah, ini kawasan Ipoh. Kami ingin lebih maklumat, boleh bagi pusat-pusat yang telah diluluskan. Apakah garis panduan yang mereka perlu. Agar kami boleh membantu dan tidak akan timbulkan persepsi yang salah terhadap mana-mana pihak oleh mereka yang tinggal atau menjalankan perniagaan di persekitaran. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Lembut Yang Berhormat Batu Gajah. Tetapi Yang Berhormat Batu Gajah, saya ini nama saya Abdul Latiff. Hamba yang lemah lembut. Kalau orang lembutkan saya, saya lagi lembut. Saranan daripada Yang Berhormat Parit, supaya kita *counter, attack* balik, itu pandangan peribadi dialah. Sama ada dia boleh mempengaruhi doktor atau bakal doktor, dengan tulisan-tulisan begitu, ini semua bergantung pada orang yang membaca. Tetapi saya baru sahaja balik dari Edinburgh, 3 hari lepas. Saya jumpa dengan pelajar-pelajar perubatan dan doktor. Kebanyakan mereka nak balik. Mereka nak balik. Cuma nak tahu pakej dia sahaja.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya timbulkan tadi, ialah seolah-olah dia mengatakan tidak ada perancangan yang jelas daripada pejabat atau kementerian untuk doktor GP ini mendapat, pergi kepada bidang kepakaran. Jadi, macam tidak ada program khusus. Maknanya berapa tahun, berapa banyak kita nak latih? Dia mengatakan begitu. Kalau dapat yang bakal ...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Jelaslah yang tulis pun dia tak dapat maklumat yang betulkan? Sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri dengan bermurah hati bagi kita RM1 bilion untuk bangunkan kekuatan sumber manusia untuk pastikan yang sistem penyampaian dalam menjaga perawatan, perubatan dan kesihatan, boleh sampai ke akar umbi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih. Habislah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM200,629,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM200,629,300 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.48 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.48, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

4.59 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh tentang butiran B.48 di mana RM5.3 juta diperlukan untuk membiayai antaranya institut pemulihan dan perlindungan. Saya ingin wakil kementerian memaklumkan kepada Dewan ini berapakah institut ini beroperasi ataupun di negeri mana? Sama ada cawangannya di wilayah-wilayah tertentu? Dan saya ingin tahu dari kementerian, apakah kursus ataupun pemulihan dan perlindungan yang dijalankan oleh institut ini? Khususnya bagi mangsa-mangsa rogol dan mangsa-mangsa yang dicabul kehormatan mereka?

Sebab mengikut statistik yang diumumkan oleh PDRM baru-baru ini iaitu indeks jenayah bagi tiga bulan pertama bagi tahun ini sahaja sudah berlaku 586 kes rogol dan 478 kes mencabul kehormatan iaitu melebihi 1,000 kes jenayah seksual berlaku di negara ini dan ini amatlah membimbangkan. Statistik yang diumumkan oleh PDRM amatlah membimbangkan.

Saya ingin tahu apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian ini khususnya Institusi Pemulihan dan Perlindungan dari segi memberi pemulihan dan rawatan kepada mangsa-mangsa jenayah seksual ini yang saya pasti melalui satu masa yang begitu *traumatize* dan amat memerlukan usaha-usaha untuk memulihkan mereka daripada pengalaman yang begitu dahsyat dan pahit itu untuk berdiri semula untuk menghadapi masa depan mereka.

Keduanya saya ingin tahu dan menyambut baiklah kalau ada elaun bulanan kepada pelajar kanak-kanak kurang upaya di bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti. Tetapi saya ingin tahu daripada kementerian, bagi masyarakat kurang upaya, mereka amat mengalu-alukan apa-apa bantuan pun yang diberikan oleh kementerian tetapi kepada mereka satu perkara yang amat mustahak adalah bilakah Akta OKU akan dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen ini sebab ini satu perkara yang mereka sudah

memperjuangkan untuk masyarakat OKU dan juga penyokong-penyokong OKU telah memperjuangkan bukan sekadar menaikkan elaun bulanan kepada mereka tetapi lebih *holistic* kalau akta ini dapat diluluskan dengan secepat mungkin.

Keduanya, Tuan Pengerusi, sebanyak RM7.4 juta dikehendaki untuk membiayai kenaikan kadar bantuan bulanan kepada penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini pun saya amat mengalu-alukan segala bantuan dan kenaikan kadar tetapi saya ingin kementerian mengambil maklum OKU yang satu kategori bantuan yang diberikan kepada OKU yang bekerja. Kalau OKU berkenaan bekerja, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi satu bantuan bulanan demi menggalakkan mereka terus bekerja dan apabila mereka kerja, mereka tidak dapat bantuan lagi.

Ini mungkin satu logik yang tidak dapat kita terima sebab bila OKU dapat kerja baik, mengapa masih ada dapat bantuan. Ini kita bukan hendak bantah tetapi juga mengalu-alukan. Tetapi masalah timbul, selalunya OKU bekerja kerana kedudukan mereka, jenis pekerjaan yang boleh dapat bukan senang. Kebanyakan masa adalah merupakan kerja-kerja *odd jobs* ataupun kerja yang tidak tetap dan sementara sahaja.

Memang galakan yang diberikan kepada jabatan amat baik tetapi bagi satu golongan mereka tidak dapat kerja panjang masanya sebab *nature of the work* sementara dan *odd job* mungkin mereka tiga bulan kena diketepikan ataupun tidak ada peluang lagi untuk terus bekerja dan mereka akan hilang bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebaik sahaja mereka tidak bekerja di bawah kategori bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Jadi saya rasa pentingnya kementerian ataupun jabatan kajilah kalau mereka hilang kerja, mereka lebih memerlukan bantuan dan bukan dalam kategori ini sebaik sahaja mereka hilang kerja, hilang juga bantuan ini. Jadi saya berharap Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kementerian haruslah mengkaji satu kaedah yang terbaik supaya memastikan mereka dapat bantuan yang sewajarnya dan juga lebih baik dapat kerja yang berkekalan dan dijamin oleh jabatan bahawa mereka tidak hilang peluang untuk mendapat bantuan dari jabatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang. Tiga minit, Yang Berhormat.

5.05 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya minta penjelasan sahaja. Saya setuju dan menyokong tambahan RM7 juta bagi membiayai kenaikan kadar bantuan bulanan. Jadi saya meminta penjelasan daripada pihak kementerian, tambahan bantuan bulanan tadi ditambah berapa untuk satu bulan untuk penerima-penerima bantuan.

Dengan adanya kenaikan bantuan bulanan ini, sama ada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan melonggarkan atau mengetatkan lagi syarat-syarat untuk permohonan baru daripada orang-orang yang memerlukan bantuan daripada jabatan. Ini penting kerana kalau tambahan bantuan bulanan telah dinaikkan oleh kerana keadaan kehidupan perlu dikaji, maka itu sama ada syarat-syarat atau kelayakan telah dilonggarkan atau diketatkan lagi supaya permohonan dapat ditimbang. Ini penting.

Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian seperti penghuni di rumah-rumah orang tua yang juga dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada setiap bulan, sama ada ini juga dinikmati kadar bantuan bulanan dinaikkan kepada penghuni-penghuni di rumah-rumah orang tua kerana biasanya ini diuruskan bukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi oleh badan bukan kerajaan iaitu satu pusat majlis kebajikan sebagai sukarela. Jadi inilah sama ada terlibat dengan kenaikan kadar bayaran bantuan bulanan kepada penghuni-penghuni rumah orang-orang tua atau tidak.

Jadi satu lagi sebab sama ada bantuan lagi kepada Persatuan Cacat Cina Malaysia di mana badan ini sedang meminta bantuan kerana orang-orang cacat Cina ini sedang membina pusat latihan untuk anggotanya, tetapi sama ada pihak jabatan boleh memberi panduan kewangan untuk mendirikan pusat latihan untuk orang-orang cacat yang ditaja oleh Persatuan Cacat Cina Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bagi wanita dahululah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

5.08 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada elaun bulanan bagi pelajar kanak-kanak kurang upaya di bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti. Walaupun program ini adalah penting tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, saya rasa untuk memastikan hak asasi OKU ini adalah lebih penting. Kalau kita memberi mereka peluang atau hak yang sama, saya rasa mereka boleh lebih berdikari pada masa depan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kementerian sama ada pada waktu sekarang kita mempunyai undang-undang untuk mengawal pelaksanaan pusat-pusat untuk OKU yang dijalankan oleh pihak swasta ataupun badan-badan sukarela kerana saya mendapati bahawa terdapat juga pusat-pusat untuk OKU ini walaupun mereka berniat baik, ikhlas dan ingin menolong keluarga-keluarga yang miskin yang tidak mampu menjaga anak-anak yang mempunyai kecacatan.

Tetapi keadaan di sana kadang-kadang membuatkan saya mempersoalkan sama ada pekerja sepertinya, adakah pekerja di sana tahu caranya untuk menjaga OKU. Adakah mereka dilatih? Yang saya lihat hanya mereka mengupah pekerja-pekerja orang asing dua, tiga orang tetapi menjaga 20, 30 orang OKU, mereka yang cacat anggota, cacat otak dan mereka dibiarkan hidup di sana sahaja tanpa memberi latihan atau lain-lain aktiviti hanya setakat jagaan sahaja. Saya rasa itu tidak jauh daripada menjaga kucing atau anjing, ini saya bercakap bukan kerana saya hinakan mereka tetapi Yang Berhormat patut pergi melihat tempat-tempat seperti ini kerana mereka mungkin itu setakat mampu dia.

Kerana kerajaan pun tidak memberi bantuan, tidak memberi peruntukan untuk pusat-pusat seperti ini. Saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan sepatutnya menggalak badan-badan sukarela untuk membekal, memberi perkhidmatan seperti ini tetapi dengan kawalan yang baik dan juga peruntukan yang secukupnya kerana memang kerajaan tidak mampu memberi tempat kepada semua anak-anak OKU.

Jadi kita perlu bantuan daripada badan-badan sukarela tetapi mereka tidak boleh melaksanakan kerjanya tanpa bantuan daripada kerajaan. Jadi saya harap berlandaskan bahawa ini satu kerajaan yang menyayangi kita patut menunjukkan sikap penyayang ini kepada golongan OKU dan juga kepada keluarga-keluarga yang mempunyai anak seperti ini.

Yang kedua ialah pada waktu sekarang, anak-anak OKU ini sangat susah hendak pergi ke sekolah kerana walaupun ada bantuan tetapi bantuan itu sangat kecil. Kalau dia cacat anggota, dia tidak dapat pergi ke sekolah dia mesti ada kenderaan yang istimewa walaupun ibu bapanya sekurang-kurangnya ada kenderaan sendiri. Ada sekolah juga yang di mana dia ada tandas di tingkat dua, tingkat tiga, tidak ada di tingkat satu ataupun dia pergi ke darjah empat dia mesti ke tingkat tiga dan dia mesti turun naik ke tingkat bawah pergi ke tandas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya harap kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya dapat memastikan bahawa anak-anak OKU ini mempunyai peluang yang lebih kalau sekurang-kurangnya saksama dengan anak-anak yang biasa supaya mereka boleh mendapat pendidikan kerana mereka inilah yang perlu pendidikan lebih daripada orang biasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

5.13 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tiga minit Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak mula lagi. Okey Tuan Pengerusi, saya hendak minta bantuan orang miskin ini. Pertamanya saya minta kementerian kaji betul-betul, bagi bantuan makanan dulu secukupnya. Di rumah ini Tuan Pengerusi, kalau mereka ada makan semua, emak bapa yang miskin ini, ibu tunggal ini, dia tidak risau dah, celik mata anak ada makan. Beras, tepung, gula. Kita kiralah dari segi harga berapa. Kemudian kita bagi secukupnya untuk bayar api dan air rumah dia, cukup. Kerana kadang-kadang kita bagi ala-kadar susah. Jadi anak-anak ini dia hendak belajar macam mana? Emak pun susah duduk fikir kejam lagi tengah hari anak aku hendak makan apa? Hendak pergi cari pisangkah, rebuskah, bagi makan dan sebagainya.

Jadi kerajaan kajilah elok-elok supaya keluarga yang termiskin ini sekurang-kurangnya dapat makanan. Kadang-kadang emak itu dah ibu tunggal, penyakit pula, kadang-kadang Tuhan memang duga macam itu Tuan Pengerusi orang susah ini Tuhan duga macam-macam. Dahlah miskin susah pula, tetapi di akhirat pula insya-Allah orang ini akan Tuhan letak di tempat yang sewajarnya. Tetapi kita yang hidup ini kita kena tengok, kita bantulah mereka secukupnya jangan bantu ala-kadar. Pastikan bahawa keluarga ini makanan cukup untuk bulan itu, api air rumah dia cukup untuk bulan itu. Kaji tengok berapa duit bagilah kerana mereka pun adalah orang-orang yang juga membentuk kerajaan pada hari ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya hendak minta pihak kementerian kaji balik. Saya banyak kali khabar dah. Kadang-kadang ibu tunggal itu anak lima, enam orang. Oleh kerana seorang anak dia itu bekerja, gaji pun cukup makan lepas bela dia sahaja, dah Kebajikan Masyarakat kata, "anak kerja tanggungjawab anak hendak bela emak". Seorang kerja gaji cukup makan, ini empat lagi ini siapa hendak bela, ibu tunggal dengan ibu tunggal lima. Jadi kaji balikkah atas budi bicara. Kebanyakan macam itulah saya dapat surat kata marilah ibu tunggal teriak depan saya di pejabat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Yang Berhormat?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Sedikit, Yang Berhormat bagi Jerai boleh tumpang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila, sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Selain daripada itu Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Pengerusi apabila pegawai kebajikan ini datang ke rumah dia tengok ada televisyen, dia tengok ada peti ais, terus dia tidak mahu periksa lagi dah. Dia kata orang ini cukup. Sebenarnya, beli televisyen ini 10 tahun sekali Tuan Pengerusi, beli peti ais pun 15 tahun sekali. Jadi jangan ambil kira keperluan-keperluan yang wajib ini. Dia katakan orang ini sudah mampu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang ini budi bicara Tuan Pengerusi, kadang-kadang peti ais beli masa suami dia hidup. Sekarang ini peti ais semua ada. Kalau tidak ada peti ais, dia beli ikan hendak bubuh dekat mana? Takkan hari-hari hendak pergi *market*, hendak pergi *market* pun duit. Peti televisyen kadang-kadang buka *power* kena tepuk pula di atas itu baru keluar gambar, model lama orang susah meraka hendak tengok dunia. Dia hendak tengok juga Menteri Hal Ehwal Wanita bercakap fasal hendak bela wanita, Ahli Parlimen Jerai bercakap fasal bagi tambah lebih semua. TV pun alah, kadang-kadang biar pergi la sedikit sebanyak tetapi kalau dia ada rumah yang tua kita pun faham takkanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Takkanlah Tuan Pengerusi, macam kawasan Tuan Pengerusi pun banyak orang susah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pun banyak derma TV juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, jadi tak apalah bagi. Jadi hal ibu tunggal yang anak dia kerja walaupun seorang tetapi kalau empat, lima kerja itu lain cerita. Seorang kerja cukup makan sahaja bela dia, ahu tahu yang ini pergi tarik kesian dekat dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi satu Tuan Pengerusi, yang ini kita hendak bercakap, Allah Taala melahirkan makhluk di dunia ini, orang yang kurang upaya ini ada hikmah dia. Sebab itu keluarga kalau dilahir ada dapat anak yang kurang upaya, yang orang kata anak istimewa ini, jangan duduk kata dia, ada hikmah dia Tuhan bagi itu. Jadi meraka ini kita kena bela, ini amanah Tuhan Tuan Pengerusi, kepada ibu bapa dan juga kepada rakyat dan kerajaan. Saya bersetuju macam 'Bukit Tajam' kata, kadang-kadang, Bukit Mertajam sianglah. Bukit Tajam, Bukit Mertajam sianglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya bersetuju kadang-kadang bagi peruntukan yang sewajarnya kawasan saya pun ada Tuan Pengerusi yang kurang upaya. Kitalah wakil rakyat duduk tolong tanggung. Kadang-kadang meraka orang kurang upaya ini budak-budak yang kurang upaya. Pertamanya orang yang hendak jaganya itu kesabaran kena cukup tinggi. Isteri dengan suami pun cukup sabar kalau dapat anak istimewa ini fasal anak ini dia pelik. Bukan pelik dia istimewa sebab itu kita kata istimewa dia boleh buat benda yang kita tidak buat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya hendak minta kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat itu juga bercakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hak ini hak syurga Tuan Pengerusi tidak mahu markah sedikit hendak pergi syurga Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat itu ada lagi yang hendak bercakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi tidak apa saya hendak khabar kementerian tolong tengoklah, suluh buka *torchlight* terang-terang, suluh tengok pergi melawat tengok tempat-tempat OKU ini supaya depa pun dapat nikmat daripada kemerdekaan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Insya-Allah Tuan Pengerusi pun boleh pahalalah bagi saya bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera selepas itu Kelana Jaya, Maran selepas itu kementerian menjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.19 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada kenaikan bantuan kepada penerima-penerima JKN. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, walau bagaimanapun perlu dilihat dari segi prosedur pembayaran. Saya sudah beberapa kali bercakap tentang ini. Prosedur pembayaran lewat, pembayaran lewat dan menyusahkan penerima-penerima kebajikan. Kerajaan hendak bantu orang miskin, tambahkan bantuan tetapi kalau lewat kalau menyusahkan

tidak ada makna juga. Saya hendak bagi contoh sekarang ini penerima bantuan menerima daripada Bank Simpanan Nasional.

Dari segi prosedur saya hendak beritahu, prosedur, saya ambil contoh di kawasan saya. *List*, senarai dihantar ke Kuantan, kepada AG, *Accountant General*. Cek daripada AG keluar hantar ke pihak daerah, pihak daerah kena hantar ke BSN Kuantan, BSN Kuantan hantar balik kepada daerah, kemudian baru hendak dikeluarkan.

Kadang-kadang memakan masa sampai satu bulan, sebulan setengah, dua bulan dan sebagainya. Orang miskin yang penerima JKM dua hari pun tidak boleh tunggu. Ini melibatkan soal hendak makan, hendak minum dan sebagainya. Kalau orang kaya tidak apa, dua bulan pun boleh tunggu. Tetapi ini orang miskin jadi *defeat the purpose* dengan izin apa yang kerajaan buat.

Yang kedua dari segi bayaran melalui BSN tadi. Di kampung tidak ada bank BSN. Orang kampung yang miskin tadi terpaksa keluar ke bandar hendak keluar duit. Kerajaan tambah RM70 jadi RM90, RM130 jadi RM200 tetapi hendak keluar ke bandar, mereka tidak boleh pandu, mereka tidak ada kereta sebab mereka miskin, terpaksa sewa van, terpaksa sewa kereta, makan tengah hari lagi di bandar, dapat RM200 sewa van apa semua sekali, tinggal RM50 apa makna?

Saya sudah beri cadangan dahulu, buat bayaran kepada mereka *direct* iaitu secara terus. Saya tahu jawapan daripada JKM senang sahaja, mereka tidak cukup pegawai. Kita ada JKK, saya sudah cadangkan bayar melalui JKK. JKK adalah wakil daripada kerajaan di peringkat yang paling rendah di kampung-kampung. Kita tidak percaya kepada JKK? Tubuhkan akaun amanah JKK di setiap kampung. Masukkan dalam akaun amanah JKK, pihak JKK boleh menghantar duit-duit JKM tadi daripada rumah ke rumah. Dengan itu tidak menyusahkan mereka. Ini mereka miskin terpaksa pergi ke bandar beratur, sesetengah itu bukan sahaja miskin, tetapi OKU dan sebagainya. Cuba bayangkan. Saya harap pihak JKM cuba fikirkan perkara-perkara ini supaya jangan terlampau pentingkan prosedur.

Yang ketiga, dari segi borang JKM 17, sampai hari ini masih dianggap sulit. Orang miskin hendak dapat duit terpaksa pergi ke pejabat JKM, *interview* dahulu, isi borang baru balik. Belum tentu dapat. Saya sudah beritahu, sudah beri cadangan daripada dahulu, sampai sekarang masih belum buat. Borang JKM masih dianggap sulit. Tidak boleh diedarkan. Saya cadangkan supaya edarkan kepada setiap Pengerusi JKK di setiap kampung. Edarkan supaya mereka tidak perlulah datang ke pejabat dan sebagainya.

Selepas isi borang, buat kajian tentang borang tersebut dan kalau mereka boleh menerima, mereka menerima, kalau tidak, tidak boleh terima tidak mengapa, sekurang-kurangnya mereka tidak menyusahkan mereka untuk pergi ke bandar-bandar, ke pejabat JKM dan sebagainya.

Untuk PDK akhirnya, untuk PDK saya mengucapkan tahniah. Kita hendak beri duit kepada pelajar-pelajar PDK itu tadi. Tetapi dua perkara yang saya hendak sebut. Yang pertama, guru PDK. Guru PDK, saya sudah cadangkan dinaikkan gaji. Pihak Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk minta supaya dinaikkan gaji. Walau bagaimanapun sehingga hari ini belum lagi menerima keputusan dari segi kenaikan gaji. Gaji mereka masih RM400, terlampau rendah. Yang kedua, mereka juga adalah pekerja kontrak dan saya cadangkan supaya diserap mereka ini supaya menjadi pekerja tetap.

Yang keempat ialah dari segi kesusahan anak-anak OKU untuk pergi ke sekolah-sekolah. Kadang-kadang mereka tidak bersekolah kerana tidak ada kenderaan. Saya harap setiap PDK diberikan satu kenderaan seperti van dan sebagainya supaya boleh mengangkut hari-hari anak-anak OKU ini pergi sekolah.

Akhir sekali, jika ada permohonan untuk mewujudkan PDK, saya harap jangan dilewat-lewatkan. Saya hendak memberi contoh, di kawasan saya iaitu di Felda Purun, permohonan untuk mewujudkan PDK, anak-anak OKU sudah belajar dah, tetapi kelulusan belum dapat lagi setelah hampir dua tahun memohon untuk mendapatkan kelulusan. Saya sudah memberitahu dahulu fasal gaji. Sebenarnya Yang Berhormat tidak salah dari segi lambat bayar gaji sebab sekolah ini PDK ini belum diluluskan. Salahnya tidak diluluskan.

Saya harap jangan dilewat-lewatkan. Kalau ada sila luluskan dengan segera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

5.24 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong usaha kementerian tentang membiayai kenaikan kadar catuan bagi institusi pemulihan dan perlindungan dan elaun perlindungan bagi pelajar kanak-kanak kurang upaya di bawah program pemulihan di dalam komuniti.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, pelajar kanak-kanak kurang upaya ini banyak jenis. Kita dapat lihat bahawa ada pelajar kurang upaya ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu di mana ada kelas pendidikan khas diberikan kepada mereka. Tetapi ada golongan yang tercicir juga.

Seperti contohnya saya hendak memohon agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi perhatian yang khusus kepada Sekolah Kanak-kanak Pekak di kawasan SS5 Kelana Jaya di mana sekolah ini dikendalikan oleh persatuan dan terdapat berpuluh-puluh pelajar yang pekak dan bisu, tetapi tidak mendapat layanan yang setimpal kerana sekolah ini walau pun dikendalikan oleh persatuan, tetapi mereka tidak mengutip sebarang yuran daripada keluarganya.

Maka hal ini dan baru-baru ini terbongkar apabila siling sekolah ini jatuh hampir kena seorang pelajar pekak itu. Maka saya harapkan oleh kerana mereka ini juga insan juga aset negara maka walau pun pekak, walau pun bisu, tetapi mereka mempunyai pemikiran yang waras dan boleh dilatih supaya menjadi seorang insan yang berguna kepada masyarakat kita. Dengan itu saya hendak mohon kepada kementerian agar kanak-kanak pekak ini tidak ramai di dalam negara kita dan sekolah kanak-kanak pekak pun hanya satu atau dua sahaja.

Oleh itu saya minta agar kementerian dapat membuat lawatan ke sekolah kanak-kanak pekak ini dan membantu kalau boleh mengambil alih sekolah ini kerana sehingga sekarang sekolah kanak-kanak pekak ini berhutang kepada elektrik RM70,000 semenjak penubuhannya dalam tahun 90an sehingga sekarang tidak berbayar. Mereka masih bergantung kepada sumbangan derma daripada orang ramai.

Bangunan yang digunakan bukanlah bangunan yang disewa tetapi cuma ditumpangkan kerana kepunyaan orang lain secara percuma. Dalam hal ini saya juga hendak minta kalau boleh adakan program yang khusus untuk kanak-kanak pekak dan bisu ini supaya apabila selepas mereka menjalani latihan di dalam sekolah itu dapat diorientasikan sesuai dengan hidup dalam komuniti tersebut. Oleh itu, selepas mereka tamat dalam pelajaran, mereka boleh mencari kerja di tempat-tempat mereka hidup berdekatan dengan rumah mereka bukannya di tempat-tempat lain. Dengan itu mereka dapat hidup bersepadu dalam komuniti sendiri dan bukannya migrasi dari satu tempat ke tempat yang lain.

Itu sahaja perkara yang saya hendak kemukakan kepada kementerian dan mintalah hanya satu perkara sahaja iaitu Sekolah Kanak-kanak Pekak di SS5 minta kerjasama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran. Lepas ini kementerian menjawab.

5.28 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak ambil kesempatan untuk membahaskan dan memberi sokongan kepada pertambahan peruntukan bagi kementerian di bawah bekalan B.48.

Satu perkara yang pertama yang hendak disentuh ialah dari segi kedudukan orang kurang upaya. Sebenarnya di tempat saya terdapat ramai juga orang kurang upaya, saya kira lebih kurang 60 orang dan mereka ini sungguh menyayukan kita, kalau kita pergi

melihat ada setengah daripada keluarga ini dijaga oleh ibunya sementara suaminya juga tidak upaya dan anak juga tidak upaya.

Saya telah bercakap dengan pihak kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebab itulah saya minta supaya kementerian dapat meluluskan segera pusat program pemulihan dalam komuniti bagi kawasan Maran supaya dengan adanya pusat ini, orang-orang kurang upaya ini dapat ditempatkan di sini dan mereka akan mendapat perkhidmatan bantuan yang lebih selesa berbanding kalau mereka berada di rumah masing-masing.

Sudah sampai masanya perhatian kita perlu kita berikan kepada mereka yang kurang upaya ini kerana kita Tuan Pengerusi Alhamdulillah dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai manusia yang sempurna. Tetapi amat malang bagi kita kalau kita melihat bahkan kalau seramai daripada itu, kita turun ke kawasan-kawasan di mana terdapatnya orang kurang upaya ini, kita akan berasa sedih bahawa ramai daripada anggota masyarakat kita yang menghadapi seribu satu macam masalah bukan sahaja kemiskinan tetapi dalam masa yang sama mereka juga menghadapi masalah tidak sihat, kurang upaya dan sebagainya. Saya berharap supaya kementerian ini dapat segera membina pusat pemulihan dalam komuniti bagi kawasan Maran kalau boleh dalam tahun 2006 ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah tentang program-program yang melibatkan orang kurang upaya dan dari segi program kebajikan ini. Saya hendak tarik perhatian kementerian kepada program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan sukarela termasuklah oleh TV3 umpamanya yang pernah banyak melaksanakan program ini.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada TV3 yang pada saya program yang dibuat umpamanya program "Bersamamu", memang sebenarnya program ini baik. Dan boleh mendedahkan masalah orang kurang upaya, orang yang tidak sihat ini di kampung-kampung. Apa salahnya saya mencadangkan kepada kementerian supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini dapat bersama-sama dengan agensi-agensinya ini, dapat melaksanakan program bagi kita membantu orang kurang upaya ini. Kita turun bersama-sama.

Bagi TV3 yang ada tabung TV3, yang telah mengutip duit daripada sumbangan orang ramai gunakan duit ini turun ke kampung-kampung bersama-sama kementerian, kalau boleh bersama dengan Ahli Parlimen, bersama dengan ADUN, pegawai daerah dan seluruh lapisan masyarakat supaya faedah ini bukan sahaja akan dapat kepada TV3 ataupun tv-tv lain ataupun agensi lain yang melaksanakan program ini, tetapi dalam masa yang sama kerajaan juga mendapat imejnya. Ahli-ahli politik juga mendapat imej ini. Masyarakat keseluruhannya juga mendapat imej mereka kerana mereka sama-sama turun serentak secara *integrated* ataupun bersepadu bagi membantu masyarakat yang kurang upaya ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan dari kementerian. Ya, Setiausaha Parlimen sila.

5.31 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah mengemukakan cadangan dan juga minta penjelasan. Untuk makluman Yang Berhormat, tambahan peruntukan ini adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membayar kenaikan kadar bantuan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada Bajet 2006 pada bulan Oktober 2005 yang lepas. Dengan pengumuman tersebut kenaikan kadar bayaran itu telah dimulakan mulai Januari 2006 dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada. Oleh itu berlaku kekurangan peruntukan sebanyak RM7.4 juta untuk menampung bayaran bantuan kepada kumpulan sasar sehingga akhir tahun 2006. Kenaikan kadar ialah bagi dua kumpulan sasar iaitu bantuan kanak-kanak dari RM80 hingga RM350 sebulan kepada RM100 ke RM450 sebulan. Bantuan orang tua dari RM135 kepada RM200 sebulan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong, bantuan kepada OKU dikenali sebagai elaun pekerja cacat iaitu bantuan kepada OKU yang bekerja. Dan tujuan untuk memberi elaun ini adalah untuk menggalakkan lebih OKU supaya mereka dapat berdikari dan mereka akan cuba untuk mencari kerja dan untuk berdikari. Tetapi buat masa kini masih ada lagi banyak halangan seperti ibu bapa mereka tidak bersedia untuk memberi mereka untuk bekerja. Dan untuk OKU yang tidak bekerja dan miskin kita boleh beri bantuan iaitu seperti bantuan am dan lain-lain sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Mengenai berapakah institusi yang beroperasi di bawah JKM, kesemuanya institusi di bawah JKM adalah sebanyak 60 buah, termasuk 9 buah institusi perlindungan iaitu rumah kanak-kanak, 10 buah institusi pemulihan Sekolah Tunas Bakti, 5 buah Taman Seri Puteri di Batu Gajah, Cheras, Kota Kinabalu, Miri dan Rembau dan kalau saya tidak silap ada juga 9 buah Rumah Seri Kenangan untuk orang tua dan juga 2 Desa Bina Diri untuk orang papa dan juga asrama-asrama akhlak dan sekolah Tunas Bakti.

Program-program pemulihan yang dijalankan di institusi pemulihan termasuk keagamaan, pendidikan moral dan pemulihan akhlak, latihan kemahiran vokasional, akademik, sukan, rekreasi dan kaunseling. Peranan yang dimainkan untuk membantu mangsa keganasan seksual ialah sekiranya mangsa berkenaan adalah kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun, mereka boleh ditempatkan di institusi perlindungan atau diserahkan sementara kepada keluarga waris dan juga orang yang sesuai sekiranya perlu atau sehingga siasatan polis selesai.

Untuk mangsa-mangsa rogol yang umurnya 18 tahun ke atas kita akan beri bantuan dalam kaunseling dan selainnya. Mengenai Akta OKU, sebenarnya Kementerian sedang dalam proses mengubah satu dasar bagi OKU sebelum Akta yang berkaitan dirangka.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat bagi Serdang, tadi saya sudah pun jawab mengenai berapa soalan tambahan. Yang Berhormat juga bertanya adakah dengan penambahan kenaikan kadar ini, adakah kita akan melonggarkan atau mengetatkan lagi? Jawapannya tidak ada perubahan. Untuk orang-orang tua yang ada di rumah-rumah orang tua yang dikendalikan oleh NGO, kita ada sediakan satu kadar catuan makanan yang mana kita telah pun menaikannya dari RM3.90 seorang sehari kepada RM8.00 seorang sehari. Dan mengapa masih ada lagi banyak pertubuhan sukarela belum dapat bantuan geran pertubuhan sukarela kebajikan dari Kementerian, adalah kerana untuk mendapatkan bantuan geran ini mereka mesti buat permohonan dan untuk mereka mendapatkan bantuan ini, mereka perlu mendaftar dengan ROS bagi pertubuhan-pertubuhan sukarela yang didaftar di bawah ROC adalah tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2005 sehingga bulan Jun bilangan pertubuhan sukarela kebajikan yang dapat bantuan geran pertubuhan sukarela dari Kementerian adalah sebanyak 182 buah pertubuhan, dan jumlah peruntukan ialah RM10,291,676. Dan mengenai Persatuan Cacat China yang sedang membina premis mereka, mereka boleh mengemukakan satu permohonan dengan Unit Perancangan Ekonomi melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana kalau mereka dapat kelulusan mereka akan dapat *matching grant*.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan undang-undang untuk mengawal penubuhan pusat jagaan untuk OKU. Sebenarnya untuk pertubuhan pusat jagaan ini adalah di bawah Akta Pusat Jagaan 1977.

Tetapi mengikut Akta Pusat Jagaan ini untuk kita menjalankan kawalan mereka perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak jabatan perlu menyelia perjalanan pentadbiran pusat-pusat jagaan ini dan pihak jabatan juga menjalankan latihan di bawah Institut Latihan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat. Yang Berhormat bagi Jerai....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Adakah kementerian mendapati berapakah jumlahnya pusat penjagaan ini telah didaftar ataupun yang tidak didaftar.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai jumlah pertubuhan kebajikan yang telah berdaftar dengan kementerian saya tidak ada angka dengan saya, saya minta supaya saya boleh jawab secara bertulis. Untuk maklumat Yang Berhormat, masih lagi kita mengakui masih lagi ada banyak pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan belum lagi berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekarang kementerian kita juga sedang dalam proses untuk meminda Akta Pusat Jagaan supaya kita dapat mengemaskinikan lagi akta-akta yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Jerai, minta kementerian kaji balik mengenai dasar bantuan anak yang bekerja untuk dapat bantuan bagi ibu tunggal. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kepada keluarga-keluarga miskin dan ibu-ibu tunggal yang mempunyai ramai anak. Walaupun ada anak yang bekerja tetapi jika keluarga itu miskin jabatan masih lagi membantu di bawah bantuan penyaraan kanak-kanak atau geran pelancaran. Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera. Mengenai elaun pekerja PTK dinaikkan jawatan dijadikan kontrak, buat setakat ini kementerian sedang dalam perbincangan untuk kenaikan elaun dan menjadikan jawatan kontrak, itu belum dipastikan lagi dan saya akan membangkitkan perkara ini kerana.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jawatan kontrak ke tetap.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, saya tahu, tetapi belum ada lagi rancangan tetapi saya akan bangkitkan ini kepada kementerian.

Setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memberi peruntukan untuk membeli aset seperti kenderaan untuk PTK tetapi ini boleh kita bangkitkan juga bukan semestinya setakat ini tidak ada pada masa hadapan, juga tidak ada. Mengenai bayaran kepada golongan OKU ini, sebenarnya menteri juga telah pun memberi arahan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mereka berbincang dengan AG dan cara-cara yang boleh mempercepatkan lagi wang bantuan dikeluarkan kepada OKU-OKU atau golongan-golongan yang miskin dan istimewa.

Mengenai bayaran melalui BBN yang mana di kawasan Yang Berhormat tidak ada bank, saya di sini mintalah Yang Berhormat berikan senarai penerima bantuan ini supaya kita boleh uruskan. Kalau boleh, kalau kita boleh, kita akan cuba bayar ikut bulanan mungkin kita hantar pegawai kita pergi ke tempat itu pada satu tarikh yang ditetapkan setiap bulan, walau bagaimanapun kita masih tunggu juga baucer-baucer yang dikeluarkan oleh AG.

Mengenai borang Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebenarnya borang Jabatan Kebajikan Masyarakat 17 itu adalah borang yang diisi oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bukannya diisi oleh orang miskin. Kalau kita serahkan kepada orang miskin mereka bolehlah isi ikut mereka cara dan untuk mengeluarkan atau meluluskan satu bantuan wang. Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ada turun ke padang untuk menjalankan siasatan kerana wang ini semua adalah wang rakyat. Oleh itu kita mesti memastikan semua bantuan wang ini dikeluarkan kepada orang yang betul-betul atau benar-benar layak.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu perkara tersebut, maksud saya kita keluarkan borang, mereka boleh isi, isi mungkin tidak boleh isi sendiri ada sesiapa yang membantu dan sebagainya. Selepas itu hantar dan selepas itu kita siasat, apa yang berlaku sekarang, borang dianggap sulit. Yang hendak memohon itu terpaksa pergi dahulu sendiri ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mengisi borang di situ dan belum tahu dia dapat, jadi maknanya menyusahkan. Lebih baik mereka isi dahulu di rumah dan sebagainya, hantar selepas itu disiasat dan apabila lulus dan barulah boleh berikan sama ada hendak panggil atau pun tidak sekurang-kurangnya pasti dapat. Ini datang dahulu tidak tahu dapat lagi dan saya tidak tahu mengapa sulit.

Sebab borang biasiswa pun boleh diedarkan dan saya difahamkan sulit kerana penyataan-penyataan untuk pendapatan dianggap sebagai sulit. Saya rasa tidak ada sulit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Hendak minta rumah PPRT borang diedarkan, hendak biasiswa borang diedarkan, jadi saya minta supaya diubah perkara ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Sejauh mana yang saya tahu borang ini bukan borang yang sulit, walau bagaimanapun saya pun sudah berasa malu, sudah beberapa kali Yang Berhormat telah membangkitkan masalah yang sama di dalam dewan ini. Saya akan berbincang dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mereka siasat apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di kawasan Bera itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, itu masalah borang yang menyulitkan kerana terpaksa pemohon pergi ke pejabat Kebajikan Masyarakat, soal lulus, tidak lulus Tuan Pengerusi, belum tahu. Ini masalah sudah lulus, sudah lulus belum sampai tengah jalan ditarik balik. Apa sebabnya? Ada penerima-penerima untuk bantuan kebajikan ini telah mendapat kelulusan daripada pihak kebajikan tetapi sampai surat kelulusan ditarik balik, apa sebabnya? Adakah kerana kesilapan siasatan yang dibuat ke atas penerima-penerima berkenaan, adakah ataupun wang tidak cukup, atau bagaimana? Sebab saya ambil contoh di daerah Larut Matang dan Selama baru-baru ini.

Saya diberitahu bahawa tidak cukup hampir dua juta lagi untuk diberi bantuan pelbagai sama ada saraan, bantuan sekolah, bantuan perjalanan dan sebagainya belum cukup. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dan apakah kelulusan telah dibuat dan ditarik balik disebabkan kesilapan orang yang menerima atau bagaimana atau peruntukan yang tidak cukup, ini berlaku. Sudahlah Tuan Pengerusi mereka sudah dapat, seronok sudah dapat, untuk saraan bukan banyak RM50 mungkin, atau RM100, tiba-tiba tunggu hari ke hari bulan ke bulan tidak dapat juga. Tahu-tahu datang satu surat lagi ditarik balik, kenapa ini boleh berlaku, apakah sistem penyampaian tidak betul atau bagaimana. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, saya rasa ini mungkin adalah satu kes yang spesifik dan oleh itu kalau boleh mintalah Yang Berhormat beritahu apakah kes itu supaya kita boleh menjalankan siasatan. Mengenai sekolah kanak-kanak pekak di SS5 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya tidak pasti adakah sekolah ini di bawah Kementerian Pelajaran atau kementerian kita tetapi untuk dapatkan bantuan. Sekiranya dia adalah pertubuhan atau badan sukarela kebajikan yang di bawah kementerian kita ini. Untuk dapatkan peruntukan kita seperti apa yang telah saya maklumkan, kita ada geran bantuan tahunan.

Untuk dapat peruntukan ini, mereka mesti buat permohonan dan Jabatan Kebajikan akan siasat dan kalau sekiranya mereka layak, kita akan beri bantuan geran yang mana saya telah sebut tadi. Yang Berhormat bagi Maran minta mempercepatkan kelulusan PDK, ini kita ambil maklum dan kita akan ambil perhatian dalam perkara ini. Dan Yang Berhormat bagi Maran juga menyeru JKM supaya bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga TV3. Sebenarnya kita sedia untuk bekerjasama dengan sesiapa yang rela untuk beri bantuan kepada golongan-golongan istimewa atau golongan-golongan miskin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,819,200 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM12,819,200 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005]

Tuan Pengerusi: Kementerian Pengajian Tinggi. Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dibuka untuk di bahas. Ya, Ipoh Timor.

5.52 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya mahu sebut ialah apabila kita baca kandungan dalam memorandum *tertiary* ini, semua tidak ada butir-butiran. Bagaimana kita boleh berbahas? Tak tahu apa maksud setiap peruntukan, dan saya harap bahawa untuk masa depan, kita akan diberi butir-butiran semua mengenai kemajuan pembayaran, kemajuan kerja. Untuk semua sama, kemajuan kerja dan kita tak tahu apa itu maksudnya. Dan ini sangat *slipshod*, dan menunjukkan bahawa kritik saya bahawa kita ada *brooked* daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang nampaknya ada mentaliti *third class*. Kita mahu tahu apa setiap peruntukan. Saya harap di masa depan kita dapat butir-butiran setiap peruntukan.

Kedua, saya berharap bahawa nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab mengenai beberapa perkara yang saya ada bangkit dalam perbahasan *policy stage*, saya tidak perlu untuk mengulang. Dan saya pun harap bahawa dia pun boleh kata bila, bila kita akan buat satu contoh sebagai penggunaan aplikasi IT dan bila Laporan Zahid akan di pos di internet supaya sebagai contoh, bukan sahaja dalam pengajian tinggi tetapi untuk semua jabatan kerajaan bahawa mengenai menyampaikan maklumat.

Dan ketiga, sudah sepuluh bulan semenjak Laporan Zahid dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Jawatankuasa Pengajian Tinggi ada diberi masa enam bulan untuk menyiapkan laporan. Dan dia ada buat 138 perakuan-perakuan, so sudah sepuluh bulan, lebih panjang daripada enam bulan yang diberikan kepada Jawatankuasa. Apakah kedudukan Kementerian Pengajian Tinggi sekurang-kurangnya *preliminary position*? Dan saya harap bahawa kita boleh diberitahu apa kedudukan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya percaya bahawa Kementerian Pengajian Tinggi tidak *just* duduk sahaja, tidak buat apa-apa, patutlah sampai sekarang sudah ada satu senarai mengenai perakuan-perakuan yang diterima dan sedang dilaksanakan. Perakuan-perakuan masih dikaji, perakuan-perakuan yang ditolak dan kita harap bahawa ia boleh dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya satu perbahasan yang bererti, bermakna boleh diadakan. Dan tidak satu sahaja laporan yang dibentangkan sepuluh bulan, dalam vakum. Tidak boleh dalam vakum oleh kerana apa yang berlaku dalam sepuluh bulan ini pun patut dimaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen dan semua Ahli-ahli *Civil Society* yang berminat dalam perkara ini.

Dalam satu bacaan yang *cursory* Laporan Zahid, oleh kerana tidak ada masa untuk satu kajian yang mendalam. Nampaknya tidak ada menangani isu yang pokok, bagaimana boleh meningkatkan mutu atau *standard* universiti-universiti. Oleh kerana masalah co isu ialah kenapa ada keruntuhan standard akademik? Dan masalah pokok ialah mengenai kualiti akademik-akademik, kualiti mahasiswa, mahasiswi, kualiti pucuk pimpinan, itulah yang pokok. Dan nampaknya ini tidak ada di *address* dalam Zahid *Report* bagaimana kita boleh mengembalikan kepercayaan kepada akademik-akademik khususnya untuk memperbaiki moral akademik-akademik yang baik. *How we can make them feel great* dalam akademik?

Dan saya rasa ini mustahak dan kalau kita baca dalam 138 perakuan-perakuan, nampaknya tidak ada menyentuh pun UUCA mengenai *statutory board*, Akta *Statutory Board* atau Akur Janji yang *basic* kepada masalah kualiti pimpinan akademik-akademik mahasiswa, mahasiswi dan pucuk pimpinan semua universiti. Baru-baru ini, kita ada baca satu *interview* yang diberi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya, Tan Sri Arshad Ayob. Dan saya rasa kita patut ambil perhatian dengan izin satu *paragraph*, "*maybe*

the time has come for more non bumiputera's appointments in University Administration. Appointment should be on merit and a political. And should be more women and non-bumiputera. I should believe the time even have come for a non bumiputera", by chancellor.

Dalam universiti-universiti ada yang anggap *over the period of time* sebagai *Malay university*. Mana boleh kita membenarkan perkembangan di mana universiti-universiti kita dianggap sebagai *Malay university*, ialah *Malaysian university*. Kalau *Malaysian University*, Lembaga Pengarah *Management* hari tu saya ada menerangkan *Management* Universiti Malaya, semua satu kaum, tidak ada, bukan multi *racial* kita perlu. Dan ini bukan untuk kepentingan orang bukan Melayu sahaja, sebenarnya satu Malaysia universiti untuk kepentingan semua, orang bukan Melayu, pelajar-pelajar mahasiswa, mahasiswi Melayu, akademik-akademik Melayu. Oleh kerana barulah ada semangat *competitiveness*, semangat *competitiveness* yang boleh *spark* satu akademik *excellent*. Kalau tidak *mediocrity all the way*, itu antara sebab kenapa *ranking* kita jatuh yang begitu serius dalam *time higher education supplement*.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa kita kembalikan *restore* ini, *competitiveness*, *excellent* yang diberi keutamaan supaya untuk langkah yang pertama, Universiti Malaya boleh balik kepada 60-an di mana kita boleh banding *on par* dengan universiti-universiti terbaik di dunia, Singapura, Hong Kong, Melbourne, Adelaide. Dalam 2003, dalam Dewan yang mulia ini kita ada dengar pemimpin-pemimpin kerajaan kita mahu universiti-universiti kita antara terbaik, boleh *compete on par* bukan sahaja dengan Singapura, Hong Kong, Melbourne dan Sydney, *on par with the Cambridge, Oxford, Harvard, Waseda Jepun*, itulah 2003. Sekarang tak dengar lagi, sekarang kita tak dengar lagi kita mahu *compete at par with the best in the world*. Kenapa sekarang kita sudah begitu *modest*? Saya harap kita boleh kembalikan itu *spirit, towering spirit* supaya kita ada *towering university, towering global champions*. Dan tengok apa yang kita ada mengenai perakuan-perakuan khasnya mengenai menguasai Inggeris.

Kita perlu satu semangat, *approach* yang baru, Inggeris. Jangan kita menganggap Inggeris sebagai bahasa asing lagi. Kita perlu ada sedikit... satu laporan English Next satu *study* yang *dicommissioned* oleh British Council, David Graddol. Dan teguran sini yang sangat tepat, "*English is no more foreign language.*" Dua bilion rakyat di dunia, dua bilion orang akan menggunakan atau boleh ucap Inggeris lagi 10 tahun. Dan orang-orang di India dan negeri China sekarang yang boleh ucap bahasa Inggeris sudah lebih daripada *all those who speak English in the rest of the world*. Dan sekarang English bukanlah lagi satu *foreign language* tetapi satu *global language* satu *universal basic skill*. Kita anggap English sebagai *universal basic skill*. Sebenarnya mesej dalam laporan ini ialah kepada orang England, kepada rakyat di England bahawa mereka menghadapi satu cabaran. Oleh kerana dengan *orolingual* baru boleh ucap dan faham English sahaja mereka sudah kalah dalam *race competition*. Mereka patut menjadi *multilingual* bukan sahaja bahasa Inggeris untuk mereka tetapi Mandarin, Arabic, Spanish.

Dan kita perlu, kita perlu ada itu sikap. Kalau menganggap Inggeris sebagai *basic skill* dan kalau kita mahu mempertingkatkan kita tahu bahawa sepatutnya tahun lalu, bermula dengan tahun lalu semua universiti-universiti patut mengikut keputusan Kabinet 2002 memulakan menggunakan bahasa Inggeris sebagai media mempunyai *instruction* untuk *science based*, mata pelajaran-mata pelajaran. Tetapi oleh sebab...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya saya akan gulung.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi tidak boleh dilaksanakan oleh kerana kegagalan mencapai matlamat hidup.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu saya mahu cadang kalau mahu serius untuk mempertingkatkan standard universiti-universiti mewajibkan Inggeris sebagai

satu mata pelajaran yang wajib untuk lulus kalau mahu dapat ijazah-ijazah dalam peringkat universiti. Inilah saya rasa satu syarat yang boleh memaksa mahasiswa-mahasiswi serius dalam untuk menguasai Inggeris sebagai *universal basic skill* dan bukan sebagai bahasa asing.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan akhirnya sebenarnya ini satu isu yang sangat penting, banyak kita boleh cakap. Tetapi saya tahu bahawa kita tidak ada masa. Saya harap bahawa kita boleh dengan serius dalam perkara ini supaya akhirnya di *posted in internet* supaya lebih orang rakyat Malaysia boleh ambil bahagian dalam proses sebagai *stake holders*.

Tuan Pengerusi: Baik. Tumpat.

6.03 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja. Pertamanya, saya juga terkejut dengan cara butiran-butiran ini dibentangkan dalam kertas Perintah 3A ini iaitu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tidak ada maklumat langsung. Keduanya, selain daripada tidak ada maklumat langsung angka-angkanya, angka-angka yang genap-genap belaka. RM50 juta, RM2 juta, RM2 juta, RM25 juta, RM17 juta, RM2 juta, RM100 juta, RM20 juta, RM4 juta, RM28 juta lengkap dan jumlah penuhnya suku bilion ringgit. Seolah-olah macam duit bagi-bagi tidak ada kira-kira, tidak ada pertimbangan, tidak ada maklumat sebenarnya apa tujuan. Jadi nampak terlalu kasar maklumat yang dibentangkan kepada kita dan *unprofessional* dan sebagainya Tuan Pengerusi. Jadi rasanya Tuan Pengerusi sendiri perlu menegur pihak kementerian dan kerajaan supaya jangan lagi mengamalkan apa yang kita lihat khususnya untuk Kementerian Pengajian Tinggi pada kali ini.

Point saya yang kedua Tuan Pengerusi ialah yang kita tahu dan seminggu dua ini isu ini akan terkena kepada wakil-wakil rakyat khususnya di luar-luar bandar iaitu pembiayaan ke IPTA, IPTS. Musim ke IPTA, IPTS akan bermula sekejap lagi dan wakil-wakil rakyat biasanya terpaksa sedikit sebanyak membantu anak-anak kampung kita untuk menampung perbelanjaan mereka ke IPTA, IPTS ini. Saya jangkakan bahawa kalau semudah itu mereka bentangkan jumlah ini, kenapa tidak tambah sahaja RM250 juta ataupun RM1 bilion lagi untuk PTPTN. Kalau mudah sangat angka-angka ini dibentangkan, bentangkanlah kata RM1 bilion untuk PTPTN. Sebab itu keperluan yang agak besar di kalangan masyarakat kita selain daripada kualiti pendidikan dan sebagaimana yang kita dengar tadi yang sudah tentu perlu diambil kira.

Tetapi pembiayaan ke universiti di peringkat anak-anak mahasiswa yang menanggungnya keluarga, ibu bapa dan masyarakatnya adalah amat tinggi. Dan kalau yang lain boleh diletakkan angka-angka semudah itu kenapa tidak ditambah di Butiran 13(11) misalnya PTPTN RM1 bilion sebagai contohnya. Maksud saya ialah betapa bimbangannya saya melihat akan kaedah apa yang dilaksanakan oleh kementerian ini tetapi di masa yang sama mengabaikan satu lagi *item* penting dalam dunia pendidikan tinggi khususnya iaitu pembiayaan mahasiswa-mahasiswa kita melalui yang ada sekarang ini iaitu PTPTN. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Sungai Petani.

6.06 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada isi kandungannya iaitu mengenai dengan pembiayaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi maksud P.49. Tadi ada dibangkitkan mengenai dengan kualiti universiti kita. Di sini ingin saya bertanya dengan pihak kementerian, apakah pihak luar maksud saya bukan daripada kerajaan, daripada korporat ke, daripada mana-mana badan kewangan yang membiayai *research and development* dalam universiti. Dan kita sudah tahu bahawa banyak universiti-universiti kita masih tidak mengamalkan budaya R&D. Kalau pun ada, bagi kita kata boleh disebutkan dengan jari sahaja.

Dengan demikian, saya minta ataupun saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menggalakkan IPTA tadi untuk mencebur lebih banyak lagi dalam R&D. Dan saya pasti dan kita boleh bekerjasama juga dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kalau mereka mempunyai wang yang begitu banyak mengapa tidak dia juga dicurahkan kepada universiti. Sebab saya difahamkan bahawa banyak wang diadakan untuk kegunaan lain, tidak diberi tumpuan ataupun fokus dari segi *research*. Apakah *research* sebenarnya?

Umpamanya kalau kita kata Universiti Putra Malaysia, mengapa tidak yang dahulunya sebagai sebuah universiti yang terkenal dengan pertanian mereka buat fokus ataupun tumpuan mereka kepada kajian-kajian mengenai dengan tanaman. Dan ini boleh dikomersialkan kemudian dan sekali gus akan mengangkat nama baik universiti yang berkenaan. Malangnya kita lihat kebanyakan daripada universiti-universiti kita tidak ada satu fokus, maksud saya kalau universiti, misalnya saya bangkitkan balik kalau universiti dahulunya Universiti Pertanian Malaysia dan kemudian Universiti Putra Malaysia yang lebih terkenal dengan sains *agriculture* mereka tetapi malangnya mereka telah *diversify* dengan izin kajian-kajian mereka ke dalam bidang-bidang yang lain sehingga tidak ada tumpuan khusus.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan sekali lagi kita meletakkan taraf universiti ini kepada *ranking* masing-masing, fokus mereka dalam bidang apa, itu yang lebih dapat kita naikkan, tingkatkan universiti kita sebagai sebuah universiti. Perkara kedua ialah ingin saya bangkitkan mengenai dengan penerbitan. Saya tahu universiti telah banyak mengeluarkan ataupun menghasilkan penerbitan-penerbitan akademik tetapi tidak ada hebahan yang begitu meluas seperti televisyen, akhbar-akhbar kita ataupun media apa-apa jenis media maka dia dilonggok di universiti, siapa pun tidak tahu apakah hasil penerbitan universiti.

Perkara ketiga ialah mengenai dengan staf. Saya dapati ramai sekarang ini staf universiti yang sudah bertaraf profesor mengapa tidak mereka kumpulan ini dilanjutkan umur persaraan mereka sehingga kepada 65.

Sebab saya lihat ramai daripada profesor ini tadi oleh sebab *training* dan juga pengalaman mereka, mengapa tidak mereka diteruskan perkhidmatan mereka di universiti-universiti tertentu.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang akhir sekali, yang saya nak bangkitkan juga, sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Iaitu mengenai dengan kemudahan-kemudahan asas sebab dari segi fizikal, saya dapati kemudahan asas di kampus-kampus amat berkurangan. Terutama sekali kemudahan asas seperti *student center* dan juga *graduate-graduate student* tidak dikhususkan di universiti. Harap ini dapat diberikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sabak Bernam.

6.11 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin mengambil bahagian khusus kepada satu topik sahaja pada dasarnya tetapi akan memberikan kesan yang sangat penting dalam membicarakan B.49 ini, iaitu mengenai Kolej Komuniti. Kita berpendapat bahawa Kolej Komuniti ini, perlu dimanfaatkan dalam erti kata yang sebenarnya kerana ia memang boleh membantu komuniti setempat. Jadi, pengalaman daripada Sabak Bernam menunjukkan bahawa kolej ini boleh menjadi pusat kepada ahli-ahli komuniti di luar daripada kolej itu untuk mengambil bahagian dengan kolej ini mengadakan berbagai-bagai kursus jangka pendek yang relevan yang berkaitan dengan masyarakat setempat seperti dalam ekonomi pertanian dan penternakan.

Jadi oleh sebab itu, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya peruntukan bagi program komuniti ini ditambah. Ini menjadi lebih penting kerana masyarakat di luar bandar pada ketika ini tidak terelak daripada masalah gejala sosial yang ditimbulkan oleh keluarga

yang rapuh. Jadi kursus modal insan boleh diadakan di Kolej Komuniti sendiri, di mana keluarga boleh diberi ilmu dan kemahiran dalam konteks kekeluargaan dan kita harus ingat bahawa ketika ini, masalah gejala sosial ini semakin meningkat dan bertambah.

Oleh sebab itu, dalam konteks ini Sabak Bernam merakamkan terima kasih kerana pihak kementerian telah bersetuju menjadikan Kolej Komuniti ini sebagai pusat *data base* dengan izin, bagi para belia ataupun bagi para pelajar keluar daripada sekolah-sekolah lepasan SPM. Ini akan membantu bukan sahaja kolej komuniti mendapatkan anak-anak tempatan untuk belajar di kolej komuniti itu, tetapi juga akan membantu pihak jabatan belia untuk mengenal pasti manakah belia-belia yang wajar diberikan bantuan dan melibatkan dalam berbagai-bagai program dan aktiviti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

6.15 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara 123, bukan sahaja Butiran 02900 Universiti Utara Malaysia. Saya menyokong peruntukan untuk membaiki atau memajukan Universiti Utara Malaysia. Tidak kiralah dalam berbagai-bagai bentuk sama ada dalam kemudahan atau bantuan tenaga. Tuan Pengerusi, saya terima satu surat daripada seorang individu. Dia kata, dia adalah pelajar Universiti Utara Malaysia. Dia ingin saya bawakan dalam Dewan, apakah dia adalah dilarang bagi mereka kaum India? Ini untuk menggantung gambar-gambar *lord* mereka, di dalam kampus Universiti Utara Malaysia.

Mereka kata mengapa sedemikian, jika ya? Sebab dia kata, mereka dapati tak ada masalah untuk kaum yang lain. Kaum Melayu yang menganut agama Islam, sebab dalam bilik-bilik mereka ada arah kiblat. Mengapa gambar-gambar *lord* dengan izin, mereka tidak boleh digantung? Sebab mereka nampak, itulah cara mereka sembahyang. *Practise prayers to the lord* dengan izin.

Mereka ada pinta saya bangkitkan juga apakah dalam kampus tidak boleh memakai *vibuti* dan *kum kum*, dan jika di atas kepala mereka? *Forehead* mereka dengan izin, jika ia, mengapa demikian? Juga pelajar ini mendakwa ada seorang pelajar wanita telah memakai *mudikairu* dekat tangannya dan kononnya telah didenda. Apakah ini benar? Kalau kita hendak institusi pengajian kita maju ke depan, kita perlu ada satu kebebasan dan ini adalah yang paling biasa, paling asas perlu diberi adalah kebebasan untuk menganut agama masing-masing walaupun di dalam kampus, tidak boleh menekan ke atas mereka. Jadi, saya pohon panduan dan penjelasan di dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Parit.

6.18 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh di bawah perkara Universiti Islam Antarabangsa. Tuan Pengerusi, hari ini kita dapati pelantikan naib canselor begitu lambat di buat. Beberapa bulan selepas tamat tempoh seseorang naib canselor itu. Baru-baru ini misalnya, Universiti Malaya, hampir memakan masa dua bulan. Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian untuk melantik salah seorang daripada begitu ramai tenaga pengajar di universiti itu untuk dinaikkan ke taraf naib canselor.

Begitu juga Universiti Islam Antarabangsa, rektornya telah pun bersara, hampir tiga, empat bulan. Jadi, apakah pihak kementerian masih belum mendapat seorang calon yang layak untuk dilantik? Jadi perkara rektor ini, begitu penting jawatannya. Jawatan nombor satu di universiti itu seharusnya diberi keutamaan kerana saya percaya pihak kementerian tahu bila seorang itu tamat tempohnya? Tentulah persediaan setahun atau enam bulan sebelum itu dibuat untuk mencari pengganti-pengganti yang berkaliber untuk dilantik sebagai naib canselor ataupun rektor. Itu sahaja, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ampang.

6.20 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas sedikit sahaja tentang kepala P.49, Kementerian Pengajian Tinggi iaitu saya melihat di dalam butiran projek ini tidak ada menyebut tentang Universiti Malaya kerana sudah semestinyalah tidak ada keperluan di situ. Mungkin tidak ada peruntukan tambahan yang dipohon. Ini, saya difahamkan sangat selalu berlaku di universiti tertua kita di Malaysia ini, kerana kerajaan menganggap bahawa sebagai universiti yang tertua, yang mempunyai dana ataupun wang terkumpul yang cukup maka ia selalu tertinggal. Sehingga saya dimaklumkan bahawa kerajaan sendiri berhutang kepada Universiti Malaya kerana Universiti Malaya mendahulukan pembayaran seperti bonus dan juga elaun COLA yang atas arahan kerajaan sendiri. Sehingga kini, kerajaan tidak membayar. Masalahnya sebagai universiti tertua, walaupun mereka mempunyai wang yang banyak, tetapi sepatutnya kementerian tidak boleh membeza-bezakan untuk memberi peruntukan.

Walaupun kita faham universiti-universiti yang baru tumbuh itu memerlukan wang permulaan yang lebih banyak, tetapi untuk *maintenance* dengan izin, ataupun untuk menyelenggara Universiti Malaya memerlukan wang yang banyak, apatah lagi jika kerajaan masih berhutang kepada Universiti Malaya.

Perkara kedua ialah, sementara universiti ini terus menghasilkan pensyarah-pensyarah yang berkualiti dan berpengalaman, kita dapati bahawa keperluan untuk mengisi kekosongan jawatan, keperluan untuk mengisi tenaga kerja sentiasa berlaku kerana masalah '*pinching of staffs*', Tuan Pengerusi, dengan izin. Pensyarah berpengalaman dari Universiti Malaya dipindahkan ke universiti-universiti yang baru tumbuh atas permohonan kementerian sendiri terus berlaku.

Saya harap pihak kementerian memandang serius perkara ini iaitu tentang bagaimana kita nak menyelaraskan universiti-universiti awam negara kita supaya tidak ada universiti yang rugi, apatah lagi tekanan yang cukup hebat dihadapi oleh Universiti Malaya sebagai universiti yang tertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

6.24 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya nak bercakap satu perkara mengenai kolej komuniti. Saya difahamkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, setiap negeri diberi dua buah kolej komuniti. Oleh sebab di Sabak Bernam, sebelah utara ada satu, di Kuala Langat di selatan, ada satu. Di Kuala Selangor itu sesuai sangat dibina sebuah kolej komuniti dan saya telah mengemukakan permohonan dan saya merayu supaya Kuala Selangor dipilih. Sebab tanah kerajaanpun sudah disediakan di Batu 7, Ijok. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput pihak menteri untuk menjawab.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkanlah saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada para ahli Yang Berhormat yang menunjukkan minat dan prihatin tentang pembangunan IPT di negara kita.

Tuan Pengerusi, walaupun sebentar tadi dalam perbahasan mengenai IPT di negara kita banyaknya butir-butir dibangkitkan itu sebenarnya tidak berkaitan dengan apa yang terkandung dalam *budget* ataupun perbelanjaan tambahan kali ini. Namun saya selaku Timbalan Menteri, saya tetap akan cuba memberikan butir-butir yang dikehendaki sama ada dalam penggulungan saya pada hari ini ataupun melalui cara yang lain iaitu secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Tuan Pengerusi, menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, suka saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa apa yang dibangkitkan itu khususnya yang berkaitan dengan Laporan Wan Zahid

sebenarnya telah pun pihak kementerian mengotakan janji dengan menyedarkan laporan yang berkenaan dalam dua bahasa, iaitu versi bahasa Malaysia dan versi bahasa Inggeris seperti mana yang dijanjikan.

Berkaitan dengan teguran Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa laporan ini kononnya tidak ditunjukkan di laman *web*, sukalah saya maklumkan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya pada tahun 2004 semasa laporan ini disediakan, Tan Sri Wan Zahid sesungguhnya telah pun menyediakan laman *web*nya untuk mempelawa pelbagai cadangan, teguran dan pandangan dari orang ramai. I

Itu pun satu fakta yang tidak dapat dinafikan dan sedemikian juga laporan sekarang ini, laporan yang diedarkan kepada para Ahli Parlimen, itu pun seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri, ianya adalah terbuka untuk diberi pandangan dan cadangan oleh para Ahli Yang Berhormat dan itulah sebabnya walaupun Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkitkan beberapa perkara yang ada kaitannya dengan Laporan Wan Zahid itu, saya rasa hari ini sebab ianya sememangnya terpesong daripada apa yang terkandung dalam perbelanjaan tambahan kali ini, maka saya memilih tidak jawab dalam penggulungan saya.

Walaupun demikian saya tidak mempertikaikan peri pentingnya pandangan dan cadangan dari pelbagai pihak termasuk juga Ketua Pembangkang kita, khususnya butir-butir yang dibangkitkan tadi. Jadi saya tidak jawab satu demi satu tetapi....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Tetapi saya kira ada peluangnya dan juga ada platformnya yang wajar. Tuan Pengerusi, sesungguhnya perbelanjaan tambahan kali ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum masuk yang lain, bolehkah? Saya ada tanya satu pertanyaan yang spesifik sama ada laporan ini akan diadakan di atas *web* oleh kerana bukan sahaja untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi untuk semua yang berminta dalam perkara ini supaya ada satu penglibatan yang seluas-luasnya semua *stakeholder* dalam perkara ini.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, itu sememangnya satu cadangan yang baik dan saya rasa laman *web* itu sebenarnya memang wujud. Apa yang penting itu adalah ianya patutlah dipamerkan untuk tatapan semua pihak. Itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, sebenarnya perbelanjaan tambahan kali ini yang berjumlah RM250 juta itu sememangnya untuk membiayai projek-projek pembangunan fiskal yang melibatkan IPTA-IPTA, umpamanya UPM, UKM, UTM, UiTM, UIA, UUM, UNIMAS, UMS, KUSTEM dan KUITTHO...

Tuan Pengerusi: Semua yang ada di sini.

Datuk Ong Tee Keat: Ya. Saya hendak huraikan selanjutnya. Universiti-universiti yang tidak terangkum dalam perbelanjaan tambahan kali ini tidak bermakna bahawa universiti yang berkenaan tidak mempunyai sebarang keperluan. Ini saya hendak jelaskan.

Tuan Pengerusi, beralih kepada teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, iaitu butiran-butiran yang terperinci mengenai projek-projek pembangunan itu sebenarnya ianya tidak disenaraikan satu demi satu, saya kira ini semata-mata disebabkan oleh projek-projek yang berkenaan banyaknya melibatkan perbelanjaan *progress payment*, dengan izin. Sukalah saya maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa pada pengetahuan saya, projek-projek yang dimaksudkan itu setakat ini tidak ada mana-mana satu yang dirangkumi sebagai "projek sakit". Ini yang saya hendak maklumkan Yang Berhormat tetapi tidak ada sesiapa pun tadi yang tunjuk minat tentang perjalanan ataupun perkembangan projek-projek itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jikalau ada dibangkitkan perkara-perkara yang tidak berkenaan, tidak payah jawab.

Datuk Ong Tee Keat: Okey, baik.

Tuan Pengerusi: Kalau Yang Berhormat jawab, Yang Berhormat akan membuka kepada soalan yang lain pula.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum Yang Berhormat beralih. Kita tahu itu *progress payment*, tetapi *progress payment* untuk apa? Kita tidak patutlah datang ke Dewan ini untuk meminta satu *blank cheque*. *Progress payment*, ya tahu, *progress payment* untuk apa? Dan sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju oleh kerana sekarang kita tidak tahu apa maksud semua peruntukan ini.

[Datuk Lim Si Cheng *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Ong Tee Keat: Ya, sebenarnya Yang Berhormat, sabar sebab saya belum lagi habiskan ayat saya. Sebenarnya apa yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Tumpat tetap saya akan bawa kepada perhatian pihak yang berkenaan.

Tetapi sukalah saya menyentuh serba sedikit tentang teguran Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, iaitu rupa-rupanya PTPTN diabaikan kerana ianya tidak terangkum dalam perbelanjaan tambahan kali ini. Ini satu pandangan yang saya kira tidak berasas kerana PTPTN walaupun tidak terangkum dalam senarai perbelanjaan tambahan kali ini, tetapi ianya tetap berfungsi seperti sedia kala dan tahun ini pun dijangka ianya akan dapat membantu tidak kurang daripada 120 ribu orang pelajar di bawah pinjaman PTPTN.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani menyentuh tentang peri pentingnya R&D di IPTA. Sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya kerja R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan tetap dijalankan dalam semua IPTA kita dan setakat ini mulai tahun 2001 hingga 2005, jumlah produk hasilan R&D dari kalangan IPTA kita sudah pun menjangkau 71 yang dikomersialkan.

Walaupun angka ini tetap mempunyai ruang yang cukup besar untuk kita membangunkan lagi tetapi sukalah saya menegaskan di sini bahawa apa yang masih kita kekurangan pada peringkat ini adalah usaha kita dan strategi kita untuk memperdagangkan produk-produk R&D yang dihasilkan oleh pelbagai IPTA kita. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Yang Berhormat bagi Kuala Sebangor menyentuh tentang Kolej Komuniti walaupun Kolej Komuniti tiada mana-mana Kolej Komuniti yang terangkum dalam senarai perbelanjaan tambahan kali ini di bawah kementerian saya tetapi sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat berdua atas keprihatinan mereka berdua terhadap pembangunan Kolej Komuniti yang saya kira bukan sahaja dapat menampung keperluan anak-anak watan kita khususnya di kalangan anak-anak remaja kita yang semakin meningkat bahkan ianya juga merupakan satu-satunya dimensi yang penting dalam pembangunan-pembangunan Pengajian Tinggi kita.

Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan satu kes yang spesifik yang berkaitan dengan aduan seorang pelajar UUM keturunan India. Sukalah saya menjemput Yang Berhormat bagi Batu Gajah memberikan saya butir-butir yang berkenaan agar ianya dapat ditangani dengan seelok mungkin. Sesungguhnya kes-kes sedemikian rupa tidak semestinya Yang Berhormat bagi Batu Gajah tunggu hingga ke saat ini bila Yang Berhormat dapat berbahas dalam perbelanjaan tambahan barulah suarakan kes sedemikian rupa kepada pihak kementerian. Saya rasa Yang Berhormat sesungguhnya boleh membangkitkannya bila-bila masa sahaja kepada pihak kementerian ataupun kepada saya sendiri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Minta maaf kerana sudah masuk tajuk lain cuma saya tadi saya minta sambungan tadi. Selain daripada R&D saya juga membangkitkan mengenai dengan penerbitan. Lanjutan daripada itu apa yang saya maksudkan apakah daripada pihak kementerian ingin mengadakan juga peruntukan khas bagi menghidupkan penerbitan tiap-tiap buah universiti itu supaya mereka dapat menghasilkan apakah pendapat-pendapat penyelidikan dan sebagainya. Ini kerana saya lihat di sini kita lihat Universiti Kebangsaan sahaja yang begitu terkedepan termasuk UPM kalau tak silap saya. Tetapi universiti-universiti yang lain tidak ada apa benda yang dihebah mungkin tidak dihebah itu maksud saya.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, menjawab soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani ada dua sememangnya ada dua perkara di sini yang saya lupa hendak sebutkan. Yang pertamanya penerbitan seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dan itu pun kita bukan sahaja akan ambil perhatian tentang apa yang dibangkitkan supaya kelemahan yang ada jika wujud dapat diatasi malahan ianya malahan persoalan mengenai *staffing* dengan izin di IPTA kita supaya mereka ini dapat dilanjutkan hak umur khidmatnya suka saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa seperti mana yang pernah dimaklumkan pada Dewan yang mulia ini pihak kerajaan sedang mengkaji ura-ura mengenai kemungkinan melanjutkan had umur bagi tenaga pensyarah kita di IPTA.

Tetapi setakat ini belum ada lagi sebarang kata putus, dan buat ketika ini mengikut apa yang sistem sedia ada para tenaga pensyarah kita sememangnya perkhidmatan tertakluk kepada skim yang sama seperti kakitangan-kakitangan kerajaan yang lain yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walaupun demikian, terdapat juga kes-kes di mana tenaga pensyarah ataupun tenaga akademik kita dapat diberi lanjutan tempoh khidmatnya secara kontrak. Itu pun pernah saya dan Yang Berhormat Menteri jawab dalam Dewan yang mulia ini dan tempoh lanjutan yang saya maksudkan itu biasanya tidak melebihi 10 tahun maksimum, yang paling lama 10 tahun.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang kemudahan asas di sesetengah kampus. Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa sejumlah RM13.6 bilion telah pun diperuntukkan untuk IPTA-IPTA kita agar dapat menambah dan menaiktarafkan kemudahan dan prasarana dalam kampus IPTA kita di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ampang menyentuh tentang hutang kerajaan kepada Universiti Malaya universiti yang tertua di bumi negara kita walaupun Universiti Malaya tidak terangkum dalam senarai perbelanjaan tambahan kali ini suka saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ampang bahawa sekiranya pihak IPTA termasuk juga UM Universiti Malaya menggunakan wang rizab ini maka pembayaran balik akan dibuat kemudian.

Saya berharap Yang Berhormat sedia maklum ini. Walau bagaimanapun sekiranya IPTA menggunakan peruntukan yang sedia ada dan ianya tidak mencukupi maka permohonan untuk peruntukan tambahan boleh dipohon tetapi tertakluk kepada kelulusan-kelulusan oleh kerajaan dan tidak semestinya semua permohonan itu dapat diluluskan. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang fenomena '*pitching*' yang sering berlaku di kalangan tenaga akademik di IPTA kita, sukalah saya maklumkan Yang Berhormat bahawa pada peringkat ini setiap IPTA itu mempunyai skim kenaikan pangkatnya sendiri dan ini telah pun menimbulkan keadaan seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat dan untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian tengah berusaha untuk mengkaji kemungkinan bagi menyeragamkan skim-skim yang berkenaan supaya fenomena '*pitching*' dengan izin yang dimaksudkan itu dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebutkan tadi disebabkan oleh adanya beberapa teguran yang saya kira tiada hubung kait secara langsung dengan Perbelanjaan Tambahan kali ini, walaupun ianya terpesong tetapi saya janji bahawa semua butiran yang berkenaan yang dibangkitkan itu tetap akan kami berikan jawapan dan maklumat yang dipohon.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Pengerusi, minta laluan.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Kelewatan pelantikan VC ini penting, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya dapat penjelasan kenapa ada kelewatan, adakah tidak ada yang layak dan sebagainya. Ini amat penting, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya itu pun dikira sesuatu yang cukup penting, bukan tidak penting tetapi seperti mana yang pernah dijawab oleh Yang Berhormat Datuk Menteri sendiri dalam Dewan yang mulia ini, pelantikan Naib Canselor Universiti Malaya sebenarnya bukanlah sesuatu yang perlu kita gopoh-gapahkan, dan itu pun telah kita laksanakan dengan menerusi satu *Search Committee*, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum.

Dan, itu pun satu-satunya yang saya kira tidak pernah dibuat sebelum ini. Ini kerana *Search Committee* ini tetap merupakan sesuatu yang pihak kementerian pernah janji dan kami kotakan janji itu dan ianya tetap perlu ambil masa yang memadai untuk membuat keputusan. Dan, itulah sebabnya terpaksa kita sabar bila pelantikan Naib Canselor itu kita buat ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Datuk Ong Tee Keat: ... setelah pelbagai pihak menwar-warkannya tanpa kesabaran tetapi saya kira...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit sahaja, saya hendak mencelah mengenai dengan pelantikan Naib Canselor tadi. Saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pelantikan VC Universiti Malaya berdasarkan kepada *Search Committee*. Perkara ini telah pun dibangkitkan banyak kali tetapi tidak pernah diambil kira oleh pihak kementerian Yang Berhormat. Oleh yang demikian, ingin saya tahu juga lanjutan daripada itu? *Search Committee* itu, apakah pada masa yang akan datang formulanya yang sama akan diguna pakai di universiti-universiti ataupun IPTA-IPTA yang lain.

Dan, kalau pun dapat saya kemukakan cadangan saya di sini, *Search Committee* itu hendaklah orang-orang yang berwibawa. Bukan saya mempertikaikan kewibawaan sesetengah daripada ahli itu. Maksud saya mengapa tidak ia diperluaskan daripada ahli-ahli yang betul-betul ahli, yang mana kita hendak cari Naib Canselor itu bukan sahaja Naib Canselor yang berwibawa dalam bidang akademiknya, dia juga mempunyai pengalaman-pengalaman yang tertentu. Itu yang saya ini. Jadi, dapatkah Yang Berhormat nyatakan kepada Dewan yang mulia ini, pada masa yang akan datang. Apakah formula yang sama akan dilakukan kepada setiap IPTA yang ada pada hari ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya ingat dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku semasa merasmikan persidangan Parlimen ini, kemudian di peringkat pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, termasuk hari ini menteri sudah banyak jawab perkara yang sama, Yang Berhormat, yang telah dibangkitkan dalam peringkat Kementerian Pengajian Tinggi ini. Saya tidak nampaklah kalau kita perlu memperjelaskan lagi. Mungkin Yang Berhormat boleh beri secara bertulis atau apa yang menjimatkan masa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, saya ingat boleh gulung.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, biar saya jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi. Sebenarnya, *Search Committee* yang dimaksudkan itu buat kali yang pertama kita laksanakan dan saya berharap sebarang kelemahan jika ada dapat kita atasi dan saya suka maklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa konsep *Search Committee* ini akan kita kaji setakat mana ianya akan dapat diamalkan untuk pelantikan Naib Canselor ataupun Rektor bagi IPTA-IPTA yang lain.

Yang Berhormat bagi Parit, saya lupa satu, Tuan Pengerusi, akhir sekali. Yang Berhormat bagi Parit juga membangkitkan tentang pelantikan Rektor UIA. Sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Perlembagaan UIA ini sebenarnya tidak tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), dan kuasa pelantikannya itu terletak pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Itulah sebabnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi tidak campur tangan dalam pelantikan Rektor ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM250,000,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM250,000,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

Maksud B. 60 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.60 – Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

6.48 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ada sedikit sahaja untuk membahaskan tentang Maksud B.60, iaitu perkara pertama, sebanyak RM190 ribu untuk membiayai tambahan perbelanjaan tentang program PLKN.

Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa pertemuan kami dalam lawatan kunjung hormat kepada PLKN, kami telah membangkitkan masalah tentang penglibatan nama Nik Adli di dalam modul yang digunakan dalam modul-modul yang diaplikasikan kepada peserta PLKN, dan pihak PLKN telah membuat satu kenyataan pada hari tersebut bahawa nama tersebut akan ditarik balik daripada digunakan dalam modul tersebut. Jadi, pada hari ini saya berdiri untuk mendapat satu kepastian sama ada nama tersebut telah pun ditarik balik ataupun sedang dalam proses untuk ditarik balik.

Yang keduanya, saya ingin juga memperingatkan kepada pihak pengurusan PLKN bahawa setakat yang pada hari ini terdapat lebih kurang 19 kes-kes yang melibatkan kematian, rogol, gangguan seksual, pergaduhan dan juga kes-kes yang melibatkan jenayah yang berlaku dalam program PLKN. Tuan Pengerusi, kita mengakui bahawa kematian ataupun pergaduhan ataupun perogolan ini boleh berlaku di mana-mana, tetapi amat malanglah sekiranya anak yang kita hantar itu mati ataupun menerima satu akibat yang sangat menyedihkan apabila berlaku dalam program PLKN.

Suka sebagai akhirnya saya menyatakan untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa seorang peserta yang telah dirogol baru-baru ini, walaupun kesnya telah pun diberikan keputusan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu tetapi dia ada menulis surat kepada saya bahawa walaupun sekarang dia bekerja sebagai seorang guru sementara tetapi dia disindir, kadang-kadang diejek oleh kerana dia telah dirogol. Ini adalah satu kesan yang sangat kita sedih, yang insya-Allah, pada saya tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

6.52 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya mengambil bahagian dalam perkara yang saya bangkitkan di sini. Pertamaanya ialah berkenaan dengan PLKN, saya mahu dapat jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pusat-pusat PLKN yang lain adalah selamat sebab kebimbangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat ini di mana baru-baru ini berlakunya kematian di Johor amat menyedihkan kita. Kita merasa perkara itu tidak seharusnya berlaku tetapi ia berlaku juga. Jadi saya hendak dapat apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian bagi menjamin keselamatan di pusat-pusat PLKN ini.

Mengenai perkara yang lain ialah saya juga dapati dalam hal ini Kementerian Pertahanan, kita bercakap baru-baru ini mengenai dengan senjata yang kita lengkapkan dengan senjata yang termoden dan segala macam peralatan. Cuma apa yang saya hendak tanyakan di sini, apakah program-program latihan yang telah kita susuli di peringkat bawah sehinggalah ke atas. Maksud saya begini, adakah pegawai-pegawai kita itu dihantar dengan bermacam-macam latihan yang boleh kita katakan yang termoden sekali, sehingga boleh dikatakan pihak pegawai di atas semuanya boleh menggunakan ICT dengan pantas dan baik sekali.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga yang ada di sini iaitu mengapa tidak kita dapatkan *manpower* kita yang terlatih - dahulu saya tidak bangkit tetapi saya hendak bangkitkan sekali lagi iaitu program *Royal Military College* (RMC) supaya ia diperluaskan dijadikan dua atau tiga lagi RMC di seluruh tanah air kita. Jadi kita boleh ambil juga pengambilan daripada ramai anak-anak muda kita yang berkelayakan.

Di peringkat kedua ialah *staff college* kita apakah ia akan dinaikkan taraf sehingga ia menjadi setaraf dengan Sandhurst ataupun WestPoint yang terhadap di Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

6.56 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.60 Bab ketiga itu RM407 juta telah diminta untuk bayaran emolumen dan bayaran imbuhan tahun 2005. Cuma satu soalan, di kawasan saya ada satu kawasan bernama Paya Terbakar, Sungai Puyu, Seberang Prai, Butterworth, beberapa orang pegawai dari Tentera Udara Malaysia (TUDM) iaitu di Teluk Ayer Tawar telah datang ke kampung tersebut untuk bertanya kepada penduduk-penduduk di kampung tersebut, kononnya rumah-rumah setinggian ini telah mencero bohi kawasan atau tanah milik Kementerian Pertahanan atau *reserve* untuk pangkalan lapangan terbang TUDM.

Saya menanya kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut sama ada sebarang surat rasmi atau kenyataan-kenyataan diberi oleh pegawai-pegawai TUDM, mereka kata tiada. Mereka cuma datang dengan ketua-ketua kampung kata kononnya hendak mengosongkan tapak tersebut. Saya minta satu penjelasan sama ada perkara ini betul, tulen atau ada orang hendak mengambil kesempatan hanya untuk menakut-nakutkan penduduk-penduduk kampung demi untuk kepentingan tertentu.

Saya tidak ada saluran untuk menghubungi komandan kem berkenaan kerana saya tidak tahu siapa komandannya dan saya tidak ada nombor telefon. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu saya berkenaan dengan pertanyaan, saya menerima dengan ucapan terima kasih. Sekiranya Yang Berhormat tidak boleh memberi jawapan kepada persoalan saya, maka saya mintalah supaya saya diberi nama komandan kem dan nombor telefon supaya saya sendiri boleh berhubung dengan komandan kem untuk mengesahkan sama ada sah, tulen atau tidak kepada perkara yang saya bangkitkan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi Yang Berhormat? Baiklah, Batu Gajah selepas itu Timbalan Menteri jawab.

7.06 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada permohonan untuk peruntukan tambahan membiayai perbelanjaan Program Latihan Khidmat Negara B.60. Saya hendak tahu dengan tepat dan jelas maklumat yang mendalam apakah tujuan tambahan ini, untuk bayaran apakah sebenarnya jumlah yang dipohon untuk diluluskan?

Sejak implementasi program ini, saya hendak tahu berapakah perbelanjaan telah digunakan? Sebelum ini apabila Rang Undang-Undang dibentangkan untuk Program Latihan Khidmat Negara, ahli-ahli dalam Dewan diberitahu setiap tahun memerlukan RM500 juta dan sekarang dengan pertambahan kem sebanyak 76 kem yang sedia ada dan juga modul tambahan iaitu penggunaan senjata api yang dilaporkan dalam surat khabar, saya hendak tahu berapakah jumlah tambahan perbelanjaan untuk menjalani program ini bagi setiap tahun memandangkan penggunaan senjata api ini akan dilaksanakan bagi sesi yang akan datang. Apakah langkah-langkah keselamatan dalam tambahan bagi menjalani program ini.

Adalah amat malang - saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, nyawa adik Haziq Jaafar boleh diselamatkan. "*Ada budak nak pukul Aziq malam ini*", inilah SMS terakhir budak ini. Mengapakah jurulatih tidak mengetahui apa yang sedang berlaku di dalam kem? Mengapakah pelatih-pelatih ini tidak berjumpa dengan jurulatih walaupun mereka mengetahui nyawa mereka atau fizikal mereka akan dcederakan?

Jadi aspek ini saya mohon satu jawapan daripada pihak kementerian dan juga disiplin jurulatih. Laporan mengatakan 60 orang jurulatih akan direhatkan. Apakah dengan dibatalkan perkhidmatan mereka, itu sahaja? Tiada apa-apa tindakan lain yang akan diambil kepada jurulatih yang melanggar disiplin. Tuan Pengerusi, ada orang kata, kalau orang dewasa buat salah mereka boleh lepas. Kalau budak yang buat salah mereka akan dipukul dan dirotan, kena ambil tindakan disiplin. Tetapi jurulatih yang 60 orang ini bagaimana?

Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya agak kecewa dengan kenyataan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menjawab soalan dalam Dewan hari itu mengatakan kejadian kematian adik Haziq Jaafar adalah satu kejadian kecil. Sebenarnya saya amat kecewa kerana kita tidak boleh melihatnya sebagai satu perkara *isolated*.

Kesihatan - penyakit misteri yang berlaku di Kem Alor Gajah, apakah jaminan bahawa ia tidak akan berlaku lagi. Kita boleh baca kelmarin surat khabar melaporkan, "Sekarang kami akan melawat kem-kem, tengok keadaan apakah ia memenuhi *star rating* kami." Sebenarnya *star rating* telah dimulakan pada tahun lalu, mengapa apabila berlaku banyak hal dalam kem baru kata kita hendak tengok sama ada kemudahan, keselamatan, *operational stand up* ada dipatuhi? Apakah sebab kalau tidak berlaku leka - saya tidak kata 'tidak pergi memeriksa', leka, apakah ini sikap - dan saya boleh tengok biasanya pimpinan Barisan Nasional bila berlaku mereka kata mereka prihatin ambil tindakan. Sakit kepala ubat kepala, sakit kaki ubat kaki, tapi bukan untuk mengambil langkah-langkah mencegahnya daripada berlaku. Semuanya *food poisoning*.

Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau sakit kepala memang bagi ubat sakit kepalalah tak kan ubat kaki.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, memang benar. Tetapi kadang-kadang kalau kita sentiasa jaga kesihatan boleh elak dari jatuh sakit dan perkara *food poisoning*, bukan kali pertama, insiden pertama yang berlaku, pernah berlaku di Nibong Tebal. Kekotoran, jangan lepas berlaku insiden, wah Menteri Besar semua pergi tengok, wah, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, "Oh, jangan risau, tenang".

Tetapi semua ini tiga nyawa budak, adik Awang, T. Saravanan boleh diselamatkan, boleh dielakkan. Jadi ibu bapa kata kita hantar anak hidup-hidup, tetapi balik terima mayat. Apa perasaan kita semua? Awal-awal lagi DAP kata, jangan tergesa-gesa

menjalankan Program Latihan Khidmat Negara dan kita melihat pelbagai masalah infrastruktur, masalah kemudahan, masalah air perkara paling asas, perkara keselamatan boleh dielakkan.

Jadi saya akhirnya pohon pihak kementerian, budak yang terlibat telah didakwa di mahkamah semalam, pelatih ini berumur 17 tahun dan saya kata beliau boleh dielak untuk dituduh di mahkamah kalau kejadian pergaduhan boleh dielakkan, jika juru latih sensitif dan mengetahui apa yang berlaku, dan dengan ini saya ingin tahu apakah punca kejadian yang telah berlaku dan meragut nyawa adik Haziq. Setiap kali apabila ada laporan media pergaduhan, cepat-cepat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: kemudian kata puncanya tidak ada kaitan isu perkauman, tetapi kami hendak tahu sekarang seorang pelatih telah didakwa di mahkamah dituduh, apakah punca sebenarnya pergaduhan itu. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

7.11 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang telah bincang mengenai peruntukan tambahan daripada Kementerian Pertahanan ini. Saya ucapkan terima kasih atas perkara yang dibangkitkan iaitu tentang RM180 juta untuk PLKN, dan dia tidak ada bangkit berkenaan bayaran tambahan. Tetapi, saya ingin menerangkan pada keseluruhannya. Peruntukan yang dinyatakan ini ialah sebanyak RM681.7 juta, tentang tiga perkara iaitu anjakan gaji dan bonus RM407.4 juta, rangsum dan minyak RM84.3 juta dan peruntukan PLKN sebanyak RM197 juta. Jumlahnya RM681.7 juta. Perbelanjaan ini adalah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi tahun lepas.

Umumnya kita ketahui, bahawa kenaikan gaji dan bonus kita terima dengan cadangan dan kelulusan yang telah dikemukakan oleh Bahagian Kementerian Kewangan atas tuntutan, dan perbelanjaan kenaikan harga minyak yang kita sendiri pun telah bincang, telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang masalah kenaikan minyak dan semua rakyat telah mengetahui dan bercakap mengenai ini. Ini yang berjumlah lebih kurang RM48 juta dan makan makanan yang diberi kepada kakitangan, anggota tentera yang membuat operasi dan kakitangan tentera bujang yang tinggal di kem masing-masing.

Bagi PLKN, kita jangan rasa bahawa ini adalah tambahan yang agak mendadak, kerana kita juga di dalam Dewan ini meminta supaya bilangan peserta ini dinaikkan daripada 85 ribu kepada 95 ribu dan oleh itu perbelanjaan juga mesti dinaikkan kerana semua yang terlibat dengan program ini kita beri bayaran.

Kalau 85 ribu peserta, kita bayar kali seratus, kalau 95 ribu pun kali seratus, itu elaun dan oleh sebab penambahan peserta sudah tentu terjadinya penambahan bilangan harga makan. Di Semenanjung RM16, di Sabah Sarawak RM20 satu kepala, walaupun kita melihat bahawa terdapat 76 kem bagaimana dalam 76 kem ini perbelanjaan boleh bertambah pasal bilangan peserta bertambah dan makanan pun bertambah, pakaianya pun bertambah, elaunnya pun bertambah. Ini adalah kenyataan yang ternyata sekali, yang patut kita jadikan itu sebagai satu perkara yang telah diterima oleh semua yang terlibat dalam perbelanjaan telah pun merasai nikmatnya.

Mengenai kes yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang kes kematian dan rogol. Rogol satu perkara yang biasanya telah terjadi kita mengambil tindakan, kalau ianya terlibat dengan pegawai dan pegawai ini ialah pegawai tentera tindakan disiplin telah diambil dan kalau ianya terlibat dengan anggota peserta sendiri, maka hukuman dan kalau ianya perlu kepada satu perbincangan dan satu penyelesaian kita lakukan dengan keluarga dan orang-orang yang terlibat.

Tetapi tentang kematian seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, hanya baru satu kematian yang berlaku di dalam kem dan saya masih ingat saya tidak mengatakan kematian di dalam kem di Kluang ini satu isu yang kecil, tetapi saya mengatakan ini satu perselisihan kecil, kejadian kematian ini kecil. Saya rasa, saya tidak kata ini satu kejadian yang kecil, tetapi saya kata ini pergaduhan kecil, perselisihan kecil antara dua peserta.

Saya mengatakan ini bukan kerana tentang kaum di antara orang India dan orang Melayu, ini jangan disalah faham ataupun jangan disalah dengar. Saya yakin saya tidak mengatakan kejadian kematian ini kecil, sebab dengan secepat mungkin pegawai-pegawai di kem yang berkenaan telah membuat siasatan dan mengambil tindakan, memanggil, membawa, menyusun dan terus berjumpa dengan keluarga pada malam yang berkenaan setelah kita mengetahui yang benar atas keputusan siasatan yang dibuat oleh doktor tentang sebab-sebab berlakunya kematian ini dan polis juga telah membuat penyiasatan yang berikut.

Saya telah menjawab perkara ini dalam Dewan dalam soalan yang telah dikemukakan, kalau tidak salah saya pada minggu lepas. Jadi dalam soal kematian ini kita juga telah membuat satu arahan dan sememangnya arahan ini berterusan.

Semua pegawai mestilah prihatin dan kali ini kita mahu bahawa pegawai kita di dalam kem apabila melihat terdapat kumpulan 3, 4, 5 orang agak mencurigakan, pegawai mestilah mendekati mereka ini dan kita telah memberi arahan tidak ada peserta-peserta boleh berkumpul di tempat yang tidak dibenarkan.

Kejadian di Kem Kluang ini tidak mereka berkumpul di tempat yang tidak dibenarkan. Kejadian ini ialah di dalam dewan televisyen dan kedua-dua ini datang daripada luar sambil sindir menyindir, kawan-kawan yang lain yang memerhatikan perselisihan faham ini tidak sempat untuk memisahkan agak lebih jauh. Dalam tempoh beberapa minit sahaja, apabila yang Hazif ini jatuh, peserta lain telah menendang.

Ternyata bahawa tidak ada ternampak persediaan satu di antara lain untuk membuat pergaduhan yang serius. Tidak ada senjata yang dibawa tidak ada kayu yang dibawa. Saya percaya mungkin kedua-duanya pun tidak berhajat untuk bergaduh dengan lebih kuat sehingga hendak menentukan satu di antaranya mesti mati. Dengan sebab itulah saya mengatakan bahawa saksi yang telah melihat lebih kurang 9 hingga 10 orang mengatakan bahawa mereka tidak sempat untuk meleraikan.

Kejadian ini berlaku lebih kurang sembilan kaki jaraknya kumpulan ini melihat televisyen, terkam pergi ke belakang untuk selisihkan faham ini dan terdapat tendangan yang dibuat oleh seorang yang lain. Dan oleh sebab tendangan ini kuat maka terpaksa di bawa ke hospital untuk menyelamatkannya.

Tetapi setelah penyiasatan pengesahan yang dibuat oleh doktor bahawa Hazif meninggal dunia kerana kecacatan atas tendangan ini. Dia tidak tendang di perut tetapi dia tendang di tengkuk. Itu.. kalau orang mengatakan bahawa kenapa kita beritahu lewat kerana memanglah pegawai kita mesti mendapat pengesahan daripada doktor dahulu, sama dia ini mati atau dia hanya pengsan. Tidak boleh hendak beritahu kepada keluarga dia mati sebelum kita mendapat pengesahan daripada doktor. Keluarganya tidak tinggal di Kluang. Keluarganya tinggal di Kota Tinggi yang memakan masa lebih dari satu jam perjalanan dari Kem Kluang ke rumah keluarganya di Kota Tinggi.

Keprihatinan kita di kementerian, saya sendiri telah turun melihat di kem ini iaitu di tempat kejadian berjumpa dengan kawan-kawan yang menyaksikan kejadian ini. Pergi ke rumah ibu bapa budak ini dan menerangkan kejadian ini. Ibu bapanya pun menerima atas penerangan yang saya berikan bersama-sama dengan OCPD Daerah Kluang yang mengambil kes tentang perkara ini. Dan semua kes ini disiasat, diselidik oleh polis dan pihak polis membawa kes ini untuk membuat keputusan mahkamah. Kita menyerahkan semua ini atas keputusan mahkamah. Saya ingin menjelaskan, tidak ada dalam hasrat kita untuk melihat anak-anak ataupun peserta-peserta PLKN yang kita bawa ke dalam kem untuk menerima bicara yang buruk ini.

Daripada segi indoktrinasi kesedaran, daripada segi secara moral dan agama, kita memberi semua perkara-perkara ini dan pegawai-pegawai yang menjalankan salah laku kita ambil tindakan. Ada yang kita tidak pilih kalau kita mengetahui bahawa mereka ada mempunyai *character* yang tidak baik. Ini kita tegaskan dan Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan menekankan dalam Post Kabinet selepas daripada kejadian itu bahawa kita akan memperketatkan lagi pemantauan anak-anak kita dalam semua kem latihan di Pusat Latihan Khidmat Negara, menandakan bahawa kita *serious* dalam menentukan ini.

Dalam perjalanan pergi dan balik daripada kem pun disusun oleh pihak PLKN supaya perjalanan mereka juga selamat. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kita memang berhajat yang baik, bercita-cita yang sempurna, luar daripada dugaan seperti apa yang telah berlaku kepada Hazif ini. Kawan-kawan yang memerhatikan pun tidak menyangka bahawa dengan satu tendangan ini Hazif boleh membawa kejadian mati.

Kita akan menentukan bahawa tidak ada masa depan sebarang kejadian tumbuk menumbuk ataupun bergaduh di antara satu sama lain dan sudah tentulah kalau perkara ini berlaku, kita akan meminta pihak polis mengambil tindakan kepada yang terlibat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, adakah kementerian pada masa yang akan datang, oleh kerana pemilihan peserta PLKN ini secara rambang, adakah kementerian akan demikian langkah-langkah pencegahan supaya kementerian juga menyemak rekod-rekod peserta ini berdasarkan kepada disiplin mereka di sekolah.

Kita tidak tahu kalau secara rambang kita tidak tahu sama ada murid ini ada rekod disiplin di sekolah ataupun mereka memiliki rekod jenayah ataupun pernah ditahan ataupun diberikan nasihat oleh pihak keselamatan. Adakah pada masa yang akan datang pihak kementerian akan mengambil langkah-langkah tersebut. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak menjadikan itu sebagai suatu faktor awal tetapi penyiasatan kepada individu ini kita dapat daripada sekolah-sekolah yang berkenaan. Tetapi apabila pelajar ini melakukan kerja-kerja yang tidak baik di luar daripada sekolah, mungkin pihak sekolah tidak mengetahui. Tetapi sekiranya kita merujuk keseluruhan ini kepada pihak polis, polis akan memaklumkan kepada kita.

Sepanjang yang kita ketahui pelatih-pelatih yang kita masukkan ini adalah yang bersih daripada penyiasatan awal dan kita dengan izin *indoctrinate* perangai mereka ini supaya mereka tidak melakukan perkara yang tidak baik. Tetapi saya juga tidak dapat mengelak atas kemampuan peribadi masing-masing yang menjadikan mereka lebih ghairah, lebih gian, lebih galak apabila mereka mengetahui kebolehan mereka. Sebagai contoh kebolehan dalam *sports*, kebolehan dalam mempertahankan diri, kebolehan dalam menyanyi, kebolehan dalam drama dan kebolehan bercakap.

Orang Melayu bercakap bahasa Tamil, orang Tamil bercakap bahasa Cina jadi kita hanya boleh mengetahui apabila kejadian ini berlaku. Tetapi kita nasihatkan sebelum ia berlaku dan saya telah katakan tadi bahawa nasihat dan penegasan tentang peraturan ini akan kita cambah, kita bisik, kita beri tahu kepada anak-anak pelapis apabila mereka masuk di dalam kem kita.

Insyallah kita akan teruskan pengawasan dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada mengetahui mana-mana pelatih yang telah kita pilih, Yang Berhormat mengetahui *character* nya, peribadinya agak cacat yang pihak pentadbiran PLKN dan pihak kementerian tidak mengetahui Yang Berhormat boleh sampaikan kepada kita, kita akan minta laporan daripada pihak polis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa agak anehlah kalau untuk tujuan objektif PLKN adalah untuk pembentukan perwatakan tetapi di sini kita diminta ada cacat itu dimaklumkan. Saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini boleh maklumkan apakah puncanya sebenarnya yang menimbulkan kejadian malang tersebut. Yang Berhormat kata ia kerana sindiran tetapi saya baca dalam laporan akhbar ia kerana sebatang rokok.

Jika betul, bukankah ini menunjukkan langkah keselamatan yang sedia ada di dalam kem agak longgar sebab sebelum ini dua tahun yang lepas saya masih ingat di Teluk Rubiah jika benar pergaduhan berlaku kerana rokok. Dan saya pernah menerima aduan jurulatih sendiri juga merokok dalam kem-kem. Jadi, adakah benar punca kerana rokok. Kalau itu benar saya rasa amat sedihlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Bagan Datok boleh mendengar laporan itu dan saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bukan Bagan Datok.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Batu Gajah mendengar laporan itu dari akhbar. Saya pun ada dengar laporan itu tetapi hendak bertanya kepada si mati, si mati tidak boleh ditanya lagi. Kalau kata Yang Berhormat tadi bahawa terdapat dalam SMS telah dimaklumkan kepada saudaranya tetapi si mati juga tidak memaklumkan kepada kawannya, kepada jurulatih ataupun pegawainya.

Jadi keseluruhannya semua tidak tahu. Fasal rokok pun tidak tahu dan memang tidak yang katakan kerana fasal rokok. Kalau fasal rokok mesti ada rokok. Rokok di dalam poket ataupun rokok yang dihisap rokok yang dipegang tetapi waktu mati tidak ada rokok. Jadi, saya tidak boleh menerima itu sebagai satu kenyataan dan tambah lagi kes itu juga kalau disebut dalam mahkamah, mesti ada pihak polis yang boleh membuktikan terdapat bukti bahawa sebab rokok inilah maka terjadi pergaduhan itu.

Tetapi ini dengan izin Tuan Pengerusi *hear say*. Boleh tak *hear say* ini dikemukakan dalam Mahkamah ataupun dijadikan sebagai satu asas. Kita hendak memaklumkan dan kita beritahu bahawa kita tidak membenarkan rokok dibawa masuk seperti juga kita tidak membenarkan dadah masuk ke dalam negara kita. Kita tidak membenarkan orang-orang China minum samsu haram tetapi terdapat juga samsu haram walau kita sekat macam mana sekalipun ia terdapat. Kita akan menyekat lebih kuat lagi dan kita telah maklumkan kepada keluarga jangan benarkan anak-anak bawa rokok, ibu bapa jangan bawa rokok, kawan-kawan jangan bawa rokok. Pada kali ini kita ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini baru pasal rokok sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, sebab banyak.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Jadi tentang kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pasal Nik Adli ini, pihak PLKN telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat ayahandanya dan kita telah menyatakan contoh ini tidak boleh dipakai kalau ia dipakai. Kita harap pada masa hadapan nama orang-orang tertentu, gambar orang-orang tertentu jangan dijadikan satu contoh satu bukti sebelum kita mendapat kebenaran dari pihak polis atau keluarganya sendiri. Kita harap kita telah memuaskan hati kepada ayahanda yang bercakap dengan kes ini dan *insya-Allah* kalau ia belum selesai saya berjanji dengan Yang Berhormat bahawa saya sendiri akan turun bercakap dengan ayahanda peserta ini pada masa yang akan datang.

Kemudian daripada Yang Berhormat Sungai Petani, tentang adakah selamat saya sudah beritahu selamat. Sebenarnya semua ibu bapa rasa selamat sebab itu apabila kita panggil pada sesi yang kedua ini, semua ibu bapa tidak ada bantahan bahkan kita sudah bersedia untuk mengambil permohonan-permohonan di luar daripada jemputan kita pada siri yang ketiga yang akan datang.

Dan bagi jawapan Yang Berhormat daripada Batu Gajah adakah tambahan ini cukup ataupun apakah tambahan tidak cukup apabila kita menambahkan peruntukan bagi hendak menggunakan senjata api. Sebenarnya penggunaan senjata api kita tidak ada beli senjata baru tetapi senjata baru yang akan dibeli bukan untuk digunakan oleh peserta PLKN. Kita sudah ada senjata dan kita sudah ada peluru dan yang akan kita pakai ialah peluru ini. Senjata boleh pakai banyak kali. Cuma peluru tidak boleh pakai dua kali, sekali sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, semalam saya berapakah kos tambahan. Apakah langsung tidak ada sebab setahu saya, saya baca dari laporan mengatakan bahawa setiap pelajar diberi peluang untuk menembak 30 peluru hidup. Jadi walaupun secara sukarela, tidak ada paksaan, apakah dengan penambahan guna senjata ini tidak melibatkan kos langsung?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oleh sebab ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan kos pengangkutan untuk ke tempat sasaran.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan yang kita bincang ini untuk 205, 205 kita tidak tembak lagi pun, 205 tidak angkut lagi pun. 206 ini bulan Disember esok baru kita hendak tembak. Jadi semua peluru dan senjata kita simpan. Bila masuk 206 itu Yang Berhormat Batu Gajah akan diterangkan tentang kos ini. Pengangkutan pun kita beritahu insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat? Sungguhpun tidak ramai tetapi semua tunggu untuk memberi sokongan kepada permohonan Kementerian Pertahanan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tentang latihan kepada pegawai-pegawai di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan tentang staf kolej dan pusat-pusat latihan Angkatan Tentera Malaysia ini, sentiasa kita memberi peluang kepada anggota tentera yang bawah hingga ke atas untuk melanjutkan pengetahuan, pengalaman dan pendidikan. Seperti yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan satu program meningkatkan Kolej Angkatan Tentera kepada tahap universiti. Ini juga penerapan kepada tahap universiti iaitu *Fence University National Malaysia* pun telah diterima oleh pihak Pengajian Tinggi cuma kita berbincang dari segi teknikal dan tatacara keperluan pentadbir dan kuasa.

Jadi dengan itu Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani bahawa keraguan tidak perlu timbul dan permohonan untuk menyertai sama ada RMC, tentera laut, darat dan udara ini sentiasa kita dapat bilangan permohonan yang begitu ramai dan mulai tahun lepas kita telah mengadakan satu program lagi iaitu bagi peserta-peserta angkatan tentera ataupun keluar di angkatan tentera yang akan menyertai kolej kita. Mereka boleh mengambil sehingga ke peringkat untuk mendapat ijazah dan kita juga boleh menerima permohonan yang memegang ijazah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tadi saya bangkitkan fasal RMC itu. Kita ada sebuah sahaja, maksud saya tidak adakah rancangan ditambah dua atau tiga jadi dengan itu dapat menjamin staf kolej kemudian hari.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita bukan sahaja RMC tetapi kita ada lagi kolej di bahagian tentera laut, kita ada kolej di bahagian udara, TLDM, TUDM, tentera darat. Kita ada kolej dan kita akan buat universiti. Dan kita tidak cukup di sini untuk ini, kita hantar ke luar negeri pun ada. Dan orang luar negeri pun ada menyertai di kolej kita yang ada di sini.

Insya-Allah seperti yang saya katakan tadi, tidak cukup yang kita keluarkan kita terima yang ada berkelulusan universiti dan diploma untuk kita beri latihan kepimpinan di dalam tentera. Yang telah dapat ijazah ambil lagi kursus ketenteraan dan pimpinan dalam tentera selama 8 bulan dia akan keluar dan pakai pangkat sebagai kapten dan yang ada ijazah keluar, akan pakai pangkat sebagai major ataupun leftenan. Cuma yang dituntutkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang hendak menyertai di dalam askar wataniah itu hendak pakai pangkat yang lebih baik. Itu kita sedang memikirkan bukan atas kelulusan universiti tetapi atas peribadi sebagai wakil rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah ya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya. Bagan telah membangkit satu perkara mengenai dengan kawasan Sungai Puyu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu boleh beritahu dengan telefon nombor sahaja kepada dialah. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya telah bercakap tentang perkara kepada pihak pegawai dan Bagan pun sudah keluar?...Oh ada di sini lagi Bagan ya? Dan Insya-Allah kita sedang membuat arahan, arahan telah dibuat untuk melihat siapakah yang terlibat dengan perkara ini dan kalau ianya tidak menjejaskan daripada segi pentadbiran kerana sama ada tanah yang diberi oleh Kementerian Pertahanan ataupun TUDM ataupun mana-mana orang yang akan *enclosed* kepada tanah ini adalah satu kesalahan, itu tentu tetapi kalau *enclosed* kepada tanah kerajaan dan mengadakan setinggaan juga itu TUDM tidak boleh ambil tindakan. Ia mesti diambil tindakan oleh pegawai pejabat tanah di kawasan yang berkenaan. Kalau Yang Berhormat boleh mengetahui dan dapat tahu daripada mana-mana orang yang telah diminta ataupun diugut ini kepada saya, saya akan turun sendiri melihat perkara ini dan saya berjanji kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah Yang Berhormat, semua sudah jawab?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *[Sambil melihat dokumen dan kertas-kertasnya]* Saya rasa saya sudah jawablah, tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua puas hati?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Semua kita sudah jawab sudah dan saya rasa, semua puas hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cepat dia jawab, lengkap, lengkap.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak ada - tidak ada soalan tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup lengkap.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, terima kasih, saya minta sokong.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]* Lega!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM681,724,200 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM681,724,200 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 62 [Jadual]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Negeri terbuka untuk dibahas. Tanjong dan selepas itu menteri menjawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bagilah tiga-tiga.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Batu Gajah ada satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak boleh *booked* punya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Eh, dia ada, dia pergi keluar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, Jasin, Sabak Bernam dan seterusnya Timbalan Menteri jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Eh, ada, ada, Tuan Yang di-Pertua, dia ada Batu Gajah.

7.32 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah maksud B.62, Polis Di-Raja Malaysia ataupun Kementerian Keselamatan Dalam Negeri diberikan tambahan peruntukan sebanyak 161.7 juta untuk bayaran emolumen bagi jawatan tambahan. Saya mengalu-alukan segala usaha untuk menaik taraf dan menambah baik Polis Di-Raja Malaysia di negara ini dan satu langkah untuk menambahkan jawatan amatlah dialu-alukan. Di samping itu, saya juga berharap segala cadangan oleh Suruhanjaya DiRaja untuk menambah keanggotaan, kebajikan, kelengkapan, naik gaji..Timbalan Menteri takut dengan IPCMC saya tidak sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun, ini pun terkeluar dari tajuk.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Anggota, tambah anggota...ini cun cun masuk dalam topik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Cun-cun, tepat!

Seorang ahli: [Ketawa]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya rasa semua, ini haruslah dilaksanakan dengan segera, memandangkan negara dan masyarakat kita masih diancam oleh pelbagai jenayah. Tuan Pengerusi, tambah anggota adalah satu langkah yang baik sebab baru-baru ini Polis Di-Raja Malaysia telah mengumumkan indeks dan jenayah bagi bulan Januari hingga Mac tahun ini iaitu tiga bulan tahun pertama tahun ini yang amat membimbangkan, yang mana sebanyak 56,000 kes jenayah dicatatkan. Pecahannya adalah jenayah ganas, 12,210, jenayah harta benda 36,960 termasuk ragut, 14,000 lebih kes. Jenayah Komersial-1, 731 dan Jenayah Narkotik – 5,215. Amat membimbangkan Tuan Pengerusi dan sebanyak 586 kes rogol dicatatkan, ertinya 6.5 kes rogol dilaporkan setiap hari dan kes mencabul kehormatan 5.3 kes sehari dilaporkan manakala 60 kes rompakan setiap hari dilaporkan dan ragut pula 165 kes sehari.

Ketenteraman dan keamanan negara dan masyarakat boleh diancam jika kejadian-kejadian jenayah ini tidak ditangani lebih-lebih lagi ancaman kepada golongan wanita, kanak-kanak dan warga emas. Kes rogol secara purata sudah meningkat dari 4 kes setiap hari, dua, tiga tahun dahulu kepada 6.5 kes sehari dan menurut pertubuhan wanita di negara ini. Bagi setiap kes rogol yang dilaporkan ada 4 kes lagi yang tidak dilaporkan, ini memanglah satu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius, kita perlu menangani keruntuhan akhlak dan peningkatan keganasan dalam masyarakat kita. Sebelum keamanan negara dan masyarakat digadaikan.

Kes ragut pula amat membimbangkan serta Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri di mana 14, 937 kes dicatatkan dalam tiga bulan sahaja iaitu lebih kurang hampir 5, 000 kes sebulan dan 100 lebih kes setiap hari, kes ragut berlaku di Malaysia. Ini menggugat keselamatan dan kestabilan masyarakat dan membawa satu tekanan kepada rakyat kita khususnya golongan wanita yang ingin berurusan dan setiap hari di pusat-pusat bandar. Saya rasa Polis Di-Raja Malaysia dan kerajaan perlulah memikirkan sama ada hukuman yang lebih berat patut dikenakan di atas pesalah-pesalah ragut.

Sehubungan dengan jawatan tambahan ulasan saya yang terakhir iaitu tadi saya menyambut baik tambahan jawatan, Polis Di-Raja Malaysia dan saya berharap satu masalah yang belum ditangani dengan baiknya adalah komposisi kaum, Polis Di-Raja Malaysia yang juga diakui sendiri oleh kerajaan dan satu alasan kurangnya anggota dari keturunan Cina ialah mereka tidak minat untuk menjadi anggota ataupun pegawai Polis Di-Raja Malaysia tetapi mengikut laporan suruhanjaya pasukan polis gambaran adalah berlainan. Saya tunjukkan bahawa saya ambil contoh tahun 2002 hingga 2004 iaitu tiga

tahun yang mohon menjadi kadet ASP dan Inspektor percubaan dari kaum Cina ini sebanyak 1, 564 dalam tiga tahun dan angka ini naik setiap tahun.

Yang dipanggil untuk *interview* cuma 157 orang dan dilantik pula 56 orang, merupakan 3.5 peratus sahaja. Jadi, kata kaum Cina tak minat menjadi anggota polis atau pegawai polis nampaknya dari statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis tidak menunjukkan begitu. Kalau bagi konstabel percubaan dan konstabel tambahan pula gambaran itu pun serupa, walaupun ada sedikit sebanyak peratusan yang lebih tinggi sedikit.

Bagi tiga tahun ini juga kaum Cina yang mohon untuk menjadi konstabel percubaan dan konstabel tambahan adalah seramai 1,481 orang, yang dipanggil *interview* 608 orang dan yang dilantik dalam tiga tahun ini 230 orang, iaitu 15.5 peratus sahaja. Jadi, mitos bahawa orang Cina tak minat untuk menjadi pegawai atau anggota PDRM tidak benar, dan saya berharap dalam usaha *Malaysianize* PDRM ini perkara ini dapat ditangani dan diberi perhatian yang khusus. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jasin.

7.36 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sentuh sikit sahaja tentang Butiran B.62. Akhir-akhir ini kita lihat bahawa kekurangan kakitangan ataupun anggota polis begitu ketara. Ini disebabkan bahawa pengambilan sejak 13 Mei tahun 1969, 30 tahun lebih dulu, sekarang ini kebanyakan daripada anggota-anggota yang pengambilan tahun 1969, yang kita ambil cara beramai-ramai ketika ini kebanyakan dah umur pencen.

Akhirnya kemudahan yang ada pada polis sekarang untuk *training* tidak dapat menampung kekurangan ataupun mereka yang pencen tak dapat nak ganti. Akhirnya di tempat saya, di Parlimen Jasin pada hari ini kita lihat perumahan kita dapat atasi dengan baik, perumahan polis di Jasin, perumahan polis di Merlimau cantik, tetapi banyak kosong kerana kekurangan kakitangan yang ditempatkan di Jasin.

Dan nombor dua Tuan Pengerusi, saya pun tengok polis ini, kastam pakai BMW, polis di Jasin pakai kereta Kancil. Kebanyakan balai-balai polis di Jasin di Sungai Rambai baik, di Merlimau baik termasuk di Bemban diberi kereta Kancil. Jadi, bagaimana, bagaimana polis nak menjalankan tugas nak kejar pencuri-pencuri ataupun penyamun-penyamun?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Masuk ke dalam Dewan].

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini, apa hal ini? Ketawa-ketawa. Apa hal, apa pulak tak ada suara pulak? Saya apa nak takut, surat khabar keluar macam itu saja cakap.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, ini terkeluar, ini terkeluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ha, ini keluar daripada tajuk, dia orang ni Ipoh Timor Tuan Pengerusi, selalu keluar tajuk punya orang. Jadi, kita berharap, kita berharap dalam kita nak mempermodenkan, nak mempermodenkan polis ini kita berharap supaya polis-polis juga dibekalkan bagaimana kastam - BMW.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu tutup mata, satu mata...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Ketawa] Kastam BMW, polis nak kejar penyamun bagaimana disebutkan 'perogol-perogol' pakai Kancil. Bagaimana nak mengatasi masalah ini. Dan kita berharap masalah kakitangan ini kita dapat selesaikan lebih-lebih lagi kawasan luar bandar kerana bukan sahaja kes-kes yang macam disebutkan oleh Tanjung tadi. Tetapi, di kawasan luar bandar macam Parlimen Jasin ini dah ada, dah mula pencuri sekerap, pencuri getah, pencuri buah kelapa sawit pun ada pencuri bab-bab

ni. Oleh yang demikian kita minta supaya tambahan kakitangan secepat mungkin di kawasan Parlimen Jasin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam.

7.41 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Sabak Bernam ingin khusus kepada perkara berkaitan perjawatan dalam PDRM yang kurang itu supaya segera diisi. Ini saya nak kaitkan terus kepada Jabatan Narkotik PDRM yang sehingga kini dalam agenda menangani salah guna dadah, agenda yang pertama iaitu pencegahan.

Kita jelas gagal untuk membendung ataupun menyekat bekalan najis dadah itu daripada masuk ke negara kita. Jadi, bila kita cuba memerangi masalah salah guna dadah dengan unsur bekalan ini terus masuk ke dalam negara kita. Maka untuk kita sifarkan najis dadah ini menjelang 2015, iaitu hasrat negara memang satu angan-angan sahaja. Oleh kerana itulah pihak Sabak Bernam berharap supaya dalam tempoh yang terdekat ini perjawatan yang disebut dalam akhbar sendiri 6,500 kekosongan itu diisi dengan seberapa segera.

Perkara yang kedua, Sabak Bernam ingin merakamkan tahniah dengan konsep Rakan Cop yang telah dilaksanakan oleh pihak polis, dan ini saya berpendapat kalau dapat dikembangkan ke kawasan-kawasan hitam dalam mengatasi masalah najis dadah ia boleh dikurangkan pada tahap tertentu. Dan saya harap pihak kementerian proaktif terhadap cadangan Sabak Bernam untuk mengklasifikasikan kawasan-kawasan tertentu itu yang serius dengan masalah dadah sebagai kawasan hitam, kawasan kelabu dan putih, kerana tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memastikan bahawa tempat yang serius itu diberikan keutamaan dengan agenda khusus.

Dan yang akhir sekali Sabak Bernam merasakan bahawa agenda menangani salah guna dadah ini perlu dinilai semula kerana nampak strategi yang kita laksanakan sekarang ini bukan nak kurangkan, nak membendung masalah salah guna dadah ini tidak dapat dicapai. Setiap hari satu jam dua orang, maknanya satu hari hampir 50 orang anak-anak kita tewas.

Maknanya dalam peperangan ini kita tewas, kita membenarkan askar kita ditewaskan. Oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya diwujudkan pusat operasi perang daripada peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah yang menggambarkan mengenai pergerakan musuh kita, pergerakan askar kita supaya agenda ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan lebih berkesan dengan *indicator* keberkesannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi, nak bangun. Tak apalah dua minit, dua minitlah. Bukit Mertajam.

7.44 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi dua minit. *[Ketawa]* Yang saya nak, hari ini di dalam surat khabar ada satu berita mengatakan dua orang anggota polis dia bersama dengan dua orang penjenayah dan sama-sama menjalankan *kidnapping*. Jadi, saya rasa ini merupakan satu perkara yang sangat-sangat menakutkan, bahawa anggota polis yang kita mengharapkan untuk menjaga kita boleh menjadi penjenayah. Saya ingin tahu berapa kes seperti ini sudah berlaku, dan apakah tindakan PDRM untuk mencegah perkara ini daripada berlaku supaya dia menjadi sifar jangan ada satu kes pun.

Dan di dalam satu kes yang lain seorang anggota polis nyaris-nyaris korbannya nyawa, kerana senapangnya telah dirampas oleh seorang penjenayah yang sedang menari dan ini sekali lagi menyebabkan saya sangat takut, bahawa kalau anggota polis sendiri senapang pun boleh dirampas bagaimana dia nak menjaga kita dan saya rasa ini bukan kali pertama. Ada beberapa kes di Johor pun pernah ada berlaku senapang dia dirampas.

Jadi, bagaimana kita hendak memberi latihan kepada anggota polis supaya mereka lebih handal untuk menjaga keselamatan rakyat?

Tuan Pengerusi, pada tempoh hari apabila Timbalan Menteri menjawab soalan, mengatakan bahawa bilangan anggota polis yang terlibat dalam rasuah adalah amat kecil sekali, dan bilangan ini telah turun selepas ada kempen anti rasuah. Jadi, saya mengucapkan tahniah kalau ini sebenar-benarnya berlaku.

Dan saya nak tahu kerana ini saya rasa bilangan yang beliau bagi itu adalah berbanding dengan seluruh anggota polis. Saya rasa itu adalah sedikit tidak adil, kerana ada anggota polis langsung tidak ada peluang untuk mendapat rasuah, seperti mereka di *field force*, mereka tidak berinteraksi dengan orang ramai, mereka tidak ada peluang langsung untuk mendapat apa-apa rasuah. Mereka di dalam, pensyarah di akademi polis, mereka mengajar sahaja jadi mereka pun tak dapat apa-apa rasuah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak bererti apabila mereka diberi peluang, mereka juga ingin ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, maksud saya ialah, tujuan saya ialah kita hendak, kita patutnya menolak pasukan-pasukan yang tidak berdepan atau berinteraksi dengan orang ramai yang tidak langsung tidak ada peluang untuk mendapat rasuah. Dan kita carikan yang rasuah ini kebanyakannya datang dari mana? Dari pasukan yang mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Barulah tepat, barulah kita boleh nak cegah rasuah, nak bertindak di mana? Kalau tidak kita merata-rata sahaja, tak sasar kepada sasaran yang betul, betul ke?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul ke? Jadi saya haraplah Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat, kena bagi peluang sikit kasi Batu Gajah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berikan yang tepat berapa orang ini, anggota polis yang rasuah ini kebanyakan datang dari bahagian yang mana? Pasukan yang mana? Dan bagaimana kita nak mencegah rasuah ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Batu Gajah dan lepas ini Menteri boleh jawab.

7.51 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin bahas berkenaan peruntukan tambahan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kalau masih ingat, dalam Dewan saya pernah bangkitkan berulang kali berkenaan notis tidak memakai topi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan dasar ya Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak ada, tak ada. Ini berkenaan *efficiency* pegawai-pegawai polis kita. Walaupun dalam Dewan Timbalan Menteri pada ketika itu yang sekarang telah jadi Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan bahawa Notis 170 tidak boleh digunakan untuk mengeluarkan bagi kesalahan tidak pakai keledar. Kesannya walaupun kenyataan demikian diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan, orang kampung masih menerimanya. Kesalahan dikatakan berlaku pada bulan 7, tapi hanya sekarang bulan 4, bulan 5 tahun ini baru diserahkan. Jadi mengapa ini boleh berlaku? Ini saya sekarang sangat faham perasaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenapa dia begitu sakit kepala sekali berkenaan sistem penyampaian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kasihan pada Perdana Menteri ya?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya sangat amat, sebenarnya saya amat kasihan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab itu saya masa ucapan saya ada bangkitkan, kami menyokong yang disuarakannya seruan *what we view? What we mean, corruption* sistem penyampaian. Kami *little napoleon* hapuskan ini, kami semua sokong, saya kasihan. Tak tahu apa perasaan Yang Berhormat Tuan Pengerusi lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan rasa bangga sekiranya Yang Berhormat sokong sama dia selama-lamanya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita, Tuan Pengerusi, kita biar sini, yang baik, manfaat faedah untuk rakyat kita memang sokong, kita berani sokong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dua minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak apa, bukan sahaja ada *little napoleon, big napoleon* pun ada, *one eyed napoleon*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Ketawa].

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya memang benar Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terkeluar daripada tajuk, tak payah jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ada setengah minit lagi. Jadi saya haraplah batalkan ini semua di mana kenyataan telah diberikan dalam Dewan bahawa tak boleh notis ini. Tapi sekarang bulan 4 tahun 2006 masih serah. Jadi kalau saya tanya Tuan Pengerusi minggu lepas, makan apa untuk makan malam pun tak boleh ingat. Bagaimana pula dengan ini tak ada gambar? Jadi ini persoalannya, katakan telah lakukan kesalahan bulan 7 tahun lalu, sekarang baru kirim. Dan ini juga notis tak sah, tak mengikut peraturan yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh jumpa Menteri lah sebelum ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tapi sudah banyak kalilah Tuan Pengerusi, saya kalau mahu cerita, saya panjang cerita lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: OCPD sudah pergi jumpa, trafik Perak sudah pergi jumpa, Bukit Aman 'Tun Kin Koi' sudah jumpa, lepas itu dalam Dewan, Timbalan Menteri sudah jumpa. Lepas itu balik jumpa juga dengan Timbalan IGP, Datuk Musa sudah jumpa. Sekarang kena balik masuk Dewan kena bangkitkan lagi. Apa masalah? *Delivery system* tak ada yang lain, saya kasihan. Dan saya juga kasihan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikelilingi oleh Menteri-menteri, Timbalan Menteri, dan Ahli-ahli *backbenchers* yang tak sokong dia dengan IPCMC. Saya juga kasihan dengan beliau yang buat baik tapi tidak disokong oleh orangnya sendiri. Saya memang kasihan.

Beberapa Ahli: [Membuat bising].

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tapi saya nak beritahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang baik memang kami akan sokong dengan sekuat-kuatnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masuk parti dia. Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mesti sokong punya. Orang parti dia tak sokong.

7.58 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Jasin, Sabak Bernam dan juga Batu Gajah. Yang pertama sekali ialah berkenaan Yang Berhormat bagi Tanjong berkenaan dengan peningkatan kes-kes jenayah di negara kita di akhir-akhir ini. Memanglah kita dapati kadang-kadang jenayah, kes-kes jenayah ini ada kala dia naik, ada kala dia turun. Tapi walau bagaimanapun kita sentiasa mengambil langkah yang perlu, yang tegas mengenai menangani masalah ini. Seperti mana yang saya beberapa kali bangkitkan iaitu akhir-akhir ini kita telah menambahkan pegawai-pegawai polis dan juga kakitangan polis di tempat-tempat tertentu.

Dan selain daripada itu juga, sekarang ini seperti mana yang kita tahu baru-baru ini kita telah melancarkan Rakan Cops kepada semua masyarakat untuk melibatkan diri dalam usaha memerangi jenayah di semua peringkat. Kerana seperti mana yang kita tahu bahawa memanglah kita masih kekurangan anggota polis dan nisbah yang kita ada sekarang 101 kepada 411 orang penduduk. Dan kita berharap kita akan dapat nisbah 1 kepada 320 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Walau bagaimanapun usaha-usaha dijalankan, selain daripada itu ialah memasang CCTV, kita pasang di beberapa tempat terutamanya di Kuala Lumpur ni seperti mana yang pernah saya jawab, kita akan tambah di Cheras, di Brickfields dan sebagainya. Ini usaha-usaha kita untuk memerangi jenayah ini.

Walaupun bagaimanapun, kos untuk membina atau memasang CCTV ini atau *maintenance* nya amat tinggi. Umpamanya yang macam yang kita ada di Bukit Jalil, kita memerlukan lebih kurang RM20 juta setahun untuk *maintenance* sahaja. Tapi walau bagaimanapun ini bukan satu alasan dan Insya-Allah kita akan terus memasang CCTV ini di semua bandar-bandar penting. Selain daripada itu Yang Berhormat juga membangkitkan soal pegawai-pegawai polis daripada bangsa Cina terutama sekali. Sebenarnya walaupun ramai yang kita tahu telah memohon, begitu juga selain daripada kaum Cina, kaum-kaum lain juga telah memohon. Tapi walau bagaimanapun ini adalah melalui proses temu duga dan juga daripada syarat-syarat yang ditetapkan dan mereka diambil ikut kelayakan yang mereka ada. Jadi itu proses yang dibuat ialah secara yang biasa.

Jadi walau bagaimanapun, perhatian kita, memanglah kita sentiasa menggalakkan lebih ramai lagi, bukan sahaja di kalangan orang Melayu untuk menyertai anggota polis ini, lebih ramai, lebih baik. Jadi oleh kerana negara kita ini memanglah daripada negara yang berbilang kaum.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Memang saya ada meneliti statistik yang saya kemukakan tadi. Saya tak nafikan bahawa saya pun tidak menyoalkan soal orang Cina, atau sesiapa sahaja diberi keutamaan. Tetapi memandangkan ini satu masalah yang ingin kita tangani sama ada PDRM akan cadangkan bahawa satu usaha ataupun pengambilan khas dalam satu, dua tahun ini untuk menambahkan bilangan ini dengan banyaknya untuk satu kali supaya ianya dapatlah menjalankan tugas yang diharapkan. Sekian.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu saya akan ambil kiralah supaya pengambilan-pengambilan di masa yang akan datang akan kita tentukan kepada perkara-perkara yang disebutkan tadi. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada membangkitkan soal rasuah di kalangan pegawai polis. Jadi saya telah bagi apa yang saya sebutkan atau yang saya di masa yang lepas iaitu berdasarkan kepada keseluruhan. Tidak ada mana-mana anggota dalam anggota polis, anggota polis yang tidak berhadapan dengan masyarakat. Semua ada, sama ada dia bertugas di laut, sama ada dia bertugas di hutan, sama ada dia bertugas di mana-mana, memang semua terlibat. Dan mereka ini terdedah dalam berbagai-bagai orang kata apa, kalau kita hendak katakan rasuah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Walaupun bagaimanapun, cadangan-cadangan Yang Berhormat itu saya ambil kira dan insya-Allah kita tengoklah pada masa-masa yang akan datang supaya satu pengawasan yang lebih teliti diadakan terutamanya sekali cawangan-cawangan yang tertentu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin mendapat angka anggota polis rasuah di Bahagian Narkotik, di bahagian di depan kaunter, di CID dan juga trafik, dan juga *commercial crime*. Kerana walaupun dikatakan tidak ada polis yang tidak ada peluang untuk menerima rasuah tetapi dengan jelasnya bahagian-bahagian ini adalah lebih berpeluang. Kalau berbanding kepada FRU, berbanding mereka menjalankan tugas di dalam *jungle*, di dalam laut, saya rasa kita semua faham tidak payah kita cakap sejeles macam ini. Tetapi saya harap pada sesi yang akan datang sediakan maklumat seperti ini kerana kita hendak tolong, kita semua hendak tolong kerajaan, hendak tolong Yang Amat Berhormat. Supaya kita sama-sama anti-rasuah, sehabis-habisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Secara ikhlaslah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, secara sangat ikhlas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hati banyak baik ha?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hati banyak baik. Ini memang.....

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...berjiwa rakyat, untuk rakyat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat tanya saya dahulu pasal rasuah, berapa banyak tadi saya jawab, itu jawapan yang saya bagi. Hari ini Yang Berhormat tanya saya pula bagaimana perpecahan? Saya akan bagi lagilah jawapannya secara bertulis, okey?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bila akan bagi dalam bertulis?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Secepat mungkin.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minggu depan boleh tidak? Jadi minta menaikkan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah cakap secepat mungkin.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya kata secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Secepat mungkin.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana satu minggu lagi bermesyuarat kalau bolehlah, kalau boleh menunjukkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah secepat mungkin Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukti Mertajam]: ...sistem penyampaian yang bagus, yang *class national*, bolehkah?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya kata secepat mungkin ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah saya minta, saya minta kalau minggu depan kalau boleh saya sangat berbesar hatilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini juga menunjukkan bahawa PDRM ini sangat berkesan, cepat, tepat, selaras dengan dia punya slogan.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada membangkitkan soal tambahan pegawai-pegawai Biro Narkotik. Memanglah kita daripada tambahan yang ada di antaranya adalah melibatkan pegawai-pegawai daripada Biro Narkotik. Dan sebenarnya saya dalam jawapan yang saya jawab pada sesi Parlimen yang lepas bahawa jawatan-jawatan tertentu akan diisi akhir bulan 2006 ini. Dan selain daripada itu, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Jasin ada membangkit berkenaan dengan penggunaan kereta dan sebagainya.

Memanglah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita sedang menambah MPV iaitu kereta-kereta perondaan di seluruh negara kita. Seperti mana yang kita tahu seperti yang saya pernah jawab iaitu di Kuala Lumpur ini pada satu masa kita hanya ada 60 kereta sahaja yang meronda di sekitar Kuala Lumpur. Dan dalam sedikit masa lagi kita jangka bahawa penambahan lebih daripada 100 buah kereta dan insya-Allah kita punya *respond time* pun akan menurun seperti juga di negara-negara maju yang ada sekarang ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon supaya kenyataan jawatan itu akan diisi menjelang akhir 2006 ini kita ubah. Menggambarkan *urgency*, kesungguhan maknanya kita dalam keadaan cemas ini Tuan Pengerusi, dadah ini tetapi tidak nampak kecemasan itu, tidak digambarkan. Oleh kerana itu jawatan yang disebutkan tadi saya harap diisi seberapa segera kerana saya sudah nyatakan bahawa setiap hari anak kita tewas ini Tuan Pengerusi. Jadi oleh kerana itu saya harap ada nampak *urgency* mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita kalau boleh kita memanglah hendak isi jawatan itu tetapi kita memerlukan peraturan tertentu, kita kena mohon daripada JPA dan juga daripada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan dari segi kewangan dan sebagainya. Tetapi memanglah soal dadah ini kita tidak pernah mengambil ringan dan selain daripada Narkotik, kita juga ada agensi-agensi lain seperti AADK yang terlibat dalam usaha-usaha memerangi dadah di negara kita ini. Jadi berkenaan ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Pada tahun 2004 apabila dikatakan perjawatan anggota polis begitu kekurangan ada cadangan bahawa kerja-kerja kerani itu boleh mengupah orang yang bukan dilatih sebagai anggota polis. Dan supaya mereka yang sekarang bekerja *paper work* itu boleh dilepaskan untuk menjalankan tugas sebagai *policing* atau polis. Adakah ini telah dijalankan? Yang satu lagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak belum menjawab soalan saya lagi yang mengatakan berapakah anggota polis yang telah terdapat bersubahat dengan penjenayah ini, berapa orang? Dan juga kita sekarang pun telah kekurangan anggota polis tetapi ada anggota polis yang terkorban begitu sahaja. Dia tertidur dan tertembak oleh kawan dia. Macam mana ini boleh berlaku saya tidak faham. Macam mana dia boleh tidak *unload* dia punya pistol dan bagaimana ini boleh berlaku?

Ini bukan satu tragedi tetapi dia ini membawa persoalan bagaimana mereka dilatih untuk membawa pistol macam ini. Dan bolehkah kita dapat satu jawapan berapa pistol yang sekarang sudah di dalam tangan penjenayah ini adalah dari polis? Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangkit soalan-soalan spesifik. Yang pertama sekali berkenaan dengan jumlah, saya tidak boleh bagi jumlah itu sekarang ini, saya memerlukan masa. Saya akan bagi Yang Berhormat bersama-sama dengan jawapan-jawapan yang lain. Berkenaan dengan yang terlibat dengan kes penculikan saya tidak dapat dinafikan bahawa benda-benda ini berlaku dalam keanggotaan polis. Daripada seramai 98,000 yang ada memanglah ada di kalangan mereka seperti mana yang saya telah jawab dalam kenyataan surat khabar baru-baru ini iaitu ada di kalangan anggota polis yang terlibat dengan kes-kes yang mencemarkan nama baik polis sendiri.

Walau bagaimanapun tindakan tegas akan diambil dan telah diambil kepada anggota-anggota kita yang telah terlibat dalam kes-kes seperti ini. Berkenaan dengan kes yang berlaku di baru-baru ini berkenaan dengan yang tertembak itu, Timbalan IGP sendiri telah memberi pengakuan bahawa kes ini dalam siasatan dan memerlukan masa tiga hari untuk mendapatkan laporan penuh dan akan diumumkan kepada akhbarlah dan kepada kementerian sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi ke?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya rasa itulah sahaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: ...yang dibangkitkan oleh semua yang telah membahaskan jadi saya sekali lagi lah mengucapkan berbilang-banyak...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf...

Dato' Mohd Johari bin Baharum: ...*sorry, sorry*...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan mahu lari ha.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Berkenaan dengan Ipoh Barat...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan Ipoh Barat, Batu Gajah.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Batu Gajah dia tidak pernah jumpa saya. Batu Gajah dia berselisih saya dengan saya pun dalam Dewan ini, dia tidak pernah jumpa saya. Walaupun dia bawa orang berjumpa saya menyerahkan surat-surat rayuan dia sendiri tidak pernah cakap dengan saya. Macam mana dia kata dia berjumpa dengan saya. Saya belum pernah bercakap duduk bersebang dengan saya sama ada dalam Dewan ini atau di luar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya baiklah....

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ada sekali itu, saya di bawa bersama-sama dengan Yang Berhormat Dato' Seri Nazri, untuk berjumpa dengan isteri bekas seorang daripada ISA. Beliau yang bawa, tetapi saya sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab, beliau tidak bertegur sapa dengan saya atau meminta saya supaya memberi satu pertolongan kepada mereka ini. Jadi saya rasa, kenyataan-kenyataan Yang Berhormat ini, saya rasa amat kelirulah. Jadi, saya rasa itulah. Jadi kalau Yang Berhormat nak jumpa...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, janganlah kecil hati. Yang Berhormat jangan kecil hati.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, apa yang Yang Berhormat cakap itu memang tidak adil. Tidak adil. Jadi Yang Berhormat nak jumpa saya, *anytime anywhere*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat jangan kecil hati. Hari itu, jangan Yang Berhormat, jangan bagi penjelasanlah. Nanti orang dalam Dewan ingat, saya tidak hormati pula Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya tidak. *You* kata saya, tak boleh jumpa saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baguslah. Saya akan sampaikan apa yang telah dibangkitkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh jumpa Menteri selepas ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan saya haraplah dia bukan sekadar kata sahaja dalam Dewan dan tindakan akan diberi. Jangan kecil hati ya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kecil hati. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Bagan jumpa saya, saya ada layan.. Bila saya jumpa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, juga tak ada masalah. Apa juga mereka bangkitkan kepada saya, *even* Yang Berhormat bagi Seputeh ada minta perkara-perkara yang saya boleh bantu, saya bantu. Jadi saya rasa, kalau Yang Berhormat menuduh bahawa saya tidak berjumpa dengan saya, susahlah begitu. Jadi, saya haraplah benda-benda seperti ini, kita boleh berunding di luar, *in anytime*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, saya ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan dan saya minta diluluskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM161,760,900 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM161,760,900 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2005 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli yang terhormat sebagaimana yang telah majlis memutuskan setelah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan diselesaikan, majlis mesyuarat pada hari ini ditangguhkan. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10 pagi hari Isnin minggu depan

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.17 malam.